

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

Bil. 23

Rabu

20 Mei 2015

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):**

■ Kes Penculikan Di Restoran Ocean King, Sandakan

- YB. Datuk Raime Unggi (*Tenom*) (Halaman 31 & 105)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan

Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 (Halaman 34)

**USUL-USUL:**

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M.16(3) (Halaman 128)

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

■ Mempercepatkan Pembinaan Jambatan Pekan Tuaran –  
Kg. Sawah - YB. Datuk Madius bin Tangau (*Tuaran*)

(Halaman 128)

■ Penambakan Laut Bagi Projek Melaka Gateway  
- YB. Tuan Sim Tong Him (*Kota Melaka*)

(Halaman 131)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

**Rabu, 20 Mei 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha kerajaan untuk memastikan Indeks Syariah Malaysia ini difahami sepenuhnya dan seterusnya menjadikan Malaysia negara contoh memandangkan Malaysia adalah negara pertama yang melaksanakan Indeks Syariah Malaysia.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salah sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan lima pertanyaan lain kerana menyentuh isu yang sama iaitu pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia. Pertanyaan-pertanyaan itu ialah Yang Berhormat Pasir Mas pada 25 Mei, Yang Berhormat Kubang Pasu dan Yang Berhormat Kuala Selangor pada 9 Jun, Yang Berhormat Masjid Tanah pada 10 Jun dan Yang Berhormat Kepala Batas pada 18 Jun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Indeks Syariah Malaysia ataupun singkatannya ISM telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 10 Februari 2015 yang lalu. ISM adalah satu indeks yang dibangunkan oleh kerajaan untuk mengukur dan menilai tahap keseriusan usaha kerajaan dalam mencapai matlamat *maqasid syariah* iaitu lima perkara memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dalam dasar dan program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Pengukuran ISM atau Indeks Syariah Malaysia adalah berdasarkan kepada lapan sektor utama dalam pengurusan dan pentadbiran negara iaitu:

- (i) perundangan Islam;
- (ii) sektor politik;
- (iii) sektor ekonomi;
- (iv) sektor pendidikan;
- (v) sektor kesihatan;
- (vi) sektor budaya;
- (vii) sektor prasarana dan persekitaran; dan
- (viii) sektor sosial.

Bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan Indeks Syariah Malaysia ini berjalan dengan sistematik dan efektif serta difahami sepenuhnya oleh masyarakat, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia yang berfungsi sebagai badan pelaksana dan pemantau serta menilai tahap kesungguhan semua pihak yang terbabit dalam menjayakan agenda pelaksanaan *maqasid syariah*. Program-program pencerahan dan penerangan mengenai Indeks Syariah akan diadakan daripada semasa ke semasa supaya masyarakat lebih berpengetahuan tentang kesungguhan kerajaan dalam mencapai matlamat *maqasid syariah* dan mereka tidak dipengaruhi oleh persepsi yang kurang tepat.

Sebagai usaha permulaan selepas penubuhan Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia (ISM) satu profil korporat ISM telah dilancarkan pada 14 Mei 2015 baru-baru ini. Profil ini menerangkan secara umum mengenai latar belakang ISM, pelaksanaan fungsi ISM dan hala tuju strategik Unit Indeks Syariah Malaysia JAKIM. Penubuhan Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia serta bidang-bidang penyelidikan ISM profil ini akan diedarkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan ISM.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memperlihatkan contoh profil korporat Indeks Syariah Malaysia yang ada di tangan ini dan *insya-Allah* kita akan bekalkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum tamat sidang bukan hari ini tetapi sesi kali ini. Seterusnya beberapa perancangan yang bersifat strategik secara berfasa yang melibatkan pelbagai peringkat pembuat dasar pelaksana dan masyarakat awam serta saluran media sedang diatur oleh JAKIM supaya pemahaman yang lebih jelas tentang ISM dapat diberikan secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek pengurusan kewangan kerajaan sebagaimana pertanyaan Yang Berhormat Pasir Mas seperti yang dijelaskan tadi antara sektor atau bidang yang akan diukur dalam ISM ini ialah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam bidang ekonomi. Pemantapan sistem dan institusi kewangan Islam merupakan salah satu input yang akan diukur dalam pelaksanaan ISM ini.

Begitu juga pertanyaan Yang Berhormat Kubang Pasu, apakah skop ISM meliputi budaya, adat resam dan norma-norma masyarakat Melayu. Dimaklumkan bahawa sektor budaya adalah termasuk dalam juga adat resam di mana pengukuran ISM adalah berdasarkan beberapa input berikut iaitu pemerkasaan peranan pihak berkuasa agama bagi menegakkan prinsip patuh syariah, kedua – kewujudan usaha mengekang unsur syirik dan unsur negatif dalam kesenian dan budaya dan ketiga – pemeliharaan warisan negara.

Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Kuala Selangor sejauh mana ISM dapat meningkatkan para pelabur daripada luar negara terutamanya negara Islam. Sesungguhnya kelima-lima *maqasid* yang akan dilaksanakan dan dicapai ini merupakan nilai universal yang diterima pakai oleh manusia sejagat. Sehubungan itu, kerajaan menjangkakan keyakinan para pelabur akan bertambah baik dengan pelaksanaan ISM ini kerana pelabur dapat mengetahui sikap ketelusan, integriti dan kejujuran yang ditunjukkan oleh kerajaan dalam memastikan kepatuhan kepada *maqasid syariah* juga termasuk dalam nilai-nilai universal pentadbiran sesebuah negara. Ini menjadi satu kelebihan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan bagaimana ISM mampu menjadi kayu ukur prestasi kerajaan sebagaimana pertanyaan Yang Berhormat Kepala Batas, dimaklumkan bahawa pengukuran ISM kepada lapan sektor tersebut dibuat secara menyeluruh.

#### ■1010

Dasar-dasar dan program yang ditetapkan oleh kerajaan melalui kementerian dan agensi berkaitan akan diukur sama ada menepati ataupun tidak dengan apa yang terkandung dalam tuntutan *maqasid syariah* itu sendiri. Kerajaan secara jujur sanggup menerima dan mencari ruang-ruang pemberian yang boleh ditambah baik. Pada masa ini, pengukuran kepada kelapan-lapan sektor dibuat berdasarkan input-input yang diperoleh daripada temu bual pakar, sidang pakar dan soal selidik yang dijalankan oleh tiga golongan responden iaitu pembuat dasar, pelaksana dasar dan masyarakat.

Dapatkan daripada kajian ini dibuat secara objektif, telus dan lebih komprehensif akan menjadi kayu ukur dan menilai sejauh mana prestasi kerajaan dalam pelaksanaan dasar dan pelaksanaan program berlandaskan piawaian yang selaras dengan *maqasid syariah*.

Akhirnya, mengenai keberkesanan ISM yang dicapai. Sememangnya *maqasid syariah* sudah diaplisasikan sebagai teras dalam pembangunan dan pemerintahan di Malaysia selama ini. Hanya ia belum pernah diukur pada satu tahap yang sebenar. Oleh

itu, pembinaan dan penubuhan ISM adalah untuk menjelaskan salah faham dan juga tanggapan segelintir rakyat Malaysia yang menyatakan bahawa sistem pentadbiran negara yang selama ini tidak mengikut prinsip-prinsip Islam. Langkah kerajaan untuk melaksanakan indeks syariah ini diharap dapat membuka mata negara-negara Islam yang lain di dunia bahawa Malaysia serius dalam melaksanakan prinsip syariah dalam pentadbiran negara untuk kesejahteraan rakyatnya.

Kerajaan sentiasa beriltizam dan beristiqamah dalam memastikan setiap usaha dan dasar yang kerajaan laksanakan adalah berpaksikan kepada *maqasid* syariah dan menetapi syarak. Namun, sebagai suatu inisiatif bertaraf perintis, kerajaan yakin ISM akan menjadi pelengkap tadbir urus syariah yang komprehensif, telus dan sistematik. Sekian, terima kasih.

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana telah mengambil langkah berani dengan mewujudkan dan juga menjadikan Indeks Syariah Malaysia ini sebagai satu permulaan yang baik untuk negara kita dan telah pun menjadikan negara seperti Turki dan Maghribi sebagai penanda aras kejayaan ISM ini. Saya juga melihat bahawa tidak banyak bahan bacaan ataupun rujukan yang boleh kita dapati berkenaan dengan ISM ini. Memandangkan ISM ini amat penting dalam mengukur keseriusan Kerajaan Malaysia dalam memastikan unsur-unsur *maqasid* syariah dalam pentadbiran kerajaan. Soalan saya, apakah langkah ataupun jaminan kerajaan bagi memastikan supaya ISM ini tidak hanya seperti ‘melepaskan batok di tangga’ dan tidak akan dijadikan sebagai projek bermusim dan supaya tidak dapat diperlekehkan lagi oleh orang lain atau sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Permatang Pauh semalam sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdagangan semalam.

Soalan saya seterusnya, bagaimanakah kerajaan berusaha memastikan agar nilai indeks yang tinggi dalam sektor politik bagi sama-sama memastikan pentadbiran urus yang berintegriti tinggi dan juga yang positif serta unsur-unsur yang positif dan baik dalam sektor politik. Terutama sekali kerajaan dan sama juga dengan pembangkang dan begitu juga nilai-nilai politik diterapkan kepada rakyat Malaysia. Maksudnya, unsur-unsur politik. *Office politic* pun ada, *domestic politic* pun ada sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya, Yang Berhormat Pasir Salak pada pagi tadi.

Jadi, mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Masjid Tanah yang telah pun mengemukakan pandangan dan juga soalan. Pertamanya, berkaitan yang langkah. Adakah ini

merupakan langkah dan projek yang bersifat bermusim ataupun hanya merupakan perkara yang akan berterusan? Saya ingin menegaskan di sini bahawa projek *maqasid syariah* ini, ia merupakan satu perkara yang sebenarnya telah pun berjalan begitu lama. Asalnya ia tidak mempunyai pengukuran yang dibuat sebagai ukuran.

Kita faham bahawa beberapa buah negara yang kita lawati di Indonesia sebagai contoh, kerana mereka memiliki jumlah rakyat Malaysia yang begitu ramai dan begitu juga di Pakistan yang telah pun melaksanakan pelaksanaan sistem undang-undang syariah yang mereka jalankan. Begitu juga di Maghribi. Sebuah negara yang juga telah melaksanakan pelaksanaan pentadbiran secara syariah dan juga termasuk Turki, sebagai contoh negara moden yang diukur berdasarkan per kapita negara mereka. Mereka mempunyai jumlah Islam yang begitu ramai.

Jadi, dalam kerangka yang besar yang telah diatur, bukan hanya sekadar kita mewujudkan langkah untuk pengukuran indeks syariah, bahkan kita telah mewujudkan jawatankuasa tadbir urus. Dalam masa yang sama juga, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, bahawa taklimat ke arah untuk penjelasan ini di peringkat Persekutuan telah pun diadakan mulai Mei sehingga Jun 2015. Kerangkanya ialah taklimat kepada ketua-ketua agensi kerajaan di peringkat Pusat dan juga negeri, taklimat kepada ketua agensi swasta berkanun di peringkat Pusat dan negeri, wawancara penggerusi jawatankuasa tadbir urus. Ini sedang dirangka dan akan berjalan pada sekitar Mei sehingga Jun yang akan datang dan artikel-artikel yang berkaitan dengan indeks syariah, sekali gus juga bahan-bahan bacaan yang Yang Berhormat sebutkan tadi yang agak berkurangan.

Dalam kerangka yang sama, Julai sehingga September, kita merangka taklimat indeks syariah kepada kakitangan awam di peringkat Pusat dan juga peringkat negeri dan taklimat indeks syariah kepada kakitangan agensi swasta, berkanun di peringkat Pusat dan juga negeri.

Begitulah kerangka-kerangka ataupun *roadmap* perbatuan yang diatur Tuan Yang di-Pertua, ke arah untuk tujuan indeks syariah ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Selain daripada itu juga ialah nilai indeks syariah ini dalam konteks politik. Ini merupakan satu sektor yang amat menarik kerana ukurannya yang terpaksa dibuat dalam sektor politik. Namun, untuk memudahkan kefahaman Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa dalam sektor politik ini pengukurannya nanti ia akan mengambil kira ruang legar yang berkaitan dengan penterjemahan gaya urus tadbir negara dalam sektor politik. Begitu juga pendekatan politik pembangunan yang bersifat holistik.

Ketiga, pengukurannya dalam sektor politik ini ialah berdasarkan pembinaan dan penampilan imej islamik dan *bi'ah salihah* iaitu bagaimana kita melahirkan baik di kedua-dua pihak di peringkat kerajaan dan juga termasuk di peringkat pembangkang, mewujudkan satu *bi'ah salihah*. Suasana yang lebih menampilkan kebijaksanaan dalam menjaga politik negara dan diukur serta dilihat dan dinilai oleh rakyat sekalian dengan menjaga adab-adab dan juga kesopanannya. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Seperti yang disebut tadi, indeks syariah ini diumum oleh Perdana Menteri pada 10 Februari iaitu hari yang sama Datuk Seri Anwar bin Ibrahim dijatuhkan hukuman penjara. Dalam pemenjaraan yang dikecam seluruh dunia. Saya berbalik dalam segi *maqasid* syariah. Objektif syariah yang bertunjangkan lima perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Di bawah sektor-sektor yang digariskan, termasuklah perundangan Islam. Persoalan saya, wujud beberapa kontroversi dari segi tadbir urus kerajaan, termasuk Yang Berhormat Menteri sendiri menolak permohonan *khazaf* oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim. Itu satu.

Dari segi penjagaan harta, saya mahu bertanya. Bagaimanakah indeks ini dapat mengukur seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Masjid Tanah tadi, persepsi bahawa skandal ekonomi 1MDB sampai melibatkan jumlah RM42 bilion sampai terpalit? Hutang-hutangnya terpalit dengan Lembaga Tabung Haji. Dipaksa membeli tanah bagi menyelamatkan hutang 1MDB. Semua ini di bawah urusan politik yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Jadi, bagaimanakah Jawatankuasa Tadbir Urus dapat mengambil kira kemelut-kemelut yang dihadapi dan direkodkan dengan satu cara seperti jangan dilihat bermusim tetapi sesuatu yang konsisten dan *fundamental*. Mohon jawapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya tidak tahu Yang Berhormat Lembah Pantai pagi ini minum atau tidak lagi. Cenger pelik. [Ketawa]

Yang Berhormat Lembah Pantai, sebenarnya bila pelancaran indeks syariah yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Februari, di mana tidak ada kena mengena apa langsung di mana perbatuan dan juga perancangan untuk pengumuman ini dibuat sejak dari tahun 2014. Bukan dia 10 Februari itu *kun fayakun*. Jadi, terus jadi.

## ■1020

Dia dirancang lebih awal yang kebetulan juga kita tak tahu perancangan di dalam konteks di mahkamah sebab mahkamah kita tahu dia berjalan lama, tujuh tahun, sepuluh

tahun, begitu panjang dengan penangguhan yang pelbagai. Jadi, kita tak mengukur kerana itu kebetulan berlaku. Kalau kebetulan berlaku itu maka itu kebetulan yang tak boleh disalahkan kepada Indeks Syariah Malaysia.

Begitu juga Yang Berhormat Lembah Pantai sebutkan tadi tentang perundangan Islam, bukan soal saya menolak qazaf. Qazaf ada peruntukan di dalam Mahkamah Syariah di mana Mahkamah Syariah ada peraturan dia, ada undang-undang dia. Kita tak boleh menangkan semua orang sebab kita berdasarkan kepada undang-undang.

Jadi apa yang ada di Mahkamah Syariah, di mahkamahlah. Yang Berhormat Lembah Pantai ada sebut tadi tentang soal harta dan ekonomi negara. Pun tadi saya tengok Yang Berhormat cuba kaitkan dengan hal-hal yang pelbagai tetapi saya ingin menjelaskan Yang Berhormat Lembah Pantai bahawa pengukuran ekonomi adalah akan diukur dalam sektor ekonomi ini iaitulah pegangan harta negara yang kemudian penjaminan ekonomi Melayu, Islam dan juga dengan tidak mengabaikan ekonomi yang orang bukan Islam. Begitu juga pengukuran ekonomi dalam bentuk pencukaian, dalam sektor ekonomi juga diukur keadilan dan juga kestabilan peluang ekonomi dan juga penggalakan penglibatan masyarakat dalam aktiviti ekonomi dan diukur lagi pemantapan sistem dan institusi kewangan.

Jadi tak timbul soal bila sebut Tabung Haji terpalit sama dengan sektor ekonomi sebab ini bukan soal terpalit. Kita membeli harta bukan kita *bail out*. Jadi, perlu difahami dengan secara jelas yang saya merasakan Yang Berhormat Lembah Pantai bahawa dalam sektor ekonomi, pengukurannya ialah akan diukur dalam menentukan perjalanan ekonomi dan juga perjalanan politik, ini ditentukan oleh *players* ataupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pemain-pemain ekonomi dan juga pemain politik tetapi dalam Indeks Syariah ialah mengukur.

Tugas mereka ialah mengukur sejauh mana serius dan juga kepatuhan kepada syariah. Itu tugas dia dan bukanlah sektor ini mengukur untuk tujuan menentukan pengurusan itu mesti berjalan mengikut kehendak syariah tetapi mereka akan memberikan nasihat-nasihat kepada perkara yang tidak terkeluar daripada syariah kalau ianya berlaku. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kalau sebelum ini pada zaman Pak Lah Badawi sebagai Perdana Menteri, diperkenalkan Islam Hadhari tetapi sekarang hilang tidak berkubur dan sekarang ini *maqasid* syariah. Saya bimbang *maqasid* syariah ini akan

hilang apabila bertukarnya Perdana Menteri. Soalan tambahan saya ialah sejauh mana, bilakah kerajaan akan memberi jaminan untuk dapat mengemukakan kedudukan ukuran indeks *maqasid* syariah ini boleh didedahkan kepada masyarakat umum? Sejauh mana kepatuhan syariah sebab *maqasid* syariah bukan semata-mata di sudut kerangka tetapi daripada segi kepatuhan syariah daripada sudut semua pentadbiran negara.

Sedangkan kita lihat banyak isu dan perkara termasuk dalam lapan sektor yang disebut oleh Yang Berhormat tadi yang banyak kita lihat bercanggah dengan Islam itu sendiri malah kita lihat yang paling jelas ialah Perdana Menteri yang melancarkan *maqasid* syariah, isteri Perdana Menteri pun tak patuh syariat. Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Yang Berhormat Rantau Panjang, bila kita menyebut tentang Islam Hadhari pada zaman kepimpinan terdahulu begitu juga dengan zaman Dato' Sri Mohd. Najib. Kita melaksanakan apa yang kita namakan dengan pengukuran Indeks Syariah ataupun daripada tanggungjawab *maqasid* syariah. *Maqasid* syariah ini adalah merupakan tanggungjawab pemimpin-pemimpin semua negara termasuk juga negara kita Malaysia.

Kemudian, jauh lebih daripada itu kita melahirkan satu keberanian, kesungguhan untuk kita nak mengukur supaya kalau orang mengukur negara maju itu berdasarkan kepada *Human Development Index* (HDI) yang menjadi ukur sebuah negara itu dianggap maju ataupun tidak oleh peringkat dunia, maka kita ingin menjelaskan bahawa soal pengukuran *human rights* sebagai contoh, maka Islam sudah mengukur pada lima perkara tersebut yang dipanggil *maqasid* syariah iaitulah mengukur akidahnya, akalnya berdasarkan kepada hartanya, keturunan dan juga termasuk dengan ekonominya, harta.

Jadi ini pengukuran *maqasid* syariah. Jadi, ianya kalau nak dicuba dipadankan dengan pengukuran hari ini *human rights*, kita jauh lebih besar dan lebih luas daripada itu. Kemudian, daripada sektor lima perkara tadi ialah pengukurannya ialah pada lapan sektor yang lebih luas di mana termasuk perundangan syariah, politik, dalam sosial, kebudayaan dan sebagainya tadi iaitu lapan sektor. Jadi, lapan sektor ini bakal mewakili *insya-Allah* yang saya katakan awal tadi satu keberanian ke hadapan untuk kita mengukur dalam konteks kerajaan.

Bukan individu tetapi kerajaan secara keseluruhan dan kalau tadi saya katakan bahawa orang mengukur soal sebuah negara maju, dianggap maju ataupun mundur sebuah negara itu diukur berdasarkan dia punya mekanisme pengukuran *Human Development Index* (HDI). Kita tambahkan lagi dengan kita mengukur lapan sektor ini

yang juga termasuk dikukuhkan oleh *maqasid* syariah yang dalam masa yang sama dengan pengukuhan ini kita seakan kalau kita dah merangka Malaysia menuju negara maju pada tahun 2020, maka kita ada satu kerangka maju dalam konteks acuan Malaysia.

Maju dalam erti kata mengambil kira *maqasid* syariah dan termasuk lapan sektor yang diukur tersebut. Jadi, saya rasa ini merupakan suatu jaminan yang begitu baik untuk melihat negara Malaysia pada tahun 2020 di fajar pagi pada waktu tersebut, kita melihat bahawa kita telah mengadakan sebuah negara yang maju dalam landasan yang berkaitan ekonomi dan juga pendapatan kapita rakyat negara dalam masa yang sama diperkuuhkan dengan Indeks Syariah dengan lapan sektor yang diukur tersebut. Jadi, inilah yang dimaksudkan dengan *maqasid* syariah, mengambil kira soal rangkaian menuju kepada landasan negara maju dalam konteks acuan Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tiga soalan pertama tadi ketiga-tiga datang daripada Ahli Parlimen wanita.

2. **Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah pencapaian terulung yang Malaysia idamkan bagi ASEAN Economic Community (AEC) sebelum tempoh ASEAN Chair kita tamat pada penghujung tahun ini.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Komuniti ASEAN ini merangkumi tiga tonggak iaitu:

- (i) tonggak politik dan keselamatan;
- (ii) tonggak ekonomi; dan
- (iii) tonggak sosio budaya.

Pengisytiharan Komuniti Ekonomi ASEAN ataupun AEC adalah di bawah tonggak ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, AEC adalah satu pendekatan tersusun dan berperingkat bagi meningkatkan integrasi ekonomi di rantau ASEAN. Proses integrasi ini telah bermula kira-kira 20 tahun yang dahulu iaitu apabila dua perjanjian ditandatangani. Pertama, Rangka Kerja Memperkuuhkan Kerjasama Ekonomi ASEAN 1992. Kedua, ialah Perjanjian Skim Keutamaan Bersama pada tahun 1993. Ini merupakan dengan izin, *impetus* kepada penubuhan AEC. Tuan Yang di-Pertua, ini diperkuuhkan lagi apabila tahun 2007, Ketua-ketua Negara ASEAN bersetuju untuk melancarkan Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN yang mana visinya ialah untuk menubuhkan AEC ini menjelang tahun 2015.

Selain itu, ia bertujuan untuk meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya untuk menjadikan rantau ini sebuah pasaran tunggal dan pusat pengeluaran antarabangsa yang lebih menarik dan kompetitif. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai Pengurus ASEAN tahun ini ada tanggungjawab besar dan dua keutamaan yang terpenting soalan Yang Berhormat Jelutong tadi. Pertama ialah memastikan semua langkah yang telah dirancang dilaksanakan.

Setelah kita buat ukuran, setakat ini kita telah mencapai 90.5%. Kira-kira 450 langkah telah pun dilancarkan dan kita ada 10% lagi dan ini kira-kira 50 langkah. Jadi, peranan Malaysia tahun ini ialah untuk memastikan kita capai kemajuan. Kita tahu mustahil untuk mencapai 100%, kita sedang cuba untuk capai 90%. Ada 50 langkah lagi yang belum dilaksanakan itu kita harap kira-kira 25 ataupun 30 langkah akan dapat dilaksanakan.

Itu yang pertama, Yang Berhormat Jelutong. Kedua ialah untuk melengkapkan dokumen Visi Pasca 2015 untuk ASEAN. Ini adalah untuk tempoh 2016 hingga 2025, Malaysia adalah pengurus untuk menghalusi dokumen ini yang dijangka dilancarkan pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 November ini.

#### ■1030

Ini adalah dua perkara penting untuk kita capai. Selain itu ada beberapa perkara yang juga penting. Pada 28 Februari lalu di Kota Bharu, saya mempengerusikan mesyuarat ASEAN Economic Ministers. Di antara perkara yang kita putuskan:

- (i) untuk memastikan Perjanjian Fasilitasi Perdagangan ASEAN dapat dimeterai. Ini adalah untuk mengurangkan halangan bukan tarif;
- (ii) kita hendak ada satu mekanisme rasmi bagi mengurangkan halangan-halangan dan langkah bukan tarif;
- (iii) untuk memperkenalkan Skim Persijilan Sendiri ASEAN ataupun *ASEAN Self-Certification Scheme*;
- (iv) untuk terus mencapai kemajuan bagi liberalisasi sektor kewangan, perkhidmatan kewangan, sektor perkhidmatan dan ini merupakan apa kita panggil pakej yang ke-10. Kita sudah buat sembilan, tahun ini kita hendak capai pakej ke-10;
- (v) kita hendak ada perjanjian dengan Jepun berkaitan dengan perkhidmatan dan pelaburan;
- (vi) kita hendak adakan pelan tindakan untuk PKS SME's, perusahaan kecil dan sederhana untuk tempoh 10 tahun akan datang;

- (vii) kita hendak memperkenalkan amalan peraturan terbaik (*good regulatory practices*);
- (viii) untuk mencapai hasil substantif dalam perundingan RCEP (*Regional Comprehensive Economic Partnership*) yang melibatkan 10 negara ASEAN dan enam negara rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, PKS adalah satu perkara yang penting dan untuk memenuhi hasrat Malaysia bagi memperkasakan lagi PKS di rantau ASEAN, maka pada hujung tahun ini kita harap ASEAN akan melancarkan Strategic Action Plan for SME Development (2016-2025).

Ini satu agenda penting untuk Malaysia. Oleh itu, hujung bulan ini 26–28 Mei, Malaysia akan menganjurkan ASEAN SME Showcase & Conference. Kita sudah ada lebih 600 *booth* syarikat-syarikat PKS seluruh negara ASEAN. Peserta hampir 1,000 orang dan tujuan kita adalah untuk memperkasakan PKS.

Inilah Tuan Yang di-Pertua antara beberapa perkara yang kita harap akan dapat dicapai apabila Malaysia menjadi Pengurus ASEAN dan pada hujung tahun ini kita harap akan isytiharkan ASEAN sebagai komuniti di bawah tiga tonggaknya:

- (i) Tonggak politik;
- (ii) Tonggak ekonomi;
- (iii) Tonggak sosiobudaya.

Dengan itu negara-negara ASEAN akan lebih rapat hubungan dan kita dapat memantapkan lagi integrasi di antara rakyat masyarakat ASEAN. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas hujah-hujah yang diberikan begitu panjang lebar.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu perkumpulan ekonomi seperti AEC dalam acuan ASEAN itu yang merentasi banyak negara ada cabaran-cabaran tertentu dan antaranya yang saya lihat ialah jurang ekonomi, prestasi ekonomi kalau disukat menerusi GTP dan juga pendapatan per kapita. Jadi kita ada satu model di *European Community* di mana jurang prestasi ekonomi antara Germany dan juga Greek adalah begitu mencabar sekali.

Jadi saya rasa juga dari segi kalau kita lihat dari segi tiga tonggak di bawah AEC itu di mana peranan politik dan geopolitik juga memberikan satu pengaruh yang begitu ketara ke atas kejayaan perkumpulan ekonomi seperti EC dan juga AEC. Jadi soalan saya lebih padat kepada perdagangan antarabangsa Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita lihat AEC, strukturnya terbahagi kepada dua, iaitu Asia Tenggara kepulauan Nusantara dan juga Asia Tenggara benua besar. Jadi saya hendak mempelawa pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah strategi Malaysia supaya kita tetap boleh mempertahankan kepentingan ekonomi kita kerana terdapat dua projek terbesar untuk Asia Tenggara benua besar yang sedang berlaku.

Pertama ialah projek untuk membuat terusan dan juga jambatan darat untuk di bahagian Segenting Kra ataupun dengan izin *the Isthmus of Kra* dan ia akan menjalinkan kedua tempat dari Satun ke Songkhla dan ini akan menjelaskan kedudukan Selat Melaka dan juga kedudukan ekonomi Singapura sebagai satu misalan.

Kedua ialah projek jambatan darat yang besar yang mencantumi Kencana Puri di sebelah Thailand dan juga dengan Pelabuhan Dawei di Myanmar. Jadi kita lihat ada dua perkara yang akan membawa impak *game changing*. Jadi, apakah strategi Malaysia untuk mencari jalan secara awalan supaya kita dapat mempertahankan kepentingan ekonomi kita?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, kita masing-masing tegur diri sendiri bahawa kita dalam sesi soal jawab. Soalan boleh dikemukakan secara pendek dan padat Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Panjang tetapi soalan utamanya ialah berkaitan dengan terusan di *Isthmus of Kra*. Kedua adalah jambatan darat daripada Dawei, Myanmar merentasi Thailand. Jadi apa kesan kepada ASEAN, apa kesan kepada Malaysia, perlu persiapan.

Pertamanya, kita di ASEAN hendak promosikan integrasi ekonomi, hendak tingkatkan pendapatan dan kita seperti Yang Berhormat katakan tadi kita hendak rapatkan jurang antara – kerana ASEAN ini tiga kumpulan negara. Pertama, negara maju. Singapura dan Brunei maju, pendapatan tinggi. Kedua – negara pertengahan seperti Malaysia, Thailand, Singapura, Filipina. Ketiga – negara bawah iaitu Myanmar, Laos, Cambodia dan *semi-stand* dengan izin Vietnam.

Jadi kita memang hasrat kita hendak rapatkan hubungan. Jadi Yang Berhormat sebut tentang Greece dan Germany tadi, di Eropah ini jurang pendapatan tidak banyak sangat, macam kita ini terlalu lebar. Masalah di Greece bukan masalah sumber, masalah pengurusan kewangan yang amat lemah dan Germany punya pengurusan kewangan yang hebat, yang mantap. Jadi itu masalah di Greece. Tidak ada kaitan dengan kemiskinan ataupun tetapi pengurusan kewangan yang amat lemah.

Kembali kita kepada dua soalan Yang Berhormat, apakah persiapan negara-negara ASEAN khususnya Malaysia? Pertama, perkara seperti ini memanglah akan

memberi kesan yang besar dan perkara ini bukan perkara baru. Dawoo, Dawei, bukan Dawoo minta maaf, Dawei di Myanmar baru tetapi *Isthmus of Kra* ini 30-40 tahun dah. Jadi yang pertamanya mungkin akan masa yang lama. Apa pun sebagai sebuah negara kita perlu harus menangani. Kita tak boleh, kita tidak ada hak untuk menyekat negara-negara lain dalam membuat, melaksanakan projek-projek program. Itu hal urusan dia. Jadi bagi Malaysia, kita kena cipta, kena jana idea-idea baru bagaimana untuk menjadikan ekonomi Malaysia lebih kompetitif.

Umpamanya, apabila sekiranya berlaku terusan ini umpamanya, antara *Isthmus of Kra* ini ataupun terusan ini di Selatan Thailand, maka sudah pasti mungkin ada kesan untuk Pulau Pinang, ada kesan ke Melaka, ke PTP, ke Singapura dan lain-lain. Jadi, kita harus bersiap dengan semua ini macam mana kita harus tingkatkan daya saing. Kita harus galakkan pelaburan-pelaburan baru dan kalau berlaku, dan ini belum ada kepastian lagi, kalau berlaku pun lama lagi. Kita ada masa untuk bersiap sedia dengannya mempertingkatkan *human capital development*. Sudah pasti logistik umpamanya akan ada kesan pelabuhan, akan ada kesan. Jadi kita kena bersiap sedia sekarang.

Kalau benda ini berlaku sudah pasti Malaysia harus bersiap sedia lebih awal untuk merangka langkah-langkah untuk memastikan kita mampu mempertahankan kemantapan ekonomi Malaysia ini. *Insya-Allah* kita telah melalui pelbagai cabaran. Pada masa yang lalu dulu kita ada getah, kelapa sawit, ada orang kata kita akan lumpuh ekonomi kita tetapi kita bangkit dengan industri *electrical, electronic*. Sekarang ini *electrical, electronic* pun kita sudah maju ke depan.

Sekarang ini dalam bidang IT, dulu kita tak ke mana. Kita antara pertama memperkenalkan inisiatif bidang IT, sekarang di Cyberjaya lebih 50,000 *IT workers* sedang bekerja di sana. KL Sentral, dulu tidak ada apa, sekarang ini hebat dibangunkan untuk *service sector* dan lain-lain. *Airport*, dulu tidak ada. Jadi *insya-Allah* berdasarkan pengalaman Malaysia, kita yakin bahawa kita mampu untuk menangani cabaran-cabaran tetapi kita perlu ada kepintaran. Otak kena berfikir banyak dan duit kena adalah, dua perkara. Satu sumber kewangan, yang kedua kita punya *human capital, first class human capital* dengan izin. Terima kasih.

#### ■1040

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini, selama ini negara kita mengadakan beberapa kawasan pertumbuhan segi tiga bersama-sama dengan ahli-ahli anggota ASEAN dan ianya adalah untuk tujuan mempertingkatkan pertumbuhan di kawasan-kawasan yang bukan kawasan pertumbuhan utama. Perjanjian-perjanjian ataupun segi tiga itu adalah untuk memberikan kelebihan kepada kawasan-kawasan tersebut. Adakah dengan bermulanya AEC ini akan

membuatkan kelebihan-kelebihan itu akan sudah tidak relevan lagi? Sekiranya masih relevan ataupun AEC ini malah lebih memperkuatkan apa yang kita ingin capai di kawasan-kawasan segi tiga itu, maka yang satu segi tiga BIMP-EAGA di mana keputusan telah dibuat untuk mengadakan sekretariatnya di Kota Kinabalu tetapi ditentang oleh Filipina yang masih menuntut Sabah pada ketika ini.

Adakah patut, tidakkah patut kita menukarnya ke kawasan lain seperti Labuan apabila tujuan utamanya adalah untuk mencapai objektif segi tiga itu diadakan dan bukannya untuk tujuan politik. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Labuan, ada dua perkara. Pertama ialah peranan segi tiga ini. Kedua, berkaitan dengan pejabatlah untuk BIMP-EAGA Yang Berhormat Labuan. ASEAN ini ada tiga peringkat untuk kita mantapkan kerjasama. Pertama, peringkat ASEAN di kalangan 10 buah negara. Ibu pejabat ASEAN di Jakarta dan negara-negara ASEAN di peringkat ASEAN membincangkan cara bagaimana untuk meningkatkan kerjasama termasuk bidang ekonomi ini berjalan dengan baik.

Kedua di peringkat *regional* seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Labuan tadi dan kita ada dua, tiga sebenarnya. Kita ada *Greater Mekong Initiative*. Ini berkait dengan inisiatif di Myanmar, di Laos, Cambodia, Vietnam dan negara China. Kerjasama antara China dengan negara-negara di CLMV dipanggil, Comodia, Laos, Myanmar, Vietnam.

Kedua, kita ada IMT-GT, melibatkan Thailand, Malaysia, Indonesia. Ketiga ialah BIMP-EAGA melibatkan Malaysia, Indonesia, Filipina. Jadi ini peringkat kedua iaitu untuk memantapkan kerjasama ekonomi ASEAN ini *sub regional grouping* dengan izin. Tiga ini iaitu *Greater Mekong Initiative*, yang kedua BIMP-EAGA, IMT GT. Kesemua ini menyumbang kepada kemajuan ASEAN. Ketiga, kita ada juga bilateral ya. Malaysia dengan Singapura dengan Indonesia dengan Thailand. Maka inilah tiga peringkat langkah-langkah yang diambil untuk memantapkan kerjasama.

Jadi peringkat ASEAN, peringkat *sub regional*, peringkat bilateral ini semua menyumbang kepada usaha-usaha untuk meningkatkan integrasi ekonomi ASEAN. Jadi umpamanya dalam bahagian BIMP-EAGA di mana Labuan terletak, 97 projek telah pun diluluskan. 20 telah selesai, 20 dalam pelaksanaan. Ada projek-projek yang diusahakan dan projek-projek ini termasuklah untuk meningkatkan *connectivity* antara Malaysia dengan Brunei umpamanya, dengan Filipina ya. Hendak ada kapal dan lain-lain, jalan-jalan baru. Ini melengkapkan usaha-usaha untuk memantapkan integrasi ekonomi ASEAN.

Soalan kedua berkaitan dengan Labuan ataupun Kota Kinabalu. Memang ada cadangan untuk menjadikan Kota Kinabalu sebagai office, pejabat menguruskan hal-hal berkaitan BIMP-EAGA. Ini masih lagi dalam pertimbangan dan kita harap akan ada satu keputusan yang baik. Pihak kerajaan sedang meneliti cara-cara terbaik bagaimana perkara ini boleh kita lakukan mengambil kira perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Labuan tadi iaitu tuntutan Filipina yang masih lagi ada ke atas Sabah. Jadi kita sedang fikirkan langkah-langkah yang kreatif, inovatif untuk selesaikan masalah ini. Yang Berhormat Labuan, saya kurang pasti sama ada ini dapat dilakukan. Apa-apa pun ini masih lagi dalam pertimbangan kerajaan. Terima kasih.

**3. Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah usaha yang dilakukan bagi memastikan syarikat-syarikat telekomunikasi mengkaji semula cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang dikenakan ke atas kad pra-bayar.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Menteri Komunikasi dan Multimedia]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanah Merah di atas soalan yang diutarakan. Tuan Yang di-Pertua saya pohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Langkawi pada 28 Mei kerana menyentuh perkara yang sama iaitu isu cukai GST terhadap tambah nilai perkhidmatan telekomunikasi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Pertamanya, bagi menjawab soalan Yang Berhormat daripada Tanah Merah yang bertanya tentang apakah usaha yang dilakukan bagi memastikan syarikat-syarikat telekomunikasi mengkaji semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dikenakan ke atas kad prabayar. Perlu saya ingatkan di Dewan yang mulia ini bahawa GST tidak dikenakan oleh syarikat. GST dikenakan oleh kerajaan. Ertinya isu syarikat mengenakan itu adalah berbeza dengan apa yang dikenakan oleh kerajaan.

Jadi dalam soal ini saya telah bercakap pada orang ramai, saya minta maaf kerana ada beberapa kekeliruan yang telah timbul berkaitan dengan isu GST ini ialah kerana pada suatu peringkat saya difahamkan pihak syarikat telco setelah mendapat persetujuan daripada pihak Kastam bagi kad *top up* misalnya bagi nilai RM10, mereka akan menjual RM10.60 di mana 60 sen itu adalah merupakan bayaran 6% untuk GST dan ianya telah menimbulkan keresahan di kalangan masyarakat.

Kemudiannya pihak Kastam telah meminta supaya pihak telco mengubah kalau kad itu RM10, maka mesti dijual. Akan tetapi apabila diaktifkan maka ianya telah ditolak 6%. Dia akan dapat RM9.43. Jadi itu yang menjadi kekeliruan kepada waktu tersebut. Oleh sebab itu pihak saya, pihak kami, kementerian kami telah berusaha untuk mencari jalan yang terbaik dan kami melihat sistem yang mana yang lebih baik dan yang digunakan di negara-negara lain.

Dalam soal ini kita berpendapat bahawa tidak adil ataupun kita melihat dalam konsep yang lebih besar lagi bahawa apabila seorang membeli kad prabayar RM10, ia hanyalah memindahkan nilai daripada wang biasa kepada wang digital di dalam sistem telefon mereka. Perkhidmatan belum lagi digunakan oleh pengguna pada waktu tersebut. Jadi tidak wajar bagi kerajaan untuk mengenakan GST di peringkat hanya membeli kad tersebut.

Jadi sebab itu kita mencari satu formula iaitu apabila mereka membeli kad RM10, apabila diaktifkan tetap mendapat RM10. Pengenaan GST hanya dikenakan apabila penggunaan dibuat dan ini sama seperti mereka yang menggunakan kad Touch 'n Go dan sebagainya, apabila bayar *parking* dan sebagainya, baru dikenakan GST. Kalau yang *zero rated*, maka tidak perlu dibayar GST. Jadi sebab itu kita katakan bahawa kaedah ini kaedah yang lebih baik dan diguna pakai di banyak negara lain juga. Cumanya akan jadi isu apabila GST dikenakan. Mungkin rakyat ataupun pengguna merasakan sekarang ini RM10 cepat habis kerana GST dikenakan.

Oleh sebab itu kita meminta juga pada pihak telco pada waktu sekarang untuk menurunkan tarif mereka itu supaya ianya mengimbangkan apa yang rakyat perlu bayar pada GST supaya RM10 itu akhirnya mereka mendapat nilai bercakap, nilai penggunaan dan sebagainya lebih kurang sama seperti dulu. Kalau tidak pun kita mintakan akhirnya lebih baik lagi sekiranya ianya dibolehkan. Mereka juga perlu mengenakan ataupun memperkenalkan pakej-pakej yang sesuai dengan golongan-golongan sasar seperti pelajar dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya juga berterima kasih kepada kerajaan kerana menunjukkan keprihatinan dalam menangani keluhan rakyat yang menggunakan kad prabayar. Isu *prepaid* ini telah menimbulkan kemarahan rakyat bila berlaku percanggahan kenyataan. Kita tertanya siapa yang ada sebenarnya yang ada *authority*. Adakah kastam, adakah Kewangan, KPDNKK atau KKM yang mempunyai *authority*.

**■1050**

Soalan tambahan saya ialah Yang Berhormat Menteri telah menyatakan RM10 untuk RM10 penggunaan dan dalam kenyataan akhbar mengatakan enam bulan lagi baru boleh efektif. Jadi, apakah yang boleh kerajaan lakukan bagi membolehkan kaedah baru kad prabayar RM10 untuk RM10 penggunaan nilainya ini tidak perlu menunggu sehingga enam bulan baru boleh dilaksanakan. Apakah usaha yang akan dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan pengguna benar-benar mendapat faedah semaksimum mungkin selepas pelaksanaan sistem itu nanti, terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga di atas soalan tambahan yang saya kira amat relevan dengan apa yang dikatakan dalam masyarakat sekarang ini. Saya sepandapat dengan Yang Berhormat Tanah Merah bahawa sepatutnya ianya diperkenalkan secepat mungkin. Bahkan kalau tanya saya, jangan kata enam bulan, sekarang juga ataupun sebelum ini patut diubahsuai dengan serta-merta. Cumanya kita mencari jalan yang paling baik supaya pelaksanaan ini dibuat menurut yang dikehendaki dan akhirnya dimanfaatkan oleh rakyat dan ianya menjadi satu sistem yang boleh diguna pakai dalam perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pengendalian ekonomi digital pada masa yang akan datang.

Misalnya, dari segi sistem bagaimana *top-up* ini dijual, ia melibatkan 30,000 apa yang disebutkan *distributor agent*. Ejen-ejen pengedaran di seluruh negara di mana kad prabayar ini mempunyai lima kaedah, bukannya satu kaedah sahaja. Pertamanya menggunakan dipanggilkan fizikal kad. Iaitu kita beli kad, kita *scratch* dapat nombor dan kita masukkan dalam telefon kita dan kita dapat mengaktifkan nilai yang diberikan.

Keduanya dipanggil *virtual reload*, yang menggunakan orang sudah beli dengan pihak telco. Telco tidak menjual secara *direct* atau secara langsung pada orang ramai. Dia menggunakan ejen. Jadi ejen yang di kios misalnya, dia telah beli siap-siap RM3,000 nilai, orang pergi dekat dia, minta nombor telefon, dia akan *transfer* kredit dia kepada orang yang berkenaan.

Ketiganya dipanggil *easy reload*. Pergi dekat 7-Eleven, pergi dekat Petronas dan sebagainya dia ada mesin di situ dikeluarkan di mana 7-Eleven sudah beli di semua rangkaian. Ada 700 rangkaian, secara *bulk* dia punya nilai daripada pihak telco dan dia *transfer* kan ataupun diberikan nombor pin kepada orang yang membelinya. Keempat, menggunakan ATM mesin dan kelima menggunakan *online* seperti kredit kad dan sebagainya.

Setiap kaedah itu dia mempunyai dari segi margin ataupun keuntungan ataupun komisen yang berbeza ataupun pengenaan cukai yang berbeza. Sesetengah itu mereka

sudah beli awal, dan sesetengah *top-up* kad yang fizikalnya sudah dihantar stoknya awal. Menarik stok tidak boleh diselesaikan dalam masa serta-merta. Kalau hari ini kata diumumkan sahaja. Misalnya baru-baru ini mulai dalam masa dua hari yang itu tidak boleh pakai, dia memberikan kesan yang berganda di dalam masyarakat, orang tidak hendak jual, orang tidak ada nilai di dalam kredit, di dalam sistem tidak boleh panggil.

Jadi ini menimbulkan kesan yang mengelirukan di kalangan masyarakat. Ada lebih kurang 30% kita periksa di mana kaunter-kaunter ini panik, dia tidak hendak jual, takut kena marah dan sebagainya ataupun tindakan yang dibuat, ia memberikan kesan yang mendalam dalam sistem urus niaga *top-up* kerana kita tahu bahawa dalam negara kita ada lebih kurang RM15 bilion setahun dari segi ekonomi *top-up* ataupun *revenue* yang diperoleh melalui *top-up* ini. Oleh sebab itu mengambil masa yang perlu diubahsuai, perlu diuji kembali dan perlu dididik kepada mereka yang menguruskan.

Tentang soal apakah masa hadapan kita untuk memastikan rakyat mendapat faedah. Bagi saya ada dua perkara yang penting di dalam pengendalian sistem telekomunikasi kita. Pertama sekali ialah dari segi *affordability* ataupun mampu milik, berkemampuan. Itu satu aspek yang penting. Semua orang sepatutnya mampu memiliki telefon bimbit. Bukan lagi orang kaya. Dahulu orang kaya sahaja boleh. Dahulu siapa ada telefon ATUR yang besar letak atas meja, dia orang hebat. Sekarang ini anak kecil pun, orang biasa, suri rumah dan sebagainya sudah ada. Itu maksudnya *affordability* sudah berlaku dalam konteks negara kita.

Akan tetapi yang kedua yang menjadi aspek yang penting ialah *quality of service* atau mutu perkhidmatan yang mesti diberikan. Tidak ada gunanya kalau ada tulis 3G tetapi tidak dapat hendak melayari apa-apa. Ada *bar* tetapi tidak boleh buat *call*. Ini kualiti yang tidak baik. Untuk memperbaiki kualiti yang baik, syarikat-syarikat ini mesti diarahkan, dipaksa untuk menambahkan infrastrukturnya.

Misalnya dalam Dewan ini kalau satu *tower* tidak cukup di sekitar sini dia kena tambah lagi dan ini bukanlah satu perkara yang murah. Misalnya kalau di Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Krai apabila berlaku banjir, di situ ada tiga *tower* yang berkaitan dengan syarikat telekomunikasinya ataupun *based station* di sana. Apabila berlaku banjir dia terpaksa tukar semua dan kita mahu ia tukar cepat dan satu-satunya menelan belanja lebih kurang dalam RM400 ribu atau RM500 ribu dan kita mahu mereka mempunyai kemampuan untuk berbuat demikian untuk membekalkan perkhidmatan yang baik.

Oleh sebab itu dalam soal kita menguruskan antara membenarkan mereka mengambil keuntungan yang tertentu tetapi untuk memastikan mereka melabur kembali dalam infrastruktur bagi memberikan perkhidmatan yang baik. Kita mencari

keseimbangan dalam soal ini kerana akhirnya tidak ada guna rakyat mampu tetapi kualitinya buruk dan ini adalah perkara yang menjadi objektif yang penting dalam pengurusan sistem telekomunikasi kita.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan yang saya hendak bangkitkan ialah bukan cara GST dipotong daripada penggunaan sama ada GST dikenakan semasa bayar dengan kredit ataupun GST dikenakan hanya apabila panggilan dibuat. Hasilnya sama, *the result is the same*, kena 6% GST. Soalan pokok dalam isu *prepaid* ini ialah seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian. Kali ini saya setuju dengan Yang Berhormat Pontian bahawa dahulu sudah ada cukai SST 6%. RM10 dapat nilai RM10 panggilan. Sekarang apa yang terjadi, dengan sistem GST juga 6% cukai, RM10 yang dibayar hanya dapat RM9.43. Ini bermaksud harga ataupun tarif bagi telco telah pun meningkat. Itu yang menjadi persoalannya.

Adakah peningkatan ini bercanggahan dengan *Anti-Profiteering Act* di mana Yang Berhormat Pekan pun sebut tidak dibenarkan bahawa pembekal-pembekal perkhidmatan ataupun penjual-penjual barang untuk menaikkan harga mereka dengan pelaksanaan GST. Dengan jelas dalam perkara ini telco telah meningkatkan harga mereka dan mereka mendapat keuntungan yang bertambah, lebih kurang keuntungan yang bertambah untuk industri mengikut penilaian RM13 bilion *revenue* adalah lebih kurang RM800 juta setiap tahun. Ini nombor satu, melanggar *Anti-Profiteering Act* kerana harga tarif dinaikkan, nombor dua ini juga melanggar *Communication and Multimedia Act* kerana mereka bertindak bersama untuk menaikkan harga mereka.

So, ini merupakan perkara anti *competitive*. Kalau mereka hendak naikkan harga, boleh. Jangan pakat. Kalau satu naik harga, kita ada pilihan yang lain untuk beli. Akan tetapi sekarang mereka semua naik bersama, ini merupakan satu tindakan berpakat yang melanggar klausa *anti competitive* dalam *Communication and Multimedia Act*. Minta penjelasan daripada pihak Menteri.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara di atas soalan yang dikemukakan. Ada dua perkara yang perlu dijelaskan di sini.

#### ■1100

Pertama sekali, Yang Berhormat mengatakan sama iaitu dahulu kena 6% tetapi sekarang ini apabila dikenakan di atas penggunaan pun 6%. Sebenarnya ada perbezaan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dahulu kerajaan dilihat mengambil cukai secara *up front* di atas perkhidmatan yang belum diberikan, tapi sekarang ini tidak ada. Kalau dahulu, jual

sahaja sudah dapat. Sekarang ini kalau orang tidak menggunakan, dia guna separuh sahaja, kerajaan tidak ambil. Jadi ini ada perbezaan. Dia ada perbezaan, memang ada tetapi ada juga dalam sistem di mana orang tidak menggunakan, adalah tidak wajar untuk kerajaan ambil.

Kedua, kita ingin memperkenalkan konsep ini kerana kita menuju dalam sistem digital ekonomi. Dalam masa yang akan datang, orang memindahkan nilai wangnya kepada apa yang disebutkan *mobile money* ataupun *cash card* dan sebagainya di dalam sistem bukan sahaja untuk membeli nilai sistem telekomunikasi tadi untuk bercakap dan sebagainya. Mungkin tidak lama, walaupun sekarang sudah ada, kita beli *top up* bukan untuk tujuan komunikasi sahaja. Dia boleh guna untuk beli tiket, boleh guna untuk beli barang, boleh guna untuk beli aplikasi dan sebagainya. Kita pindah sahaja dalam sistem itu kita tidak perlu mengambil sebarang cukai di sana. Hanyalah apabila ia menggunakan. Ini adalah satu perkara yang berbeza dengan kita katakan bahawa beli sahaja, pindah sahaja perlukan GST. Ini dua perkara yang berbeza.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Maaf Yang Berhormat, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh bangun, tidak boleh Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Yang kedua yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi ialah tentang kenapa mereka tidak *absorb*. Lebih kurang begitulah. Kalau dahulu SST mereka *absorb*, sekarang ini mengapa tidak *absorb*? Ada perkara yang ramai orang keliru kerana – kita mungkin dari segi ini perlu kita lihat kembali. Ada negara misalnya Indonesia, bila kita beli *top up* katalah di sana RP10,000, dia punya nilai dia tidak sebut RP10,000 ataupun RP100,000 tetapi dia beli dengan unit ‘pulsa’. ‘Pulsa’ itu bermakna berapa-berapa boleh bercakap. Sekarang orang sudah tidak kata kita beli 10 sen boleh seminit bercakap ataupun RM1.00 berapa minit boleh bercakap. Itu dahulu unit yang kita beritahu. Jadi sekarang ini kita beli RM10, kita nampak orang tidak setuju kalau keluar RM9.43 walaupun satu masa nanti pihak telco mengatakan RM9.43 ini boleh bercakap empat kali ganda. Orang tidak boleh terima. Yang Berhormat boleh pilih.

Sebenarnya kalau dikatakan, bahawa penurunan tarif sudah berlaku dengan begitu banyak. Waktu mula-mula *prepaid* diperkenalkan, bayaran tarif untuk bercakap ialah RM2.40 per minit pada waktu tersebut. Akan tetapi ia telah diturunkan, diturunkan dan sekarang ini ia menjadi serendah lima sen ataupun 3.3 sen per minit. Ini antara perkaranya. Sebab itulah kita katakan bahawa untuk mengimbangi GST ini kita minta dia turunkan lagi tarifnya supaya nilai RM10 yang mereka peroleh ini mempunyai nilai

bercakap ataupun nilai penggunaan yang sama ataupun lebih daripada yang dahulu. Itu yang kita katakan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak boleh bangun Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kenapa tidak terus turun? Terus turunkan tarif.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh Yang Berhormat. *I don't allow it.*

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tidak ada apa lagi. Sebab itu ia mengambil masa untuk mereka menyesuaikan sistem ini dalam masa enam bulan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi sedikit soalan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya hendak adil Yang Berhormat. Dengar ya, saya hendak adil. Saya bagi soalan tambahan kepada BN kerana tadi saya bagi dua soalan tambahan...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tetapi dia tidak ada soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri, saya rasa masyarakat di luar sana dia kurang faham apa Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi. Apa yang mereka hendak tahu ialah sebelum kita *introduce* GST kalau orang bayar RM10 dia dapat RM10, operator *absorb* the SST. Sekarang ini kenapa bila kita *introduce* GST, kenapa operator tidak boleh *absorb* GST? *[Dewan riuh]* Nanti, nanti. Saya tidak habis lagi soalan saya.

Soalan saya ialah kerajaan beritahu bahawa kalau operator *absorb* GST, bermakna operator akan *incurred opportunity lost of RM800 million*. Saya tidak nampak kalau dahulu boleh buat sekarang tidak boleh buat. Kenapa? *[Tepuk]* Sebab, kalaular katakan dia *absorb RM800 million*, sebelum ini pun dia *absorb RM800 million, unless* sebelum ini dia cakap tidak betul. Itu sahaja.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya tidak bertujuan untuk membela pihak telco dalam soal ini tetapi kita kembali kepada prinsip GST itu sendiri, apakah prinsip GST kita ialah ia mesti ditanggung oleh syarikat? Ini kerana GST ialah cukai kepenggunaan. Itu adalah prinsip GST. Sebab itu kita katakan misalnya syarikat seperti Mydin, baru-baru ini dia isytihar dia *absorb* GST untuk sebulan, dua bulan. Jadi apakah kita akan katakan

bahawa dahulu kamu boleh *absorb*, maka kamu kena terus *absorb*? Itu bukan *signal* yang perlu kita beritahu kepada industri dalam negara kita.

Cumanya, kamu tidak boleh untung lebih sekarang ini, kamu kena turunkan tarif yang ada sekarang ini supaya mengimbangi GST. Ini berbeza. Misalnya tahun yang akan datang kalau GST itu disesuaikan, apakah menjadi satu amalan negara kita untuk menghantar *signal* kepada masyarakat antarabangsa, berniaga di Malaysia, melabur di Malaysia, GST mesti ditanggung oleh syarikat yang berkenaan? Itu bukan signal yang kita hendak hantarkan tetapi kita minta mereka untuk menurunkan tarif supaya nilai bercakap, nilai pengguna dan sebagainya sama ataupun lebih daripada apa yang ditawarkan sebelum ini dan ini adalah satu perkara yang boleh dibuat. Terima kasih.

**4. Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah rumah yang telah siap, sedang dan akan dibina untuk mangsa banjir di Kuala Krai; dan
- (b) jenis rancangan tebatan banjir yang akan dibangunkan di Kuala Krai.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya mengalu-alukan tetamu Parlimen termasuk kawan-kawan saya daripada Maran Batu 5, Luit.

Tuan Yang di-Pertua, setakat 15 Mei 2015, sebanyak 1,257 buah rumah akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan di jajahan Kuala Krai. Daripada jumlah tersebut, lima buah rumah telah siap dibina.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Baru lima kah? Malulah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seremban.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Diamlah you.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Baru lima kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seremban.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bagilah saya baca habis.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Malu, malu, malu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sebanyak 87 buah sedang dalam peringkat pembinaan dan 25 buah lagi di peringkat pra bina. Baki selebihnya akan dibina apabila segala urusan berkenaan status tapak diselesaikan dengan pihak berkuasa negeri.

Untuk makluman, kerajaan negeri telah meluluskan 12 tapak tanah di jajahan Kuala Krai pada 8 April 2015 – cakaplah – untuk membina rumah kekal baru untuk mangsa banjir. Pada 8 April ya. Daripada 12 tapak tersebut, dua tapak diberikan kepada NGO untuk pelaksanaan pembinaan sebanyak 27 buah rumah. Kerajaan negeri akan melaksanakan pembinaan untuk dua tapak lagi melibatkan 122 buah rumah. Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan kerja-kerja tanah untuk tapak di Telekong seluas 21.3 ekar yang boleh memuatkan sebanyak 462 buah rumah, sementara tapak di Chenulang seluas 54 ekar memerlukan penyelesaian dengan pihak yang telah menceroboh tanah berkenaan. Kedua-dua tapak di Telekong dan Chenulang adalah untuk penempatan berkelompok untuk mangsa banjir yang tidak mempunyai tanah.

Mengenai rancangan tebatan banjir untuk jajahan Kuala Krai, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan telah merancang untuk melaksanakan RTB atau Rancangan Tebatan Banjir di lembangan Sungai Kelantan. Permohonan untuk RTB ini telah dipohon dalam Rancangan Malaysia Keselapan merangkumi jajahan Kuala Krai.

Komponen yang terkandung dalam RTB lembangan Sungai Kelantan adalah seperti berikut:

- (i) pembinaan Empangan Lebir;
- (ii) pembinaan Empangan Nenggiri;
- (iii) pembinaan *flood wall* dan juga *levy* dengan keupayaan *online storage* sepanjang 40 kilometer untuk kedua belah tebing Sungai Kelantan;
- (iv) pembinaan lencongan banjir Sungai Ketereh, Sungai Seribung, Sungai Lubuk Mulong, Sungai Pengkalan Datu dan Sungai Raja Gali termasuk pembesaran Sungai Pengkalan Datu serta menaik taraf muaranya;
- (v) Rancangan Tebatan Banjir bandar-bandar utama iaitu Pasir Mas, Tanah Merah dan juga Kota Bharu;
- (vi) penyorokan Sungai Kelantan bermula daripada muara sehingga Ketereh termasuk pulau-pulau kecil sepanjang 100 kilometer;
- (vii) kolam takungan banjir di lembangan Sungai Galas dan Sungai Ketil, Gua Musang;

(viii) *designated flood area* dalam kawasan tanaman padi dan kawasan berpaya seluas 1000 hektar sebagai *offline storage* untuk takungan sementara di Jajahan Machang dan Empangan Kelodak Sungai Lebir dan juga Sungai Galas.

Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri atas jawapan dan penjelasan kepada masalah pembangunan rumah-rumah menggantikan rumah mangsa banjir dan juga program ataupun cadangan program tebatan banjir bukan hanya bagi Kuala Krai nampaknya tetapi bagi seluruh kawasan aliran Sungai Kelantan. Kita ucap moga mudah-mudahan supaya kerja pembangunan ini dapat disegerakan dan tidak akan berlaku lagi banjir yang besar selepas daripada ini.

Persoalan yang hendak ditimbulkan, kita sudah tiba lima bulan selepas banjir besar berlaku dan masih ramai nampaknya yang belum mendapat rumah gantian. Kalau mengikut jawapan ini hanya lima yang siap di bawah Kerajaan Persekutuan dan saya ada data-data yang dibuat oleh kerajaan negeri yang telah siap dan juga NGO yang juga mengambil daya inisiatif mereka untuk membina. Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, setelah lima bulan hanya sekitar tidak sampai 10% daripada mangsa yang dapat ditempatkan semula di rumah yang kekal. Kita tidak marah kalau tidak ada suatu janji untuk menempatkan mereka ke rumah-rumah kekal yang baru. Apatah lagi janji itu ada *dateline* nya pula iaitu sebelum Ramadan. Kita ada sebulan lagi sebelum Ramadan.

Jadi bagaimana agaknya kita hendak membuat satu usaha *fast track* kerana tadi Menteri beri alasan tanah tapak untuk pembinaan secara berkelompok ini diluluskan 8 April. Jadi tanah itu sudah ada. Kita telah dimaklumkan ada kaedah-kaedah pembinaan yang boleh membina rumah dalam masa yang cepat. Ada yang menjanjikan tiga hari pun ada, ada yang menjanjikan dua minggu. Jadi tidakkah dapat Kerajaan Persekutuan membuat suatu tindakan segera bagi memastikan jumlah rumah yang dibina itu sebanyak 1,257 buah rumah itu, paling tidak pun 50% dalam tempoh sebelum Ramadan ini dapat disiapkan dengan jumlah kewangannya yang kita dimaklumkan banyak diperuntukkan untuk program sebegini. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab tadi kita dapat tanah pada 8 April. Sekarang ini kita sedang membuat kerja-kerja tanah, meratakan tanah sebab kawasan ini kawasan yang tidak rata. Kemudian termasuk juga di Chenulang ini, kawasan ini telah pun diceroboh. Jadi sekarang ini Yang Berhormat, bila siap kerja tanah ini kita ada cara pembinaan yang boleh disiapkan, yang ini kita akan

guna yang ini ya iaitu secara IDS yang boleh disiapkan dalam masa 45 hari satu buah rumah. Jadi kalau sekiranya kita ada senarai orang-orang yang ditawarkan untuk membina rumah ini, jadi sekiranya kerja-kerja tapak ini siap kita boleh bina dengan cepat.

Sekarang ini, itu sebab Yang Berhormat pun sedia maklum, Yang Berhormat tahu bahawa masalah besar kami ialah tanah. Kalau tanah selesai, kita boleh buat cepat. Yang sekarang ini yang lima buah yang telah siap, 87 buah yang sedang dibina ini sebab tapaknya sudah siap. Yang ini tapak baru dapat 8 April dan kita buat serta-merta untuk membolehkan kita bina yang selebihnya. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa bila kerja-kerja ini siap, kerja tapak siap, pembinaan rumah boleh dibuat dengan cepat.

Yang Berhormat, kegelisahan Yang Berhormat ialah kegelisahan kami. Peruntukan ada, semua sudah ada, kontraktor pun sudah bersiap sedia untuk membina rumah, tapak tidak ada. Jadi oleh kerana sekarang tapak sudah selesai, kita akan bina rumah. Jadi Yang Berhormat akan lihat selepas nanti mungkin semasa Dewan Negara nanti kita akan mendengar khabar tertentu berhubung dengan pembinaan rumah supaya rumah yang sedang dibina itu angkanya berlainan seperti yang saya sebutkan pada hari ini.

Jadi Yang Berhormat, kami tidak duduk diam dan kami tidak gelisah dan Yang Berhormat Seremban tadi menjerit lah lima buah baru siap. Saya tahu semasa banjir Yang Berhormat pergi melawat Kuala Krai, saya tahu tetapi Yang Berhormat pergi pada hari ke berapa dah. Okey, *it's ok*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Soalan saya Yang Berhormat Menteri, kawasan saya juga kawasan yang terkena teruk juga banjir. Cuma yang saya dapat tahu, saya pujilah MKN agak cekap di kawasan saya. Cuma saya difahamkan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi, tanah memang Yang Berhormat Menteri sebut tadi isu tanah tetapi saya dapat tahu tanah yang diberi oleh kerajaan negeri, tanah itu ke dalam sangat. Ia menyebabkan kos infrastruktur sahaja melebihi daripada kos hendak buat rumah.

Jadi apakah Kerajaan Pusat boleh berbincang dengan kerajaan negeri supaya kos infrastruktur itu boleh ditanggung sebab saya difahamkan rumah yang dibuat oleh kerajaan negeri di tepi-tepi jalannya tidak jauh. Jadi kos infrastrukturnya tidak begitu tinggi tetapi yang diberi kepada Kerajaan Pusat untuk bina rumah baru mangsa banjir ke dalam, jauh dalam hutan. Jadi apakah Kerajaan Pusat boleh berbincang dengan kerajaan negeri supaya berilah tanah yang tidak perlu kos infrastrukturnya terlampaui tinggi. Jadi cepatlah Kerajaan Pusat boleh tolong mangsa banjir. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sebenarnya Yang Berhormat telah menjawab kepada soalan Yang Berhormat tanya iaitu saya tidak mahu jawab sebab saya ini pegang kepada [Membaca sepotong ayat Al-Quran] “*Tutuplah aib saudara kamu di dunia dan Allah akan tutup aib kamu di akhirat*”. Jadi saya tidak mahu cerita kenapa kerajaan negeri buat cepat, NGO buat cepat, jawapannya ialah kerana ia berdekatan dengan jalan dan sebagainya. Jadi yang kita dapat itu memang agak jauh sedikit. Jadi infra nya agak tinggi. Akan tetapi walau bagaimanapun tanah di Chenulang ini melibatkan pencerobohan kelapa sawit dan sebagainya. Jadi kita sedang berunding untuk membolehkan kita masuk ke tempat tersebut dengan cepat.

Bagi kami yang penting ialah tanah. Kita tahu infra nya agak tinggi tetapi kalau kita ubah tempat sekarang ini, boleh juga kita buat demikian kalau kerajaan negeri bagi tanah tetapi ia akan menimbulkan masalah yang kedua, kelewatan seperti yang telah disebutkan. Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat untuk membolehkan kita berbincang dengan kerajaan negeri itu akan diteruskan. Jadi terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat semua, tetamu saya di Parlimen itu ialah yang saya selalu melawat mangsa banjir di Marang baru-baru ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sedikit lagi, tanah di Telekong itu dah elok, dekat balai raya, bukan dalam-dalam. Begitu juga Chenulang, dekat.

**5. Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan apakah permohonan syarikat tempatan dalam program “FiT (feed in tariff)” meningkat bagi penjanaan tenaga solar dan “biomass” serta berapakah peratusan masing-masing untuk masa terkini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Manis di atas soalan yang telah dikemukakan berkaitan dengan *feed-in tariff*, penjanaan tenaga solar dan juga *biomass*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mekanisme *feed-in tariff* (FiT) telah mula dilaksanakan pada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta Tenaga Boleh Baharu (TBB) 2011 di mana sumber TBB terdiri daripada lima yang diterima setakat ini iaitu *biomass*, biogas, mini hidro, solar PV dan juga geotermal yang dikenal pasti sebagai sumber TBB yang berpotensi untuk dibangunkan dan layak untuk mendapat kadar tarif galakan ataupun *feed-in tariff* (FiT).

**■1120**

Kesemua permohonan kuota bagi pembangunan projek tenaga boleh baharu adalah daripada syarikat tempatan. Sehingga 30 April 2015, sebanyak 34 permohonan bersamaan dengan 325 megawatt telah diluluskan untuk projek biomass. Sebanyak enam projek biomass dengan kapasiti sebanyak 62.9 megawatt telah beroperasi pada masa ini. Kapasiti ini mewakili 22% daripada jumlah keseluruhan kapasiti terpasang Projek TBB di bawah mekanisme FiT. Manakala solar PV, sebanyak 6,601 permohonan bersamaan dengan 313 megawatt telah pun diluluskan bagi tempoh yang sama. Daripada jumlah itu sebanyak 3,819 projek dengan kapasiti terpasang 191.75 megawatt telah pun beroperasi. Jumlah ini merupakan 68% daripada jumlah kapasiti Projek TBB yang telah beroperasi. Terima kasih.

**Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Syukur *alhamdulillah*, saya amatlah gembira mendengar rancangan FiT untuk *biomass* amatlah luas. Adakah kerajaan bercadang untuk mempromosikan *biomass* dari bahan buangan sisa haiwan bagi mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar? Khususnya pencemaran bau dan pencemaran air sungai, terutamanya bagi bahan sisa buangan dari industri ayam, daripada *chicken droppings*. Jadi, kita dapat melihat beberapa industri membuang sisa mereka di dalam air sungai. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Manis di atas soalan tambahan berhubung dengan *biomass*. Seperti mana yang kita telah sedia maklum bahawa setakat ini permohonan-permohonan yang untuk syarikat-syarikat memohon *feed-in tariff* (FiT) sama ada *biomass* atau biogas adalah terdiri daripada yang pertamanya adalah kilang-kilang kelapa sawit. Di mana sebahagian daripada bahan buangan daripada kelapa sawit itu digunakan semula untuk bahan pembakaran bagi penjanaan tenaga elektrik.

Keduanya adalah ada juga syarikat yang telah memohon dan telah kita luluskan untuk menjadikan sampah-sampah sebagai bahan untuk pembakaran dan kemudiannya boleh dijana bekalan elektrik. Selain daripada itu ada juga syarikat yang memohon daripada sekam padi dijadikan bahan. Setakat ini belum ada lagi syarikat yang memohon daripada bahan buangan daripada ternakan untuk dijadikan bahan bagi penjanaan bekalan elektrik di bawah FiT.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat rancangan kerajaan, khususnya dalam memastikan tenaga boleh baharu ini (TBB) ini merupakan satu

pelaburan jangka panjang yang sangat daya maju, khususnya dalam pembangunan negara. Cuma saya tertarik bila Yang Berhormat Menteri sebutkan tentang penglibatan syarikat. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah di peringkat kementerian mempunyai satu pelan ataupun rancangan ataupun inisiatif, khususnya kepada syarikat-syarikat yang ingin meningkatkan peluang pendapatan dalam menjana tenaga elektrik daripada sumber TBB ini? Supaya sekali gus ianya boleh mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga asli semata-mata. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan. Berhubung dengan dasar, sebenarnya kalau boleh saya sebut di sini bahawa kerajaan telah mewujudkan sebuah dasar yang dikenali sebagai Dasar Teknologi Hijau Negara. Dalam dasar Teknologi Hijau Negara itu salah satu daripada *pillars*nya adalah yang berkaitan dengan *renewable energy* ataupun tenaga yang boleh diperbaharui. Dalam Dasar Teknologi Hijau Negara ini yang paling pentingnya adalah salah satunya adalah bagaimana kita boleh membuat penjanaan bekalan elektrik daripada sumber yang boleh diperbaharui. Ini sebab selama ini seperti mana kata Yang Berhormat tadi bahawa kita bergantung kepada yang pertamanya, kepada bahan asli, gas. Keduanya adalah arang batu dan kedua-dua ini gas dan arang batu telah menyumbang lebih kurang 90% daripada penjanaan bekalan elektrik negara. Kita ada hidro dan kemudian barulah tenaga yang boleh diperbaharui.

Dalam Dasar Teknologi Hijau Negara, kerajaan telah menggalakkan supaya syarikat-syarikat boleh mengambil bahagian supaya tenaga boleh diperbaharui ini, seperti yang saya sebutkan tadi, solar, *biomass*, biogas, mini hidro dan juga satu projek di Tawau Geothermal. Boleh dilaksanakan bagi membolehkan dalam jangka panjang, kerajaan boleh sedikit demi sedikit dapat mengalihkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui ini untuk mengganti. Pada waktu ini, secara keseluruhan boleh saya sebut bahawa kita hanya baru menjana tenaga elektrik ataupun tenaga boleh diperbaharui ini boleh mengambil tempat lebih kurang dalam 4% dari keseluruhan penjanaan bekalan elektrik negara.

*Insya-Allah* di bawah Dasar Teknologi Hijau Negara dan saya yakin bahawa dengan sokongan dari semua pihak juga kita yakin bahawa dasar ini boleh diketengahkan. Sememangnya telah menjadi dasar yang telah diperakui di semua negara yang sekarang ini sedang berlumba-lumba untuk mencari sumber tenaga yang boleh diperbaharui ini. Untuk dijadikan bahan tenaga elektrik di negara masing-masing. Terima kasih.

6. **Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hasil terkini dari perlaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan pada hari ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Lanang pada 21 Mei kerana ia menyentuh isu yang sama.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menjangkakan anggaran kutipan hasil GST bagi tahun 2015 untuk tempoh sembilan bulan selepas pelaksanaan GST pada 1 April adalah sebanyak RM23.2 bilion. Namun, jumlah tersebut tidak termasuk penolakan hasil ke atas beberapa barang yang baru diberi kadar sifar selepas pembentangan Bajet 2015 seperti RON95, diesel, LPG, tambahan senarai ubat-ubatan dan alat bantuan OKU. Pihak kerajaan masih belum boleh menyatakan anggaran pendapatan terkini untuk sebulan 19 hari daripada pelaksanaan GST.

Ini adalah kerana tempoh bercukai bulanan bagi perniagaan yang mempunyai pendapatan tahunan melebihi RM5 juta, mereka perlu untuk menghantar penyata GST sebelum atau pada hari terakhir bulan berikutnya. Contoh, bagi bulan April, penyata GST perlu dihantar pada mana-mana tarikh antara 1 Mei hingga 31 Mei. Pada 1 Jun barulah Kastam tahu jumlah kutipan untuk bulan April.

Manakala bagi perniagaan yang memperoleh pendapatan tahunan kurang daripada RM5 juta, mereka perlu menghantar penyata GST untuk tempoh tiga bulan. Tarikh akhir penghantaran penyata berkaitan ialah pada hari terakhir bulan berikutnya. Contoh, bagi bulan April-Mei-Jun, penyata GST perlu dihantar pada 1 hingga 31 Julai 2015. Maka, pada 1 Ogos barulah Kastam tahu dengan tepat untuk kutipan April, Mei dan Jun. Segala transaksi adalah dibuat secara *online* atau atas talian dan pembayaran boleh dibuat secara *online* atau manual menggunakan *cheque*.

**■1130**

Manakala bagi jumlah GST barang import bagi tempoh dari 1 April hingga 10 Mei 2015 adalah sebanyak RM1.689 bilion. Data ini diketahui awal sebab bayaran dibuat sebelum barang-barang import dilepaskan daripada kawalan kastam di pelabuhan, di sempadan atau di lapangan terbang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Bila GST bermula, SST

kebanyakannya cukai yang ke atas barang dan perkhidmatan mewah dimansuhkan. Jelas, golongan kaya yang paling banyak dapat penjimatan selepas SST diganti oleh GST.

Sebagai contoh, selepas GST harga kereta baru turun sehingga RM14,000 dan yang paling banyak turun harga adalah harga kereta mewah seperti *Mercedes-Benz E300 BlueTEC* yang telah turun sebanyak RM10,000. Manakala harga keperluan asas kian meningkat, sebahagian daripada hasil yang diumumkan tadi pasti datang daripada mereka yang dari golongan berpendapatan rendah. Apakah langkah kerajaan untuk membantu golongan miskin yang di beban dengan kenaikan harga barang selepas GST dilaksanakan? Sekian.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Pada hari Isnin baru ini, saya telah memberikan contoh 10% SST itu bukan hanya pada kereta. Saya memberikan contoh banyak lagi barang 295 barang lain, antara contohnya Yang Berhormat Gopeng ialah pakaian kita dari hujung rambut sampai hujung kaki, baju, seluar, tali pinggang, dompet, kasut, stoking sama ada lelaki dan wanita, sama ada bayi ataupun orang tua semuanya dulu 10% SST dan sekarang ini GST 6%.

Maka barang-barangan itu mesti diturunkan harganya. Begitu juga perabot dalam rumah kita, segala jenis perabot daripada katil, almari, kerusi, meja dan sofa semuanya dulu 10% SST, sekarang ini GST 6%. Peralatan itu bukan hanya orang kaya, orang biasa pun ada. Begitu juga barang elektrik di rumah, apa dia barang elektrik di rumah? iaitu kipas, *air conditioner*, TV, peti sejuk, periuk elektrik dan yang lain-lain, semuanya dulu 10% SST sekarang ini GST 6%. Barang itu mesti diturunkan harganya.

Begitu juga alat solek wanita, tuala wanita, *pampers* bayi, begitu juga baldi dan segala *toiletries* dalam kita punya bilik air, segalanya itu dulu 10% SST sekarang 6% GST. Buah-buahan import, dulu 5% SST sekarang ini 0% GST, buah-buahan import kerana semua jenis buah-buahan kita kosongkan atau *zero rated*. Begitu juga ikan masin dan sebagainya dan berapa lagi dulu barang, dulu 5% SST sekarang 0% GST. Alat-alat pembinaan atap zink, *tiles* dan cat rumah itu sebagai contoh, dulu adalah 10% SST sekarang 6% GST.

Saya telah meminta pihak pengeluar kilang-kilang barang yang disebut 295 barang ini supaya mengumumkan penurunan harga barang keluaran mereka. Sebagaimana enam pengeluar kereta telah mengumumkan harga kereta turun, namun sehingga sekarang mereka masih lagi belum membuat apa yang kita minta dan kita akan terus mereka mengumumkan penurunan harga-harga barang kerana penurunan cukai daripada 10% SST kepada 6% GST. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itu sahajalah Yang Berhormat sesi soal jawab pada pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH**  
**PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**KES PENCULIKAN DI RESTORAN OCEAN KING, SANDAKAN**

**11.34 pg.**

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengemukakan Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk perkara-perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan yang disegerakan ke atas kes penculikan di restoran makanan laut *Ocean King* di Sandakan, Sabah pada 14 Mei yang lalu.

Di bawah notis ini saya ingin mengusulkan bahawa Majlis Dewan hendaklah ditangguhkan untuk usul tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang dikehendaki dan disegerakan seperti berikut. Kes penculikan ini Tuan Yang di-Pertua berlaku pada lewat petang Khamis 14 Mei 2015, di Restoran *Ocean King* Jalan Tanah Merah, Sandakan di mana mangsa merupakan seorang wanita yang juga pengurus restoran berkenaan yang bernama Thien Nyuk Fun berumur 50 tahun dan seorang lelaki bernama Bernard Ghen Ted Fen berumur 39 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, penculikan terbaru dua rakyat Malaysia oleh lelaki rakyat Filipina di sebuah restoran popular di Sandakan membuatkan rakyat Sabah merasa terdedah kepada bahaya kerana ia berlaku sekitar tiga kilometer daripada Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah iaitu ESSCOM. Episod penculikan di Sabah ini telah reda selepas pembebasan Lans Koperal Zakia Aleip pada 7 Mac yang lalu telah berulang bila dua orang rakyat tempatan dipercayai didalangi oleh kumpulan Muktidil Brothers mengikut makluman risikkan awal. Tidak dinafikan kes penculikan telah berulang kali berlaku Tuan Yang di-Pertua dan menghantui rakyat negeri Sabah iaitu pada 15

November 2013 di mana seorang pelancong dari Taiwan dibunuh dan seorang lagi telah diculik.

Manakala pada 2 April 2014, satu lagi penculikan telah berlaku apabila seorang pelancong dari negara China dan seorang pekerja telah diculik di *Singamata Reef Resort*, Semporna. Kes penculikan terbaru ini juga telah menimbulkan persoalan tentang tahap keselamatan di zon berkenaan yang mana rata-rata telah menganggap keselamatan semakin kukuh sebaik sahaja Zakia berjaya dibawa pulang ke tanah air selepas 238 hari hidup bersama dengan penculik yang dipercayai disembunyikan di pulau-pulau terpencil di Selatan Filipina.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, persoalan dan masalah penculikan di negeri Sabah mestilah dibincangkan di dalam Dewan Rakyat kerana ini ialah dengan izin, *public interest* ataupun kesejahteraan rakyat khususnya di negeri Sabah. Dewan ini juga mesti membincangkan usul ini untuk mencari penyelesaian satu pendekatan yang berkesan dan komprehensif untuk keselamatan rakyat Sabah secara keseluruhannya.

Oleh itu saya mencadangkan Dewan yang mulia ini ditangguhkan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membincangkan perkara-perkara tersebut berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan dan juga ianya adalah perkara-perkara tertentu. Tuan Yang di-Pertua saya mohon pertimbangkan usul ini.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya tidak mahu terima penjelasan pada peringkat ini Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima suatu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada ahli Yang Berhormat kawasan Tenom pada hari Isnin 18 Mei 2015. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama, ialah bahawa perkara tertentu, syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah berkehendak disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa, tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai, ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian saya membenarkan usul ini dibahaskan. Maka mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3) usul ini hendaklah ditempohkan hingga pukul 4.30 petang ini

dan hendaklah ditangguhkan pada pukul 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk membahas selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit. Sekian.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua, Sandakan pun ada sampaikan satu usul. Saya fikir saya punya usul yang lebih awal, cuma selepas itu...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sama lah.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Mana boleh sama? Ini tarikh Sandakan....

■1140

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Samalah, Yang Berhormat Sandakan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ini...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ini *hijack*, ini *hijack*.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ini...

**Seorang Ahli:** Ini *hijack*, ini suatu *hijack*.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Saya fikir saya punya usul lebih awal. Oleh sebab kelmarin Tuan Yang di-Pertua yang memberi satu alasan yang tidak boleh dibahas kelmarin sebab Yang Berhormat Sungai Siput sudah ada usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ikut peraturan mesyuarat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya, tetapi saya punya. Kelmarin balik lagi sampai.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ini Yang Berhormat Sandakan sudah lewat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ini Sandakan punya hal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau ditolak ikut peraturan mesyuarat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ini semestinya mahu memalukan Sandakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah, kalau Yang Berhormat orang Sabah, usul ini tentang orang Sabah juga Yang Berhormat. Ya, sila.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ini tempat saya, Sandakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, Yang Berhormat usul Yang Berhormat dikemukakan bersama dengan Yang Berhormat Sungai Siput. Peraturan mesyuarat katakan cuma satu usul yang akan diangkat. Yang Berhormat Sungai Siput diangkat, ditolak dalam kamar. Oleh sebab itu usul Yang Berhormat tidak boleh dibaca lagi. *That's it.* Bukan ada *double standard*. Akan tetapi saya tahu Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen Sandakan tertekan kerana usul Yang Berhormat tidak dapat dibaca dalam Dewan ini.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Telah dihijack ini.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya, ini satu *hijack*. Tidak adil.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ini bukan *hijack*. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini bukan berbincang di kalangan Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Bukan Yang Berhormat Sandakan seorang sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini Yang Berhormat Ipoh Barat sahaja ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN (PINDAAN) 2015

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[19 Mei 2015]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya minta Yang Berhormat Lenggong untuk teruskan perbahasan.

**11.41 pg.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang saya untuk menyambung perbahasan saya berkaitan

dengan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hari ini kita dilaporkan oleh Kementerian Luar Negeri bahawa Myanmar sudah nampak bersedia untuk memberi bantuan kemanusiaan kepada sebahagian rakyatnya walaupun dia tidak iktiraf rakyatnya yang ketika ini berada di lautan. Ini menampakkan sudah ada sedikit positifnya dan saya yakin itu sebahagian daripada usul yang dibawa oleh kerajaan. Saya harap supaya usaha yang berterusan terus dibuat bagi kita menyelesaikan isu yang sedang berlaku di hadapan kita ini.

Saya percaya bahawa kita mesti menggunakan kuasa dan kedudukan kita sebagai fungsi ASEAN untuk apa cara sekalipun yang sesuai dengan peraturan dan undang-undang negara dan juga antarabangsa. Akan tetapi saya fikir bahawa tekanan-tekanan mesti dilakukan secara bersungguh-sungguh bukan hanya oleh negara kita, tetapi juga oleh negara-negara lain ke atas Myanmar kerana mereka mesti bertanggungjawab ke atas rakyat mereka walaupun mereka tidak mengakui itu rakyat mereka tetapi hakikatnya kumpulan ini datang daripada negara mereka. Tidak boleh segala masalah yang berlaku di negara mereka diletakkan kepada orang lain. Hari ini kita - walaupun Yang Berhormat Kuala Nerus memang tidak bersetuju saya mengatakan bahawa kita dibebankan. Bukan makna kita tidak mahu menyelesaikan masalah ini tetapi kita dibebankan atas masalah yang dilakukan oleh orang lain.

Maka saya harap bahawa kerajaan kita mesti melakukan tekanan-tekanan bersama dengan negara-negara lain kalaupun boleh dengan negara-negara kuasa besar China dan sebagainya kutuk supaya Myanmar mesti bertanggungjawab ke atas perkara ini. Ini kerana apa, kerana kita tahu bahawa mereka datang kerana kesempitan hidup, mereka datang kerana kemiskinan. Sebahagian Rohingya datang ke sini kerana isu-isu lain dan mereka melihat bahawa negara kita ialah sebuah lubuk emas yang boleh untuk mereka mendapat bantuan dan perlindungan. Saya rasa bahawa, kita tahu bahawa di Myanmar ada tokoh yang hebat mendapat anugerah pemenang Hadiah Nobel Keamanan. *[Disampuk] Aung San Suu Kyi, dia mendapat hadiah keamanan. Akan tetapi kenapa beliau menutup mata terhadap isu ini?*

Oleh sebab itu saya percaya bahawa mereka mesti bertanggungjawab dan tokoh ini kalau diberi anugerah antarabangsa, beliau mesti bertanggungjawab. Mesti menjadi tokoh yang juga memperjuangkan negara ini. Ini kerana apa, kerana kita tahu bahawa

tidak mungkin Hadiah Nobel diberikan kepada tokoh ini kalau dia tidak mempunyai tujuan. Saya nampak bahawa beliau menutup mata atas kepentingan politik dalam negaranya. Ini tidak adil bagi negara kita dan saya rasa supaya tekanan-tekanan dibuat oleh masyarakat antarabangsa supaya isu ini diselesaikan. Pun demikian saya percaya bahawa negara kita dalam keadaan antara kasihan, simpati dan ingin menyelesaikan masalah tetapi kita juga mesti meletakkan pendirian kita kerana dalam apa keadaan sekalipun negara mesti menjaga kedaulatan dan kepentingan negara ini dalam kita menyelesaikan isu-isu seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua saya lihat bahawa, kita tahu bahawa isu pemerdagangan manusia ini fenomena yang mengancam banyak negara dan negara kita tidak terkecuali. Kalau kita lihat angka yang pernah dilaporkan lebih daripada 2.7 juta setahun berlaku isu yang seumpama ini dan kita lihat bahawa antara kumpulan yang terlibat ialah di kalangan wanita, di kalangan kanak-kanak dan ini kelompok yang sepatutnya tidak menghadapi keadaan seumpama ini. Bayangkan anak-anak kecil terlibat akibat krisis yang begitu menyayat hati ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya menyokong rang undang-undang ini apabila kita lihat bahawa dalam rang undang-undang ini ingin menubuhkan sebuah jawatankuasa di peringkat tertinggi yang melibatkan pelbagai kementerian seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Belia dan Sukan dan kementerian-kementerian lain. Saya percaya dengan adanya jawatankuasa peringkat tertinggi ini, isu-isu penting yang melingkari isu besar ini dapat kita tangani dengan baik. Kita akui bahawa antara perkara yang memberi kesan kepada isu ini ialah akan menyebabkan berlaku misalnya apabila kebanjiran pendatang seumpama ini. Ia akan menyebabkan isu-isu umpannya penyakit.

Hari ini kita lihat bahawa dalam negara kita, dulu kita tidak ada lagi penyakit-penyakit yang berjangkit, wabak-wabak tertentu. Akan tetapi hari ini nampaknya penyakit-penyakit yang telah pun berjaya dikurangkan atau dihapuskan telah kembali. Ia mungkin berlaku kerana apa? Ini kerana kesan daripada kemasukan pendatang ini. Ini saya percaya mesti ditangani secara serius dan kita tidak mahu bahawa dalam waktu kita menyelesaikan isu masalah negara orang lain, kita akan menerima kesan daripada aspek...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Jerantut bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Daripada aspek kesihatan dan sebagainya. Sila Yang Berhormat Jerantut.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Lenggong. Adakah dengan kehadiran begitu ramai pendatang dari Myanmar sejak akhir-akhir ini mungkin ada kaitan dengan Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN? Jadi mungkin mereka hendak menggunakan jawatan kita sebagai pengurus, jadi kita tidak ada pilihan seolah-olah macam itu selain daripada fakta-fakta yang menarik dan menyebabkan mereka hadir.

Juga saya ingin mengalu-alukan kehadiran warga Majlis Daerah Jerantut ke Dewan pada pagi ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, itu pun tujuan hendak mencelah sebenarnya. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sibuti, saya respons.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang mengalu-alukan itu tidak payah respons.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Semalam saya juga menyebut perkara ini. Saya lihat bahawa seolah-olah ketika negara kita hari ini menjadi Pengerusi ASEAN, kita ada negara tertentu mengambil kesempatan dalam situasi ini. Ini kerana apa, kita tahu bahawa Yang Berhormat Bukit Katil, Malaysia berkemampuan menyelesaikan banyak isu antarabangsa dan kita juga tahu bahawa isu Rohingya ini sudah bukan setahun, bukan dua tahun, telah bertahun-tahun tidak boleh diselesaikan.

Mungkin kesempatan ini diambil oleh pihak tertentu untuk menggunakan pengaruh Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN bagi menyelesaikan isu ini. Oleh sebab itu, kita harap atas kebijaksanaan dan kemampuan kita, kita mampu untuk menyelesaikannya dan yang penting ia tidak boleh diselesaikan secara bersendirian. Ia mesti secara mendapat kerjasama dengan pelbagai pihak dan antara satu perkara yang boleh, saya harap kita buat...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tekanan-tekanan yang sesuai dengan undang-undang untuk mendesak supaya Myanmar dan negara-negara tertentu bertanggungjawab atas isu yang disampaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sibuti bangun. Ya, sila.

**■1150**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibutii]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saudara Yang Berhormat Lenggong.

Kita melihat kebanyakan pelarian Myanmar ini adalah daripada golongan miskin yang ingin mencari pekerjaan. Oleh sebab itu lah pemerdagangan manusia ini diambil peluang oleh badan-badan yang tertentu. Kita dikatakan, kalau kita dengar bahas semalam, kita boleh membantu mereka ini kononnya kita mendapat pahala dan kita boleh membantu memberi makanan, beri ubat-ubatan, lindungkan perahu bocor kita tampal, ya.

Apa yang kita boleh bantu lagi adalah rakyat kita sendiri seperti kesian lah dengar tadi dalam soal jawab tadi, bahawa rakyat kita di Kelantan belum ada rumah. Yang dijanjikan untuk buat rumah, tolong bantu mereka ini yang masih susah ini kita bantu dahulu, daripada kita hendak bantu orang luar beribu-ribu hendak datang kepada kita walaupun kita ini negara yang baik hati hendak membantu. Akan tetapi syukurlah kita dapat membantu rakyat-rakyat dari luar yang ingin mencari makan di negara kita ini. Apa pandangan Yang Berhormat Lenggong tentang ini. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Saya sebut tadi bahawa dalam keadaan kita mahu memainkan peranan kita sebagai Penggerusi ASEAN, dalam keadaan kita untuk melahirkan rasa simpati, ingin menolong kepada rakyat negara lain yang menderita ini. Akan tetapi, keutamaan kita mesti kepada rakyat dan negara kita. Saya bersetuju, kita mesti juga juga kepentingan kita dalam waktu kita menolong orang lain. Kita faham dengan situasi yang berlaku.

Pada saya, kita tidak boleh dengan begitu mudah memberi isyarat kepada negara luar, kalau ada masalah di negara lain, datang negara kita. Bayangkan kalau kita menerima mereka yang berada di Thailand ini, kita beri isyarat untuk meminta ramai lagi untuk datang ke negara kita. Bayangkan bagaimana kita mahu menanggungnya, dan tentunya kita terpaksa membelanjakan wang yang banyak, dan saya fikir wang itu sepatutnya kita belanjakan kepada kepentingan rakyat dan negara kita. Namun demikian, saya percaya bahawa kita mempunyai kebijaksanaan untuk menghadapi semua situasi dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa kita dalam rang undang-undang ini akan mewujud dan memperkemaskan jawatankuasa peringat tertinggi yang dianggotai oleh pelbagai kementerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Lenggong, hati-hati siku itu dekat kepala Yang Berhormat Baling. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Saya nampak semakin rapat, semakin rapat ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tengah khusuk untuk menyelesaikan masalah rakyat. Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masuk.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita bercakap dalam Dewan ini, tetapi dia sudah pergi dengan Menteri Dalam Negeri untuk menyelesaikan Rohingya atas nama Pengerusi CEO Kebajikan Aman Malaysia.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Batu Kawan pun pergi. Akan tetapi tidak dapat masuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu pun maksud saya sebab tak masukkan Yang Berhormat Baling dalam ucapan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ya. Yang Berhormat Seputeh, isu yang akan berlaku...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau hendak bercakap, bangun lah Yang Berhormat Seputeh. Oh, saya beri kalau hendak bercakap. Bangun lah kalau hendak bercakap. Saya beri laluan. Sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh, dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Yang Berhormat Baling, dia selalu pergi merayau-rayau seluruh dunia untuk selamatkan orang, bukankah dia sepatutnya pergi selamatkan pelarian Rohingya dari Burma. Kenapa tak sebut apa-apa?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya hendak beritahu Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh sudah pergi ke Rohingya ke Yang Berhormat Seputeh? Yang Berhormat Baling sudah pergi. Dia sudah pergi. Kenapa tak masuk pula? Dia sudah pergi. Akan tetapi, Yang Berhormat Baling pergi bukan atas kapasiti dia sebagai Ahli Parlimen Baling, dia pergi atas kapasiti sebagai Pengerusi Biro Kebajikan UMNO Malaysia. Mana ada PAS, PKR, DAP buat kerja-kerja macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berlaku kepada negara kita apabila kebanjiran...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Lenggong, oh Yang Berhormat Lenggong. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oh sila, ini cikgu saya. Saya duduk. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini bukan minta izin ini. Ini sergah, Yang Berhormat Lenggong ini. Sila.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Isu Rohingya ini bukan baru, tahun 1990-an kita sudah tahu, Pulau Pinang melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menerima pelarian Rohingya yang didaftarkan dengan ada kad. Kemudian kita didatangi pula oleh pelarian dari Vietnam. Seterusnya, macam-macam kumpulan yang datang ke Malaysia.

Kita melihat, pelarian ini sebenarnya mengambil kesempatan baik hatinya negara kita Malaysia. Oleh sebab itu, kita melihat kebaikan negara Malaysia ini disalahgunakan menyebabkan kumpulan-kumpulan hak asasi, konon-konon terlampau baik hati. Apa pandangan Yang Berhormat Lenggong, menghadapi Pilihan Raya Umum ke-13 pun, mereka beri, baik hati, tiba-tiba dikatakan kerajaan bagi 40,000 Bangladesh didaftarkan sebagai pemilih.

Minta komen Yang Berhormat Lenggong, macam mana.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu lah masalah kita, Yang Berhormat Gerik. Kalau kita ikhlas hendak menyelesaikan masalah tetapi ada kumpulan dan pihak tertentu, dia menggunakan untuk kepentingan tujuan politik. Sebagaimana uar-uar dahulu, apabila kita bawa masuk, kononnya dari luar, 40,000 sebagai pengundi kepada Barisan Nasional. Akhirnya, perkara itu tidak betul. Sebenarnya saya hendak beritahu Yang Berhormat Batu, kerajaan Barisan Nasional ikhlas untuk membantu dan menyelesaikan masalah ini.

Kita tengok dalam rang undang-undang ini, seksyen baru 51A, kita dengan sendiri menunjukkan kesan kita apabila kita ingin membenarkan supaya kepada mereka yang masuk atas kebenaran tertentu untuk bekerja dalam bidang-bidang tertentu. Namun demikian, ini menunjukkan bahawa betapa prihatinnya kita dalam isu ini.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Misalnya, kita tahu bahawa dalam negara ini, sudah ada lebih daripada 100,000 orang rakyat Rohingya yang mendapat kad daripada agensi yang tertentu untuk membolehkan mereka bekerja dan mendapatkan pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa, kita sebuah negara, walaupun kita tahu bahawa bukan mudah untuk menyelesaikan isu ini tetapi kita mempunyai sikap

prihatin, tanggungjawab dan ini sepatutnya disokong oleh semua rakyat tanpa kita ada batas politik dan sebagainya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, terima kasih. Saya, dalam mukadimah saya, saya sudah sebut saya mengalu-alukan usaha kerajaan. Saya tidak mempertikaikan keikhlasan. Akan tetapi, cuma saya ingat kita, perkara ini, kita jangan politikkan kerana kita harus mencari penyelesaian yang praktikal. Kaedah yang ada sekarang ini, saya hendak dapat pandangan. Kaedah yang kita uruskan ini, jelas tidak berkesan kerana ada satu pihak yang menuduh bahawa dengan kebaikan kita, dengan cara kita, telah menarik lebih ramai yang datang. Itu kita harus menjangka, *anticipate*, lebih ramai akan datang. Suka atau tidak suka, ia akan berlaku.

Jadi cadangan saya ialah, kita harus bersedia untuk menguruskan dia dengan baik. Kita dahulu saya kata, semasa pelarian Vietnam, sungguhpun ada kelemahan dia, tetapi persediaan untuk menerima pelarian Vietnam, jauh lebih bersedia kalau dibandingkan dengan sekarang.

Jadi seruan saya ialah, kita harus sediakan fasiliti-fasiliti ini untuk *anticipate* lebih ramai yang akan datang. Juga kita harus ambil tindakan proaktif untuk berunding dengan negara-negara asing supaya ini boleh dijangkakan dengan usaha bersama. Saya hendak dapat sokongan daripada pihak sana atas cadangan-cadangan ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Lenggong, sikit. Yang Berhormat lenggong, Yang Berhormat Bagan Serai. Sedikit sahaja.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong, sahabat saya. Seperti yang saya sebutkan semalam, masalah Rohingya ini, sebenarnya adalah masalah sangat. Bukan sahaja bermakna bila berlaku di Malaysia ini, semua hendak menuduh Malaysia yang tidak ambil berat dan sebagainya. Ada kata-kata dan suara-suara yang kata macam tak dipolitikkan tetapi macam cakap dipolitikkan.

## ■1200

Yang sebenarnya, Malaysia mengambil berat. Sudah tentu ASEAN juga patut mengambil berat. Kita tengok dalam media hari ini ada negara-negara ASEAN sudah mula menunjukkan mengambil berat.

Saya fikir, apa pendapat Yang Berhormat Lenggong kalau dunia semua mengambil berat? Pihak Bangsa-bangsa Bersatu, UNHCR dan juga OIC umpamanya,

masa inilah kena bersuara sebab yang terlibat ini adalah mereka ini – khususnya kepada orang-orang yang beragama Islam. Apa pendapat Yang Berhormat Lenggong?.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai, ini isu universal, bukan isu negara kita sahaja. Saya bersetuju dengan pandangan tadi bahawa untuk menyelesaikan isu dan masalah ini ia tidak boleh tanggungjawabnya seratus peratus diletakkan kepada negara kita. Ia mesti dilakukan dan disokong oleh pelbagai negara dan masyarakat antarabangsa.

Saya bersetuju bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Bagan Serai bahawa daripada segi kerajaan kita, kita tidak mahu mempolitikkan isu ini. Ini isu yang melangkaui batas politik. Maknanya semua mesti bertanggungjawab. Maka kita mesti lakukan secara bersama.

Dari segi kerajaan, saya lihat bahawa kita sedang melakukan usaha bersungguh-sungguh. Paling tidak, kita sudah hantar awal-awal lagi bantuan makanan, minuman dan sebagainya. Malah, kapal-kapal pihak berkuasa kita lindungi mereka dan sebagainya. Ini kerana apa yang penting bagi kita...

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap. Ini kerana yang penting bagi kita ialah kita mesti melakukan tekanan peringkat antarabangsa. Tidak cukup hanya suara sedikit yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. OIC pun baru sehari dua ini bercakap. Akan tetapi saya rasa itu tidak cukup. Ia mesti punyai kesungguhan yang baik. Malah, apa yang pentingnya ialah kita minta supaya Myanmar sendiri mesti bertanggungjawab. Dia ada tokoh hebat yang dapat hadiah Nobel. Dia mesti bertanggungjawab. Kerajaan Myanmar mesti bertanggungjawab.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap Yang Berhormat Batu. Saya hendak bagi Ketua Puteri di sana.

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Cuma tadi saya tertarik dengan Yang Berhormat Batu berkenaan menguruskan dengan baik tentang isu Rohingya ini. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Lenggong, apakah pendapat Yang Berhormat Lenggong tentang pendapat yang dikeluarkan oleh doktor daripada fakulti perubatan di kolej perubatan di Perak yang menyatakan bahawa sebelum kita menerima pelarian Rohingya ini masuk ke dalam negara kita dulu, sepatutnya dibuat tapisan daripada segi kesihatan mereka?

Ini kerana mereka yang di dalam pelarian ini, mereka duduk berhimpit-himpit dan makan dan minum tidak cukup sampaikan ada penyakit-penyakit seperti tibi, cirit-birit dan sebagainya, dikhuatiri apabila mereka atau pun ada bantuan yang kita sampaikan melalui rakyat atau pun pasukan-pasukan daripada pihak Malaysia, maka perkara itu dapat diatas.

Kedua berkenaan dengan yang disebut oleh Yang Berhormat Lenggong itu tadi bahawa kita di peringkat antarabangsa sepatutnya mendesak atau pun membuat satu keputusan bahawa maksudnya bukan hanya Malaysia sahaja yang bertanggungjawab tetapi perlu disuarakan kepada seluruh negara yang lain bahawa kita ini bertanggungjawab di atas faktor kemanusiaan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Lenggong, adakah kita perlu juga mencadangkan bahawa Aung San Suu Kyi yang mana pemenang Anugerah Nobel Keamanan di peringkat dunia ditarik balik anugerah tersebut kerana beliau tidak menunjukkan dan beliau langsung tidak bersuara tentang soal kemanusiaan yang melibatkan isu Rohingya ini? Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya sokong dengan pandangan tadi bahawa kita mesti melihat daripada pelbagai aspek...

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Rohingya hendak bercakap.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Untuk menyelesaikan dan menangani isu ini.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya melihat bahawa kalau kita mengambil langkah jangka pendek terima mereka-mereka yang berada di perairan untuk masuk, ia tidak menyelesaikan masalah.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: [Bangun]**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini kerana isu besarnya ialah..

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Lenggong, sini lah sikit. Sini juga.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya tidak bagi kepada Yang Berhormat Sik nanti dia marah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat Lenggong. Yang mana satu?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab Yang Berhormat Sik ini sedang di – ramai Rohingya di Sik ya, Yang Berhormat Sik?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sini, sini, sini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Okey, sila Yang Berhormat Sik.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Boleh, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Sik.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya bukan Rohingya, bukan Bangladesh tetapi... *[Ketawa]* Nampak semacam tetapi bukan ‘kot’. Ada dua benda saya hendak mencelah di sini Yang Berhormat Lenggong.

Pertama, saya setuju dengan Yang Berhormat Masjid Tanah tadi yang mengatakan mereka ini, pelarian-pelarian ini mesti daripada segi perubatannya buat screening dulu supaya tidak berlaku penularan penyakit-penyakit berjangkit. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat perancangan pada minggu depan, BNBBC dan juga Biro Kebajikan UMNO bersama saya sendiri akan pergi ke Depot Imigresen Belantik untuk buat pemeriksaan fizikal kesihatan mereka.

Kedua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Lenggong, memandangkan bilangan Rohingya daripada yang baru ini yang dihantar dua minggu lepas daripada Langkawi, Langkawi tidak mahu, lepas itu tolak pergi ke Sik, Parlimen dekat Langkawi tidak mahu, Parlimen Langkawi tolak ke Sik. Akan tetapi saya tidak tolak keluarlah. Saya ada satu cadangan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Lenggong. Ini kerana 1,000 orang lebih ini adalah satu bilangan yang banyak dan tempat Depot Imigresen Belantik itu satu kawasan yang kecil. Kalau mereka berada di sana dalam masa yang lama, ini akan menimbulkan satu suasana yang tidak selesa, sesak dan juga jika ada penyakit-penyakit, boleh menular di antara mereka dan juga saya bimbang sekiranya penduduk-penduduk setempat akan menerima kesan daripada itu.

Jadi apa kata Yang Berhormat Lenggong kalau saya cadangkan 1,000 lebih pelarian ini kita – bukan saya hendak tolak semua, kita cadangkan supaya sebahagiannya kita bahagi-bahagikan? Ini kita kena buat kerjasama *Blue Ocean Strategy*

dengan kementerian yang lain supaya ditempatkan, contohnya tempat-tempat yang boleh kita tempatkan ialah seperti di pusat-pusat PLKN yang sekarang ini tidak ada aktiviti-aktiviti latihan PLKN supaya mereka ini dapat dimanage, diuruskan dengan baik dan juga tidak ada perkara-perkara buruk atau pun penularan-penularan penyakit yang tidak diingini berlaku. Saya tanya pendapat Yang Berhormat Lenggong. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sik, saya bersetuju sebenarnya dengan pandangan itu. Akan tetapi, apa yang penting bagi kita ialah penyelesaian jangka panjang. Saya kata tadi kalau kita menerima sekarang, apakah ia menyelesaikan isu Rohingya ini? Tak selesai, kerana isunya negara Myanmar. Kebimbangan saya apabila kita menerima dengan begitu mudah, ia memberi isyarat kepada masyarakat antarabangsa, ha, hantar ke Malaysia, Malaysia akan terima. Kebetulan pula PLKN kita ditangguhkan sementara, kosong banyak. Banyak tempat boleh duduk. Saya takut itu isyarat yang kita beri kepada masyarakat antarabangsa walaupun saya bersetuju, Yang Berhormat Sik. Saya tahu Yang Berhormat Sik pun terbeban begitu banyak...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Akan tetapi, sebagaimana yang Yang Berhormat Masjid Tanah sebut tadi bahawa isu ini ia melibatkan banyak perkara, imej negara...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Minta maaf Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Soal masalah sosial.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap Yang Berhormat Penampang. Masalah sosial, penyakit. Maka banyak perkara-perkara yang perlu kita lihat dan yang perlu kita beri keutamaan ialah penyelesaian jangka panjang kepada isu ini. Ini yang sedang dilakukan oleh kerajaan kita. Kalau setakat hendak selesai segala perkara yang berada di perairan ini, saya rasa mudah sahaja, tidak susah. Kerajaan kita boleh letak di mana-mana tetapi ia tidak selesaikan masalah jangka panjang. Ini yang hendak dilakukan.

Oleh sebab itu, saya bersetuju dengan banyak pandangan rakan-rakan, dari segi komitmen negara kita hari ini kita tidak boleh deny, memang kita lakukan usaha bersungguh-sungguh. Kementerian Luar nya, Kementerian Dalam Negeri sedang berunding dengan pelbagai negara, sedang melakukan usaha-usaha daripada pelbagai

aspek. Itu kita lakukan. Soalnya ialah penyelesaian kepada isu ini untuk diselesaikan secara jangka panjang. Silakan Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Bolehkah Yang Berhormat Lenggong memberikan penjelasan atau pendapat Yang Berhormat Lenggong berkenaan dengan keadaan kami di Sabah. Bagaimanakah pendatang tanpa izin ini boleh memasuki Sabah dengan senang tetapi di sini orang yang telah ditarafkan sebagai *refugee* telah dikawal. Bolehkah berikan penjelasan?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Penampang, itu saya sebut tadi. Dalam waktu kita hendak menyelesaikan isu ini, kita juga mesti mengambil kira kepentingan kita dan isu-isu yang ada dalam negara kita.

#### ■1210

Kalau kita terima, kita menambahkan lagi isu yang ada. Sebab itu saya percaya dalam kita menunjukkan rasa simpati, menunjukkan rasa tanggungjawab, kita mesti meletakkan keutamaan apa yang hendak kita selesaikan secara bersama. Kerana apa, saya lihat isu ini Yang Berhormat Batu, ia tidak boleh diselesaikan oleh negara kita sahaja. Isu ini besar.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Kita mesti mendapatkan kerjasama antarabangsa. Tekanan-tekanan masyarakat antarabangsa mestilah dilakukan secara bersungguh-sungguh. Ini yang perlu kita lakukan. Kerana apa, kalau kita lihat kita ada pengalaman untuk menyelesaikan isu-isu itu misalnya kita pernah membuat kerjasama dengan negara Australia dan juga negara-negara yang lain. Ini perlu kita lakukan secara bersungguh-sungguh.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh ini, sedikit?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Apakah pandangan Yang Berhormat Lenggong? Saya setuju penyelesaiannya adalah usaha antarabangsa. Saya hendak dapatkan pandangan Yang Berhormat Lenggong, sama ada bersetuju atau tidak bahawa salah satu penghalangnya kerana Malaysia bukan *signatory* kepada UN *Refugees Convention*. Bolehkah kita mengambil kesempatan ini, kita dapatkan sokongan UN supaya apabila kita menandatangani, kita nyatakan kita bukan negara sasaran, kita negara transit dan kita akan menguruskan dengan kerjasama UNHCR supaya mereka ini

dilayan dengan baik dan pada masa yang sama ia akan diselesaikan. Ini satu jangka pendek yang kita boleh lakukan.

Daripada segi jangka panjang, masalahnya Myanmar tetapi Aung San Suu Kyi – sungguhpun saya tidak bersetuju dengan kesenian dia dalam isu ini tetapi dia pembangkang. Apa yang lebih penting ialah pemerintah yang melakukan pembunuhan beramai-ramai, menindas dan diskriminasi. Adakah kita sebagai Komuniti ASEAN ini, kalau sesbuah negara yang melanggar hak asasi secara besar-besaran, adakah kita boleh *suspend* atau kita keluarkan Myanmar sehingga mereka mematuhi piawaian Myanmar ini. Bersetuju atau tidak Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, yang penting bagi saya ialah negara berkenaan mesti dipertanggungjawabkan kerana puncanya adalah daripada negara mereka. Aung San Suu Kyi, saya sebenarnya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Masjid Tanah tadi, kerana beliau memperoleh hadiah *Nobel* ini atas keberaniannya, perjuangan demokrasi dan sebagainya tetapi dia tidak boleh menutup mata atas isu yang berlaku dalam negaranya. Memang beliau adalah di kalangan parti pembangkang tetapi beliau mendapat anugerah tersebut kerana kehebatannya berjuang. Memperjuangkan kepentingan rakyat dalam negaranya, maka teruskanlah perjuangan itu. Ini penting kerana tidak boleh isu itu dibiarkan kerana ia memberikan bebanan kepada negara lain.

Saya lihat apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu tadi mungkin sudah ada kajian-kajian dibuat oleh pihak kerajaan tetapi apa pun pokoknya, saya sebut tadi dalam apa juga keputusan yang kita buat, pertama kita mesti dilihat sebagai sebuah negara yang mampu memainkan peranan sebagai Pengurus ASEAN. Dalam waktu yang sama kita mesti melihat dahulu kedudukan dan kepentingan negara kita sebelum kita membuat apa-apa juga keputusan berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa saya sokong apabila kita mewujudkan jawatankuasa tertinggi di peringkat kerajaan yang melibatkan pelbagai kementerian. Ini sebenarnya memenuhi program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang melibatkan pelbagai kementerian kerana kalau kita di peringkat antarabangsa tidak boleh negara kita sahaja menyelesaikannya, perlu melibatkan negara lain.

Di negara kita juga sebenarnya isu-isu pemerdagangan manusia ini tidak boleh diselesaikan oleh sebuah kementerian sahaja. Ia mesti melibatkan pelbagai kementerian. Maka isu-isu pertahanan negara, soal kesihatan, soal masalah sosial yang berlaku kesan daripada ini mesti diberikan perhatian. Inilah yang berlaku. Saya bimbang misalnya baru-baru ini kita dikejutkan dalam negara kita, saya pun rasalah rakyat negara kita ini tidak

mungkin, saya tidak berani kerana tidak ada bukti tetapi kalau rakyat kita tidak mungkin berani sangat memotong bayi sampai 18 kerat ini. Kita tentu akan ada belas kasihan.

Mungkin ini juga kesan daripada kebanjiran luar yang sanggup melakukan apa juga dalam negara ini sebab itu kita takut perkara-perkara ini berlaku dan memberi kesan besar kepada imej rakyat, imej negara kita di peringkat antarabangsa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong, sahabat di hadapan. Yang Berhormat Lenggong, panjang lagi? Ya, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapkan kepada sahabat saya Yang Berhormat Lenggong yang berbahas begitu berkesan sekali. Saya tertarik dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Lenggong soal penglibatan negara kita ini. Memang pun negara kita ini memang banyak membelanjakan soal mangsa-mangsa pemerdagangan manusia ini di negara kita. Bukan sahaja satu kementerian, dua kementerian yang terlibat tetapi semua kementerian. Bahkan kita punya kementerian kebajikan dan semua ini, kita berbelanja begitu banyak, berbilion untuk membantu mangsa-mangsa yang kononnya mangsa-mangsa pemerdagangan manusia.

Oleh sebab ramai betul mangsa-mangsa yang sudah berada di negara kita dan kita telah berbelanja begitu banyak terutama sekali di negeri Sabah, bersetuju kah Yang Berhormat jika mangsa-mangsa ini boleh dilatih untuk bekerja di negara kita dan ditempatkan di negeri yang memerlukan seperti negeri Pulau Pinang yang banyak industri yang memerlukan pekerja-pekerja yang ada *skill*. Saya bercadang Yang Berhormat, kalau boleh diletakkan sebuah pusat di Jelutong ataupun di Bukit Mertajam supaya keperluan pekerja ini dapat membantu negara kita untuk membangun. Bersetuju kah? Siapa lagi?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan apa yang terkandung dalam akta ini. Saya percaya banyak perkara yang perlu dinilai dan diberikan perhatian. Saya sebut tadi bahawa perlu kerjasama pelbagai kementerian untuk melihat pelbagai isu dalam perkara ini kerana kita tahu bahawa setelah isu ini memang lama – antara perkara yang perlu diberikan perhatian ialah soal-soal yang berkaitan dengan isu-isu tertentu misalnya isu yang berkaitan dengan penyakit yang saya sebut tadi, soal berkaitan dengan masalah sosial dan tentu juga kita kena lihat bahawa antara perkara penting yang perlu diberikan perhatian ialah soal kebajikan mereka.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Putatan sebutkan tadi bahawa memang kita akui bahawa di kalangan mereka yang datang ke negara kita ini juga terdiri daripada mereka yang mempunyai kemahiran dan kebolehan tertentu. Kalau ia bermanfaat, apa salahnya diberikan pertimbangan. Cuma, saya hendak sebut tadi jangan sesekali keputusan yang kita buat itu menjelaskan kepentingan rakyat dalam negara ini.

Ini kerana dalam pindaan ini, kita lihat memberikan kebenaran kepada orang yang diperdagangkan untuk bergerak bebas dan bekerja, misalnya. Ya betul dan selama ini pun kita beri peluang yang banyak kepada rakyat Rohingya yang diberikan dalam negara untuk bekerja dan sebagainya tetapi perkara ini perlu diperhalusi kerana saya bimbang banyak sektor tertentu nanti akan menyebabkan rakyat tempatan terjejas dan sebagainya. Jadi, walaupun kita mahu benar untuk memberikan peluang kepada mereka untuk bergerak dan bekerja, sesuai dengan sikap kita yang begitu prihatin dengan mereka ini tetapi kepentingan rakyat tempatan mestilah diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut soal jawatankuasa ini. Aspek penting yang perlu diberikan perhatian ialah kita mesti dalam keadaan apa sekalipun memperketat pelbagai aspek termasuk pintu-pintu masuk negara ini yang kita anggarkan lebih 260 pintu masuk di sempadan negara kerana ruang ini akan menyebabkan kemasukan begitu mudah orang luar, kumpulan ini, aktiviti pemerdagangan manusia ke dalam negara kita. Jadi, saya harap perkara ini diberikan perhatian.

Satu lagi perkara lain yang harus diberikan perhatian ialah soal– saya tidak mahu menuduh sesiapa tetapi saya percaya antara elemen yang menyebabkan kita juga sukar untuk menyelesaikan isu ini ialah apabila ada gejala-gejala rasuah ini.

## ■1220

Oleh sebab itu perkara ini perlu diberi perhatian terutama sekali kepada agensi-agensi penguat kuasa kerana mereka terdedah dengan elemen-elemen ini kerana sudah tentu saya sebut awal semalam bahawa pemerdagangan manusia ini juga sebenarnya memberi keuntungan, merupakan satu industri kepada pihak tertentu apabila ia memberi keuntungan maka tentunya ada pihak tertentu yang akan mengambil kesempatan untuk membuat sogokan dan sebagainya.

Oleh sebab itu saya harap jawatankuasa ini akan juga memberi tumpuan kepada aspek ini supaya kita benar-benar dapat membantu dan menyelesaikan masalah ini dengan baik dan dalam waktu yang sama kita sekali lagi harap supaya semua pihak tidak kira di mana kedudukan kita mesti kita bersama untuk menyelesaikan isu dan masalah ini kerana masalah ini bukan baru. Ia antara isu dan masalah tertua di dunia ini.

Saya percaya sebagai kesimpulannya marilah kita semua tanpa kita kira latar belakang kita untuk bersama-sama dengan kerajaan bagi menangani isu ini. Isu Myanmar ini mesti kita sekali lagi beri perhatian dan langkah-langkah jangka panjang mesti dibuat selain daripada langkah-langkah jangka pendek dan tekanan-tekanan antarabangsa mesti dilakukan kepada Myanmar supaya Myanmar bertanggungjawab ke atas rakyatnya walaupun mereka tidak mengakui Rohingya adalah rakyat negara mereka. Terima kasih saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya minta maaf Yang Berhormat Kuala Langat. Saya bagi wanita dahulu. Yang Berhormat Kota Raja. Ada seorang lagi ya Yang Berhormat Kuala Langat.

## **12.21 tgh.**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pemerdagangan orang ini bukanlah satu perkara yang baru dalam sejarah manusia. Perhambaan manusia secara rasminya dihapuskan di Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah hanya di akhir kurun ke-18. Negara-negara Timur Tengah pula mengharamkan perhambaan orang pada awal kurun ke-19 dan cerita perhambaan manusia walaupun sudah diharamkan di seluruh dunia pada hakikatnya masih berlaku dalam bentuk yang sama. Kalau dahulu hamba lelaki digunakan sebagai buruh paksa, hamba wanita pula untuk memuaskan nafsu serakah dan kanak-kanak dipaksa bekerja tanpa belas kasihan, diperdagangkan secara terbuka dan diperlakukan sedemikian untuk tujuan ekonomi semata-mata.

Dalam abad ke-21 ini, selain daripada menjadi buruh paksa, industri seks skop penganiayaan, eksplorasi dan kezaliman diperluaskan lagi untuk mendapatkan organ dan sebagainya. Cuma mekanisme operasinya sahaja yang berbeza. Kalau dahulu secara terang-terangan, kini lebih *sophisticated* dengan izin berlaku secara haram dan bawah tanah dengan rangkaian sindiket melibatkan pelbagai negara dan bercambah kerana adanya korupsi di semua negara yang terlibat.

Kalau disebut perhambaan orang, semua orang yang waras akan menolak fenomena ini dan akan bersetuju ianya adalah satu kezaliman dan mereka tidak akan berfikir bahawa pada zaman sekarang ini ada hamba. Namun apabila disebut pemerdagangan orang, masyarakat yang tertutup dan masyarakat moden dan terpelajar sekalipun tidak akan menyamakannya dengan perhambaan atau buruh paksa.

Ianya berlaku dalam masyarakat kita tanpa ramai yang menyedarinya. Ramai yang tidak menyedari yang menahan gaji pembantu rumah, memegang pasport pekerja, tidak

membenarkan pekerja untuk bercuti dan beristirahat seperti pekerja lain sebenarnya sebahagian daripada fenomena pemerdagangan orang. Bukan sahaja rakyat awam yang tidak memahami konsep pemerdagangan orang, pegawai-pegawai kerajaan di barisan hadapan, penguatkuasaan undang-undang seperti polis, imigresen, pegawai pejabat buruh juga masih kabur tentang perkara ini. Selagi pendidikan masyarakat tidak dipergiatkan maka kesedaran rakyat tetap berada di tahap yang rendah dan ini akan menyukarkan pelaksanaan sebarang undang-undang dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pemerdagangan orang di Malaysia sebenarnya sudah berlaku agak lama tetapi ramai di antara kita tidak sedar. Saya rasa malu kerana saya menyedari perkara ini secara tidak langsung lebih kurang sedekad yang lepas apabila melihat satu papan iklan sebuah syarikat yang besar merentasi satu jejantas yang menyatakan syarikatnya membekalkan pekerja asing, memberi konotasi yang pekerja asing ini seperti barang yang boleh dibekalkan dan diperniagakan dan apabila saya telefon tanya syarikat kenapa tidak menulis syarikatnya mengurus pekerja asing. Katanya inilah istilah yang dipakai oleh pihak berkuasa.

Inilah yang saya maksudkan bahawa apabila barisan hadapan pelaksanaan undang-undang perlu peka terlebih dahulu. Ramai yang sering mengaitkan pemerdagangan orang dengan pendatang asing tanpa izin atau PATI dan tidak bersimpati dengan mereka kerana mereka telah melanggar undang-undang negara kita kerana masuk tanpa izin atau masuk secara sah tetapi enggan pulang ke negara asal kerana mencari peluang ekonomi di negara tuan rumah.

Namun ramai yang dibawa masuk secara sah pendatang asing dengan izin oleh agen-agen atau syarikat yang merekrut mereka untuk sektor pekerjaan tertentu atau bagi pihak majikan tertentu. Namun setelah memasuki negara ini mereka bekerja sebagai buruh paksa, gaji tidak dibayar, keringat mereka dikerah, dokumen perjalanan mereka dipegang majikan. Akhirnya mereka melarikan diri. Ada juga pekerja yang dibawa masuk oleh agen yang kemudiannya diserahkan kepada majikan yang tidak memproses atau memohon permit kerja mereka dan enggan membayar gaji. Mereka juga apabila sudah tidak tahan lagi akan melarikan diri.

Mereka ini tiada dokumen dan jika ditangkap pihak Imigresen akan kategorikan mereka sebagai PATI dan dilayan daripada segi undang-undang sebagai PATI. Jadi mereka ini sudah dua kali teraniaya. Bolehkah Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini setakat Akta 670 ini diwartakan, berapakah jumlah majikan atau agen yang sudah didakwa kerana kesalahan pemerdagangan orang?

KDN dilaporkan telah mengekalkan senarai pemerhatian ke atas 42 buah syarikat pengrekutan luar, rekrut pekerja asing yang lesen mereka digantung kerana terlibat di dalam aktiviti yang mencurigakan seperti penggunaan dokumen yang dipalsukan atau menyenaraikan majikan yang palsu. Akan tetapi mereka tidak didakwa. Kenapa? Ini dilaporkan dalam tahun 2012. Sudah kah tindakan diambil kepada syarikat-syarikat ini?

Peniaga dan usahawan kecil dan majikan perseorangan seperti yang dilaporkan oleh Jabatan Negara Amerika dikatakan sering melakukan kesalahan menahan pasport dan gaji pekerja atau pembantu rumah. Baru-baru ini MOU telah diadakan di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia untuk mensyaratkan tidak berlaku penganiayaan maka dasarnya adalah baik kerana bertujuan melindungi pembantu rumah. Namun saya ingin bertanya bagaimana pula hak majikan dilindungi?

Majikan membayar beribu-ribu ringgit Malaysia untuk mendapatkan pembantu rumah dan sering kedengaran berlaku pembantu rumah lari dan sebelum tamat kontrak apabila pasport dan gaji tidak ditahan atau berada di dalam simpanan mereka. Majikan tidak mendapat pembantu gantian dan hanya setakat dapat melaporkan kepada Imigresen. Tiada apa yang dilakukan untuk mengesan pembantu rumah yang lari daripada majikan dan majikan mengalami kerugian. Sekarang apabila MOU baru ini dikuatkuasakan atau telah dikuatkuasakan, apakah jaminan kepada majikan sekiranya pembantu rumah ini lari?

Kalau pembantu rumah ini dari Indonesia, Myanmar, Sri Lanka atau Kemboja melarikan diri mereka, mereka dengan mudah *blend* dalam masyarakat kita dan mereka boleh berlindung bersama dalam komuniti mereka yang agak besar kerana kita ada komuniti Kemboja, kita ada komuniti Indonesia, kita ada komuniti Myanmar. Jadi mereka boleh menghilangkan diri dan tidak ada apa yang dapat dilakukan oleh pihak polis atau imigresen sehingga kalau mereka mengambil keputusan untuk keluar dari Malaysia melalui pintu-pintu masuk yang sah.

Kalau tidak, mereka tinggal sebagai pendatang asing tanpa izin dan menjadi kesalahan pula kepada majikan sekiranya pembantu mereka lari dan mereka tidak melaporkan kepada imigresen untuk membatalkan permit pekerjaan ini, majikan pula salah kerana tidak melaporkan sedangkan majikan kiranya sudah tidak dapat apa-apa lagi manfaat daripada membawa masuk mereka. Jadi...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Bersetuju atau tidak dengan Yang Berhormat Kota Raja berkenaan hari ini kita lihat hendak ambil seorang pembantu rumah memerlukan RM8000. Jadi salah satu daripada punca yang menyebabkan berlakunya penderaan dan juga pemerdagangan, perhambaan yang kita lihat dalam erti kata yang lain ialah berpunca apabila RM8000 dibayar oleh majikan.

■1230

Kebetulan majikan ini kalau dia baik, tidak apa. Kalau majikan yang jahat, kadang-kadang sampai dia tidak bayar gaji dan sebagainya sehingga menyebabkan pekerja ini tertekan dan menjadi hamba abdi moden. Apa pandangan Yang Berhormat Kota Raja? Sejak dua menjak ini yang jadi demikian apabila program untuk mengambil pekerja asing ini pihak kerajaan berikan kepada *outsource*. Akhirnya jadilah seperti mana yang terjadi. Kenapa perkara ini tidak diselesaikan melalui agensi terus kerajaan? Terima kasih.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Inilah apa yang saya maksudkan. Apabila majikan berada dalam keadaan dilema, kita bayar beribu-ribu untuk mendapatkan pembantu rumah. Sekarang ini sudah tidak dibenarkan memegang pasport dan gaji mereka perlu dibayar, perlu buka akaun asing bagi mereka. Oleh kerana ada segelintir majikan yang telah menganiayai pembantu rumah, maka semua majikan yang baik pun akan juga terpaksa mengikut peraturan ini.

Pengalaman saya bergaul dengan ibu-ibu bekerja. Saya dulu pun biasa mengambil pembantu rumah dan sebagainya. Majikan memegang pasport itu sebagai satu *guarantee* dia tidak lari dan majikan memegang gajinya itu sebagai satu *guarantee* supaya kalau dia fikir hendak lari, dia fikir dua, tiga kali sebab gajinya ada di situ. Jadi, sekarang ini ada mekanisme di mana kita diminta buka akaun untuk melindungi hak mereka. Akan tetapi kalau dia lari juga, tanpa pasportnya, tinggal duitnya, tidak ada apa yang majikan boleh buat. Tidak ada siapa hendak ganti rugi. Kita ambil, bayar RM8,000 hingga RM10,000 untuk kerja dua tahun tetapi duduk enam bulan, dia sudah cabut. Jadi tidak ada *guarantee*. Kadang-kadang saya merasakan majikan juga teraniaya dalam kes ini.

Apabila dibuat laporan polis, tidak ada apa-apa tindakan yang boleh diambil. Terlampau banyak orang kata hendak mencari jarum di dalam satu timbunan jerami. *To find a needle in the haystack is impossible*. Jadi, saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang bahawa perlu ada keseimbangan antara hak majikan dan juga hak pembantu rumah. Sekarang ini, dulu kita ada banyak cara untuk mengambil

pembantu rumah. Kalau kita kenal sesiapa daripada Indonesia dan sebagainya, kita boleh memohon untuk permit Lawatan Kerja Sementara (LKS) dan kita menunggu dia di pintu masuk negara dan kemudian kita membuat permit untuk dia. Akan tetapi sekarang ini sudah tidak dibenarkan lagi kerana kerajaan buat MoU baru-baru ini mesti diambil melalui agensi-agensi pembantu rumah. Jadi, ini tidak dapat membantu rakyat kita. Kita hanya membuat agensi-agensi pembantu rumah menjadi kaya, baik di Malaysia dan juga baik di Indonesia.

Jadi, satu sistem yang adil dan pelbagai perlu diperkenalkan supaya wanita yang bekerja terutamanya boleh mendapat pembantu rumah pada kos yang berpatutan dan saya setuju bahawa pemantauan perlu dikenakan kepada mereka kerana dalam siri-siri yang lepas, kenapa Indonesia bersifat begini kepada Malaysia? Kerana berlakunya penganiayaan kepada pembantu rumah Indonesia yang dikurung. Tidak boleh keluar, tidak ada kebebasan. Ini betul penghambaan moden dan itu pun kita tidak bersetuju. Jadi kita perlu mencari satu jalan bagaimana hak majikan di jaga dan hak pembantu rumah juga dijaga.

Saya hendak meneruskan, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang majikan ini menjadi batu loncatan. Apabila mereka hendak masuk ke Malaysia, mereka gunakan permit untuk bekerja tetapi selepas beberapa bulan, dia lari. Ini kita tengok bersepeh di negara kita ini yang dia tidak puas hati menjadi pembantu rumah, dia tidak kira kontrak dia. Dia lari, dia pergi kerja dengan orang lain dan dia bebas bergaul dan sebagainya.

Saya hendak bertanya lagi bagaimana pula dengan pendatang asing dengan izin (PADI) yang bebas membuka perniagaan yang kita tengok bersepeh juga di ibu kota dan Kuala Lumpur serta di Selangor ini. Perniagaan membasuh kereta dengan menggunakan lesen ataupun tidak ada lesen, yang warga Malaysia Ali Baba kan kepada mereka. Hendak katakan itu kerja sambilan mereka, kita pergi pagi pun dia ada, kita pergi malam pun dia ada untuk menjalankan kerja ini dan mereka seolah-olah menjadi *entrepreneur*, menjadi usahawan dalam negara kita. Jadi, saya ingat kita perlu melihat kepada perkara-perkara ini.

Pemerdagangan manusia juga turut berlaku kepada warga Malaysia sendiri. Kita sibuk dengan PATI dan PADI tetapi rakyat Malaysia sendiri yang bekerja sekarang ini sesetengahnya tidak dibayar gaji minimum terutamanya pengawal-pengawal keselamatan dan mereka kadang-kadang tidak dapat perlindungan kesihatan dan juga tidak mendapat caruman KWSP dan PERKESO. Oleh kerana kerja itu sangat bermakna terutamanya orang-orang pencen, mereka tidak ada kerja lain, jadi mereka kerja sebagai pengawal keselamatan. Jaga pintu masuk taman-taman perumahan dan sebagainya. Apabila kita

tanya mereka, mereka kata gaji mereka tidak seberapa dan sekiranya mereka bising, maka mereka dibuang kerja.

Jadi inilah satu bentuk pemerdagangan manusia juga kerana ada konsep atau unsur pemaksaan kerja. Buruh paksaan dan kemudian tidak dibayar gaji. Kadang-kadang mereka enggan diberi dokumen-dokumen yang sepatutnya. Bila hendak cuti dan sebagainya, tidak dapat. Cuti sakit dan sebagainya. Jadi, seperti juga disebut oleh rakan-rakan, kita juga perlu menjaga rakyat kita. Saya ingin hendak tahu dalam kes-kes seperti ini yang disamakan dengan – berapakah kes-kes rakyat Malaysia yang boleh disamakan dengan pemerdagangan orang dan didakwa di bawah Akta 670 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta 670 yang kita sedang bahas sekarang ini akan membenarkan pembayaran elaun kepada mangsa pemerdagangan semasa dalam perlindungan dan setelah tamat masa perlindungan supaya mereka bebas bergerak dan diberi kebenaran bekerja. Ini adalah satu cadangan yang baik kerana sementara mereka hendak menunggu perbicaraan tamat kerana mereka ini diperlukan sebagai saksi perbicaraan untuk mendakwa pesalah, mendakwa pedagang manusia ini, mereka diberi perlindungan. Akan tetapi ini adalah kepentingan pendakwaan itu supaya dapat selesai dengan jaya. Sekali lagi saya terpaksa memetik daripada Jabatan Negara Amerika ini sekali lagi kerana mereka mendapat laporan daripada NGO-NGO yang banyak kes dakwaan gagal. Apabila mangsa pemerdagangan mengambil keputusan untuk pulang ke negara masing-masing, apabila premis perlindungan adalah seperti kem tahanan dan mereka hilang sumber pendapatan.

Dikatakan perbicaraan kes-kes pemerdagangan orang ini memakan masa yang lama. Jadi sudah kah kerajaan membuat perkiraan kos yang terpaksa ditanggung oleh rakyat Malaysia atau Kerajaan Malaysia semenjak akta ini dikuatkuasakan. Apakah lebih *cost effective* dengan izin jika kerajaan menubuhkan mahkamah anti pemerdagangan orang dan anti penyeludupan migran yang khusus untuk menangani pendakwaan-pendakwaan dengan lebih cepat dan juga mempercepatkan *learning curve* dengan izin hakim, pendakwa raya, peguam dan juga pegawai penguat kuasa supaya kes-kes ini berjaya, yang mereka ini semua terlibat. Kita tahu bahawa pegawai-pegawai kerajaan pergi dan datang dan hakim juga begitu.

Sekiranya tidak ada pengkhususan, maka kes-kes ini tertunggak dengan begitu lama. Bila lama, maknanya mangsa-mangsa tadi yang diminta untuk tinggal, dilindungi kerana khas untuk menjadi saksi. Jadi kalau mereka dilindungi atau ditahan di tempat seperti kem tahanan dan mereka tidak ada sumber pendapatan, maka mereka akan memilih untuk balik ke negara mereka. Dengan ini, kes mungkin tidak cukup saksi, tidak

cukup bukti. Maka kes-kes ini digugurkan dan ini menjelaskan kenapa pendakwaan pedagang-pedagang ini gagal.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang industri pelacuran. Ini adalah satu industri. Saya panggil industri sebab ini adalah sangat tersusun. Sangat bergantung kepada pemerdagangan wanita. Mengikut laporan-laporan akhbar dan media, setiap kali ada serbuan ke pusat-pusat hiburan, puluhan wanita asing yang ditahan dan kebanyakan mereka mempunyai dokumen perjalanan yang sah namun telah melebihi atau melangkaui masa waktu tinggal di Malaysia.

#### ■1240

Sama ada mereka datang secara sukarela atau ditipu, adalah satu persoalan lain. Cuma yang menjadi kehairanan rakyat Malaysia, pusat-pusat hiburan ini setelah diserbu dan disita, kembali beroperasi seperti sedia kala selepas beberapa hari sahaja disita. Ini saya ingat dalam beberapa hari yang lepas, pusat hiburan di Klang yang baru diserbu, beroperasi semula beberapa hari selepas itu. Jadi, semua bandar besar Malaysia tidak terkecuali dengan fenomena ini. Setiap kali pihak PBT menafikan yang permit atau kebenaran diberikan kepada premis-premis ini, ini hanya menunjukkan keterlibatan sindiket dan adanya rasuah pegawai-pegawai penguatkuasaan dan mungkin juga orang politik.

Adanya lompang-lompang dalam peraturan dan undang-undang perlu segera disemak dan dipinda dan diperketatkan. Pemilik premis, penyewa premis, pekerja premis juga pelanggan. Sekarang ini dalam industri pelacuran yang kena tangkap adalah yang wanita itu tetapi orang yang melanggannya tak kena tangkap. Tak kena, lepas pergi begitu sahaja dan setiap kali gagal didakwa.

Pemilik premis, penyewa premis, pekerja premis juga pelanggan, semuanya yang terlibat di dalam jenayah dan maksiat ini terlepas daripada apa-apa jenis tindakan dan hukuman. Maka, aspek perundangan perlu dikaji dengan teliti dan pelanggan pelacuran tidak boleh terkecuali daripada tindakan undang-undang. Tiada masa untuk mendidik kumpulan jenis ini kerana yang memandu hidup mereka adalah wang ringgit dan nafsu. Bukti pusat-pusat hiburan ini menjadi pusat pelacuran perlu dikurangkan atau direndahkan untuk menarafkan pusat-pusat ini menjadi pusat pelacuran. Pusat-pusat ini dibuka sebagai pusat hiburan tetapi mereka ada kerja lain di sebaliknya, menjadi pusat pelacuran.

Mungkin kita boleh kurangkan bukti, pembuktian pusat pelacuran ini kepada yang minimum misalnya, adanya tilam, adanya penemuan kondom, bilik-bilik dan sebagainya di pusat hiburan. Apa perlu pusat hiburan biasa ada perkara-perkara ini? Saya ingin tahu,

setakat ini berapa mangsa pemerdagangan yang dilacurkan yang dapat diselamatkan dan apakah yang berlaku kepada mereka? Berapa orang masih di bawah perlindungan dan berapa ramai yang dihantar balik? Saya juga ingin tahu, siapa yang menanggung kos penghantaran pulang mangsa-mangsa pemerdagangan?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Majlis Pemerdagangan Orang yang ditubuhkan untuk menyelaraskan pelaksanaan Akta 670 ini dan kali ini dipinda untuk menambah keanggotaannya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Lenggong tadi. Saya bersetuju dengan penambahan anggotanya kerana banyak jabatan dan kementerian terlibat. Jadi, wakil-wakil ini perlu membawa balik maklum balas dan juga apa tanggungjawab mereka.

Saya kira untuk menambah keberkesanannya kita perlu menambah jumlah NGO yang ada tetapi NGO tidak ditambah. Kebiasaannya NGO-NGO inilah mereka yang bergerak di lapangan dan mereka lebih berpengalaman, memahami selok-belok berbanding dengan wakil-wakil kementerian dan jabatan. Saya minta maaf sebab setiap kali kalau saya pergi mesyuarat apa-apa pun, pegawainya akan bertukar ganti. Wakil daripada jabatan-jabatan bertukar ganti, tidak ada *continuity*, tidak ada kesinambungan.

Bila ditanya kenapa ini tak buat lagi, jawabnya, “*Saya tak hadir mesyuarat itu dulu YB., orang lain yang hadir. Nanti saya balik semak minit mesyuarat lagi, nanti saya tanya*”. Jadi makna dia, kesinambungan ini tidak ada sebab *by virtue* dia kakitangan kerajaan, dia boleh ganti wakil-wakil ini. Mereka belum sempat menggali pengalaman, memahami selok-belok dan ini dah ganti pula dengan orang lain tetapi NGO, biasanya mereka yang bekerja, *dedicated*, yang begitu berdedikasi, mereka faham.

Jadi, saya minta perkara ini lihat semula kerana sekarang kita ada tiga wakil daripada NGO yang terlibat dengan pemerdagangan dan dua NGO yang terlibat dengan anti penyeludupan. Saya tak tahu sama ada menteri tahu bahawa Selangor sudah mewujudkan Majlis Antipemerdagangan Orang. Mereka juga telah melaksanakan usaha-usaha antipemerdagangan tetapi rasanya mereka masih tidak diiktiraf oleh MAPO. Jadi, kenapa begitu kerana sepatutnya mereka patut dibawa masuk di dalam MAPO. Oleh kerana Selangor adalah satu negeri yang kita tahu berlakunya perkara-perkara ini, terutamanya aspek pemerdagangan manusia.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya nak sentuh sikit tentang isu pelarian Rohingya yang banyak dicakapkan oleh...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat tentang pelaksanaan yang telah dibuat oleh kerajaan yang terlalu banyak kita melihat lompong-lompong di sana sehingga yang jadi mangsa adalah manusia itu sendiri. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat ialah tentang apa yang didakwa yang telah dikemukakan oleh kerajaan sebagaimana dijawab oleh menteri di dalam Dewan ini ialah pelaksanaan *maqasid* syariah yang akan dilaksanakan dalam seluruh pelaksanaan aktiviti kerajaan hari ini.

Akan tetapi kita lihat dalam isu pemerdagangan manusia, termasuk perkara-perkara yang melibatkan pelaksanaan dasar yang melibatkan kerajaan negeri, kita nampak di sini tidak nampak keseriusan dan kesungguhan kerajaan. Apa komen Yang Berhormat, tentang sejauh mana sebenarnya yang dimaksudkan oleh kerajaan dalam isu *maqasid* syariah yang kita hendak bandingkan dengan isu yang sedang berlaku hari ini? Adakah ianya hanya indah khabar dari rupa? Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. *To be fair*, saya nak sebut Yang Berhormat Rantau Panjang kerana saya tidak hanya nak menyalahkan kerajaan. Akan tetapi oleh kerana perkara ini perkara baru, bagi saya *is yet to be seen*. *Maqasid* syariah adalah satu prinsip yang baik tetapi seperti-saya bukan nak menjawab bagi pihak menteri kerana saya pun tak nampak lagi benda itu kerana ia perlu. Kalau kakitangan kerajaan, Ahli Parlimen, pemimpin-pemimpin sendiri tidak faham tentang *maqasid* syariah, bagaimana boleh mereka menghayatinya? Oleh kerana *maqasid* syariah itu adalah satu perkara yang tujuan syariah itu diturunkan adalah perkara-perkara ini.

Jadi, dalam isu yang saya sebut tadi iaitu pemerdagangan manusia, penganiayaan manusia itu sendiri adalah satu kezaliman yang amat besar. Kalau tak silap saya, saya tak ingat hadis ini, Rasulullah SAW ada berkata iaitu apabila seseorang pekerja kita habis bekerja, sebelum peluhnya kering, kita dah kena bayar upah dia. Ini prinsip dalam Islam. Jadi, kalau dalam pemerdagangan manusia, dia dah lari jauh daripada prinsip Islam ini.

Jadi, kita nak membetulkan manusia supaya memahami tujuan Allah SWT meletakkan kita, menjadikan kita sebagai khalifah di muka bumi ini mengambil proses untuk mendidik. Oleh itu, *maqasid* syariah tidak akan berjaya sekiranya pemahamannya itu cetek. Kalau seperti yang diuar-uarkan oleh Perdana Menteri, program transparensi,

akauntabiliti, etika yang disebut NKRA dan sebagainya, saya tak fikir semua kakitangan kerajaan faham dengan betul-betul.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: [Bangun].**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota bangun.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya Yang Berhormat Kota Raja, saya bersetuju dengan Yang Berhormat, bahwasanya banyak sangat lompang. Sama ada kita ada *political will* atau tidak untuk mengatasi lompang-lompang ini. Adakah pada pandangan Yang Berhormat Kota Raja, pihak pemerintah tidak menyedari bahawa banyaknya lompang-lompang yang menjadikan keadaan sedemikian rupa? Sebelum saya duduk, empat perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadilah. Apabila peluh belum kering, gaji hendaklah dibayar, bila anak dah dewasa, hendak dicepatkan segera kahwin, mayat hendaklah disegerakan dikebumikan dan hutang segera dibayarkan. Itu memang ada hadis daripada Rasulullah SAW.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya daripada hati sayalah, saya memang merasakan mungkin di masa lepas, saya harap masa akan datang tidak lagi. Lompang-lompang ini mungkin pada awal kita membuat sesuatu akta dan sebagainya, kita tidak menyedari sehingga ada perjalanan pelaksanaan. Akan tetapi oleh kerana terutamanya dalam isu pemerdagangan manusia atau orang ini, ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan dan ada kepentingan. Nak tak hendak, yang adanya orang-orang yang merekrut, menjadi agen kepada pekerja-pekerja asing misalnya.

#### ■1250

*This is business for them, this is money for them* dan saya juga diberitahu, wallahualam, betul atau tidak, saya minta Menteri membetulkan saya kalau saya silap. Bila saya tanya seseorang, apa berlaku kepada PATI yang kita tahan, dimasukkan di dalam kem-kem penahanan sementara ini, saya tanya bagaimana mereka balik ke negara mereka? Ini kerana tak selesai-selesai isu PATI ini. Jawabnya adalah, yang sebenarnya kalau hendak hantar mereka balik *certain agencies*, betul kah tidak saya tak tahu ya, Menteri tolong. Saya bukan hendak memfitnah tetapi ada agensi-agensi, syarikat-syarikat tertentu yang diberi konsesi untuk menghantar balik mereka ini dengan mendapat bayaran dan kadang-kadang mereka ini meminta bayaran daripada keluarga yang ditahan.

Jadi, *this is business*, ini adalah duit, *the economy*, sumber ekonomi. Jadi bagi saya, kadang-kadang lompang-lompang ini, hatta ke hari ini pun kita daripada penarafan dua turun kepada tiga. Kenapa sekarang kita hendak betulkan sedikit, kita tak betulkan keseluruhannya? Ini kerana banyak rekomendasi, cadangan yang diberikan oleh Jabatan Negara Amerika itu dalam laporannya tahun 2012, tahun 2013 dan sebagainya tetapi kita hanya ambil sedikit sahaja kita buat. Kita buat perlindungan, kita buat ini tetapi kita tidak mahu menyelesaikan, menutup lompang-lompang ini dengan sepenuhnya. Jadi saya tak tahu, itu Menteri kena jawab. Jadi bagi saya, adanya kelompongan ini sebenarnya memberi manfaat kepada sesetengah pihak sama ada *intentionally or non-intentionally*, wallahualam dengan izin.

Saya hendak pergi kepada isu pelarian Rohingya. Tuan Yang di-Pertua, saya tak akan berbincang dengan panjang lebar tentang ini cuma saya hendak sebut di sini, kita tidak boleh menggunakan alasan sekiranya Malaysia membenarkan pelarian Rohingya mendarat di Malaysia, maka lebih ramai migran ekonomi akan berbondong-bondong datang ke Malaysia. Kita akui bahawa mereka boleh meredah lautan kerana ada sindiket yang mengambil kesempatan daripada penderitaan mereka.

Cerita sebenar, berapa peratus yang betul-betul dari Myanmar? Berapa peratus migran ekonomi dari Bangladesh? Tidak akan kita ketahui selagi satu penyiasatan dan data tidak dikutip daripada mereka. Bagi pelarian Myanmar yang sudah sekian lama dizalimi, menjadi mangsa *ethnic cleansing* dengan izin, rumah dibakar, wanita dirogol, lelaki dibunuuh, kanak-kanak dipisahkan daripada ibu bapa dan jika dibiarkan hidup, hidup dalam kem tahanan yang mungkin menyerupai Kem Auschwitz di Germany dulu untuk kaum Yahudi semasa Hitler bermaharajalela.

Kalau itulah nasib yang perlu mereka hadapi di negara tanah tumpah darah mereka, walaupun mereka tidak diakui sebagai rakyat. Kalau kita pun menjadi mereka akan sanggup membayar dengan apa sahaja yang kita ada untuk keluar daripada neraka dunia ini. Kalau tidak mengambil risiko meredah lautan dalam keadaan yang belum pasti hidup ataupun mati, mereka tetap menghadapi risiko diseksa dengan kematian yang menyakitkan.

Cuba kita bayangkan, kita perlu membela mereka bukan kerana mereka seagama dengan kita sahaja, tetapi sebab mereka manusia. Sekiranya berlaku perkara yang sama kepada kaum yang lain, yang tidak seagama pun, umat Islam wajib menuntut pembelaan dan perlindungan kepada mereka.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Klang yang di antara yang terawal mengeluarkan kenyataan menuntut Kerajaan Malaysia

membela pelarian Myanmar yang beragama Islam ini. Semangat inilah yang kita harapkan daripada rakyat Malaysia. Ada beberapa isu dalam hal isu pelarian Rohingya ini.

Pertama ialah keutamaan menyelamatkan dan memberi perlindungan kepada pelarian Rohingya yang berada di perairan kita atas dasar kemanusiaan dan atas dasar agama. *It is the right and the human things to do dengan izin.* Jika kita tidak melakukannya, kita akan diingati sampai bila-bila kerana tidak menyelamatkan mereka. Ia akan terpahat di dalam sejarah dunia buat selama-lamanya terutamanya sekiranya ada beratusan daripada mereka mati di tengah-tengah laut dan sebagainya atau mati kebuluran atau mati kena penyakit di atas kapal yang mereka naiki kerana tidak dibenarkan mendarat.

Kita tidak tahu hari ini adalah hari mereka. Siapa tahu, bertahun-tahun dari sekarang tiba giliran anak, cucu kita pula, *nauzubillah*. Filipina, Thailand sudah memberi komitmen. Aceh, Indonesia, walaupun negaranya tidak diiktiraf sekaya kita, sudah membuka tempat perlindungan untuk sebahagian daripada mereka. Malaysia bila lagi?

Saya tahu tadi sudah ada masuk dan sebagainya tetapi secara terbuka Malaysia bila lagi? Kedua isunya ialah menyiasat dan mengambil tindakan ke atas sindiket pedagang-pedagang manusia yang terlibat dan mungkin dari beberapa buah negara. Sudah tentu sebahagian daripada pihak berkuasa dan orang-orang yang berkuasa terlibat. Kalau tidak, mana mungkin pedagang-pedagang manusia ini berani atau mampu melakukannya. Kita tidak tahu apa sebabnya mereka meninggalkan atau *abandon* dengan izin kapal-kapal tersebut bila sudah hampir dengan negara kita yang menjadi negara destinasi mereka.

Ketiga ialah isu kos yang tadi disebut berulang kali bahawa ini adalah beban kepada kita. Kos melindungi pelarian untuk membina kem, menyediakan makan minum dan lain-lain lagi, kita faham dan di dalam taklimat kepada MP semalam, tengah hari kelmarin, kita diberitahu bahawa UNHCR telah menyatakan kesediaan mereka untuk memberikan kerjasama.

Saya berkeyakinan banyak NGO Islam dan bukan Islam sedia membantu kerajaan. Rakyat Malaysia yang begitu pemurah memberi bantuan kepada mangsa bencana alam di seluruh dunia tatkala mereka ditimpa musibah dan sering menghantar misi bantuan tidak akan boleh menerima hakikat mereka tidak diizinkan untuk membantu mereka yang malang yang sudah berada di pintu masuk rumah kita. Saya juga yakin jika Malaysia membuka pintu untuk membenarkan mereka masuk, bantuan kewangan dan tenaga akan mencurah masuk.

Saya yakin Allah SWT akan memberkati negara kita. Apa pun kita berkata tentang negara kita, saya rasa kita ada timbang tara yang baik. Amal *makruf, nahi mungkar* masih berlaku walaupun kita banyak mengkritik kerajaan tetapi kita masih lagi selamat, ‘spec’ by Allah SWT dengan izin daripada bencana-bencana alam yang menyayat jiwa, yang paling besar yang baru ini adalah di Kelantan. Itu pun *alhamdulillah*, hanya 12 kematian. Malaysia perlu mencontohi Turki yang sangat mengambil berat dan menempatkan pelarian Syria di 22 buah kem di dalam dan di sepanjang sempadan mereka. Mereka *the magnitude of Syrian refugees* jumlahnya hampir dua juta, lebih jauh besar daripada pelarian Rohingya ini. Ia dilakukan secara teratur dan mendapat pujian daripada NGO-NGO seluruh dunia.

Saya melihat satu dokumentari di TV AlHijrah mengenai bagaimana Turki melayani pelarian Perang Syria dan sungguh teruja kerana ia boleh dilakukan jika ada iltizam politik atau *political will*. Kalau hendak dikatakan beban, maka Turki tidak menyebutnya tetapi berjiwa besar menganggap pelarian Syria sebagai tetamu mereka. Saya kira bila rasuah terkawal dan perbelanjaan negara cermat dan berhikmah dan rakyat *centered*, maka rakyat dapat menerima dengan reda.

*Last*, akhir sekali ialah penyelesaian jangka masa panjang yang tidak boleh tidak perlu melibatkan negara asal, seperti Burma. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lenggong tadi, saya sangat bersetuju. Saya tidak akan memanjangkan isi mengenai peranan Malaysia dan ASEAN kerana rakan-rakan Yang Berhormat telah banyak memperkatakannya. Apa pun saya ingin tercatat di dalam *Hansard*, saya sangat kecewa dengan pemenang Nobel Aung San Suu Kyi yang tidak langsung kedengaran memperjuangkan hak orang-orang Rohingya. Masa beliau berhadapan dengan rejim Junta tentera Burma seluruh dunia, memberi tekanan kepada Burma dan beliau telah dikenakan.....[*Tidak dapat menerus ucapan kerana sebak*]..... sekatan dan pemenjaraan di dalam rumah kerana memperjuangkan hak demokrasi rakyat Burma. [*Tepuk*] Seharusnya, beliau tidak perlu takut kerana seluruh dunia akan bersamanya sekiranya beliau membela Rohingya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** [Menangis] Maafkan saya.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Okey, Dewan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Kota Raja. [*Tepuk*]

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Oleh sebab penyelesaian isu Rohingya ini akan memakan masa yang panjang sebelum mereka dapat pulang ke

negara mereka maka Malaysia perlu mendokumentasikan mereka dan memberi peluang pekerjaan di Malaysia. Malaysia kini mempunyai dua juta PADI dan 1.9 juta PATI. Malaysia sepatutnya memberhentikan pengambilan tenaga kerja dari luar negara dan menggunakan tenaga kerja luar yang sudah ada di dalam negara kita. Kosnya akan menjadi lebih rendah dan kita dapat *insya-Allah* menyelesaikan masalah sosial yang disebabkan kebanjiran pendatang asing. Kita guna sumber yang ada di dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sudah pukul 1 Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Sudah, *last line*. Saya percaya, ada peranannya nanti untuk syarikat-syarikat pengrekutan kroni dan mereka masih boleh mencari rezeki dengan telus. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini dan saya mengharapkan kita dapat menyelamatkan pelarian Rohingya. Terima kasih.  
[Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

**1.01 tgh.**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Langat, kita sambung jam 2.30 petang. Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membuat jawapan pukul 2.30 petang tetapi saya bagi peluang untuk tiga lagi, 10 minit seorang ya. Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Batu Kawan. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab pukul 3.00 petang. Selama 10 minit ya setiap seorang. Ya, terima kasih. Kita sambung Mesyuarat kita jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**2.32 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya difahamkan oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua yang mempengerusikan persidangan tadi bahawa pada tengah hari ini kalau boleh perbahasan ini perlu ada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri pada jam 3.00 petang. Jadi ada tercatat tiga nama di sini yang perlu berhujah lagi oleh kerana banyak sudah diperkatakan mengenai dengan soal ini iaitu Yang Berhormat Kuala Langat. Selepas Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Setiu, selepas itu Yang Berhormat Batu Kawan. 10 minit, 10 minit, 10 minit seorang. Lepas itu Yang Berhormat Menteri bersedia untuk jawab. Sila.

**2.33 ptg.**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. 10 minit terlalu singkat untuk saya. Namun yang demikian, saya mengambil peluang ini untuk menyatakan terima kasih di atas dapat menyertai sebahagian daripada perbahasan tentang meminda Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini sudah lama diperkatakan di peringkat antarabangsa. Bila mana saya menghadiri majlis *conference* FTU di Berlin, isu ini menjadi isu igauan buruk pada delegasi pada waktu itu berserta juga dengan *conference* di Beijing Selatan-selatan yang memperkatakan juga tentang isu antipemerdagangan manusia ini.

Malah ia menjadi satu perbualan yang dimaklumkan di peringkat antarabangsa seperti mana dilaporkan oleh *The Star* pada 20 Jun 2014 dalam *Malaysia downgraded in United States's Annual Trafficking in Persons Report* yang memperjelaskan tentang kategori Malaysia ini sama dengan Zimbabwe, Korea Utara dan juga Saudi Arabia. Ini memberikan satu isyarat bahawa serangan yang kita kena di peringkat antarabangsa ini menguatkan lagi bila Washington DC melaporkan dengan izin *the report says this evidence of force labour and sex trafficking in Malaysia and Thailand*. Ini memberikan isyarat bahawa perkara ini serius dan bila mana Kementerian Dalam Negeri mencadangkan pindaan ini dilaksanakan, saya menganggap bahawa pindaan ini amat wajar dan perlu sekali dalam keadaan sekarang.

Maka yang demikian saya mengucapkan sekalung tahniah kepada kementerian kerana berani menyambut pengawal selia akta ini supaya keadilan itu dapat diberikan kepada keseluruhan mereka-mereka yang terlibat. Seperti mana yang umum tahu bahawa *trafficking*, perdagangan manusia ini memberikan kita beberapa perkara yang mampu kita huraikan. Mengapa perkara ini begitu lama berjalan hingga tidak dapat diatasi, dikawal selia oleh kerajaan yang penyebab utama perkara ini terpaksa diangkat untuk dipindah akta ini. Maka yang demikian atas sifat itu, saya melihat bahawa keperluan untuk kerajaan memfokus hukuman terhadap mereka yang mengambil pekerja-pekerja asing yang menyeludup masuk dengan menjadikan mereka hamba kepada pekerja dalam negara ini yang saya melalui pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kes-kes yang diambil oleh NTUC yang sebagai untuk membela nasib mereka ini tercatat beberapa kes yang masih ada di mahkamah atas sifatnya yang telah dianinya.

Maka yang demikian, saya mengambil peluang ini untuk menyatakan bahawa undang-undang yang berada di dalam negara ini dia berbeza-beza Tuan Yang di-Pertua. Satu Undang-undang Akta Kerja yang ada undang-undang yang membolehkan hak pekerja itu dipertahankan. Akan tetapi dalam masa yang sama undang-undang di pihak Imigresen ataupun di pihak Majistret, ianya berbeza dalam segi hukuman jatuh yang akan dikenakan kepada pekerja yang memerlukan pembelaan. Bila mana dinilai kepada prospek kes-kes yang berlaku seperti mana pada Januari 2015, kes *victim* Mr. Sivakalimaya Perumal dari India masuk ke Malaysia, bekerja sebagai tukang masak di restoran di Kuala Lumpur atas alasan pekerja ini tidak dibayar gaji dan tidak diberikan hak pekerjaan yang sebenar mengikut Akta Kerja. Dia terpaksa lari. Bila dia lari dan majikan memecat beliau.

Dengan keadaan demikian bila dipecat, Akta Perusahaan mengambil alih. Akta Perusahaan kata dua tahun dia kena tunggu tapi dalam visa kerja dia, dia terpaksa kena keluar daripada negara. Jadi bila kes itu diambil di kes Mahkamah Perusahaan ataupun Mahkamah Buruh, dia tidak dapat mempertahankan hak dia kerana dia tidak berada dalam negara. Maka sekiranya berlaku begitu, di mana hak dia sebagai seorang yang bekerja, masuk secara sah tetapi tidak diakui sahnya itu dan diangkat kes itu dan dia didapati tidak bersalah tapi tidak dapat dipertahankan hak dia itu atas sifat undang-undang yang berbeza-beza.

Jadi peluang ini saya ambil untuk menegaskan bahawa akta ini memberikan ruang lingkup yang luas kepada mereka sekurang-kurangnya ianya dapat membela nasib dia dan juga nasib keluarganya seperti mana yang saya maklum bahawa peranan-peranan yang dimainkan dalam NTUC menampakkan bahawa isu memperdagangkan manusia ini

terlalu melebar luas, terlalu serius dan kita dipandang jijik oleh negara-negara yang setaraf dan Korea Utara dan juga Arab Saudi. Ini dan juga Zimbabwe memberikan satu peranan utama kerajaan untuk memastikan bahawa hak mereka ini perlu diberikan sesama dengan pekerja tempatan.

Maka yang demikian, apabila pindaan yang dibuat, saya menampakkan dalam MAPO, Majlis Antipemerdagangan Orang ini, jawatankuasa-jawatankuasa yang ada memberikan isyarat bahawa ini juga perlu diambil kira daripada prospek lain organisasi yang berperanan untuk memastikan mereka ini dapat dibela keseluruhannya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Parlimen Kuala Langat. Saya ucapkan tahniah atas usaha-usaha yang telah dilakukan oleh MTUC dalam usaha untuk memastikan agar perkara-perkara berkaitan dengan antipemerdagangan orang ini dicegah sehingga ke akar umbi. Cuma saya tertarik dan adakah Yang Berhormat Kuala Langat bersetuju oleh kerana MTUC itu dibangkitkan dalam perbahasan di Dewan ini. Adakah boleh kita minta kerajaan di bawah kementerian untuk mempertimbangkan MTUC ini diserapkan sebagai salah satu daripada NGO ataupun pertubuhan di dalam Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO).

#### ■1440

Boleh atau tidak kita minta kementerian untuk kembangkan keanggotaan MAPO supaya jangan terikat kepada empat, lima pertubuhan NGO semata-mata malah dikembangkan lagi misalnya kepada ABIM dan sebagainya yang boleh mengambil satu tindakan yang proaktif dalam merangka pelan jangka panjang dalam memastikan perkara ini dapat diselesaikan.

Kedua Yang Berhormat Kuala Langat, sebut tadi masalah terlalu lama. Apakah Yang Berhormat Kuala Langat setuju untuk kita cadangkan kepada kerajaan supaya dalam majlis ataupun dalam peringkat Jawatankuasa yang mewakili kementerian agar ada wakil dari SPRM Suruhanjaya Pencegahan Rasuah kerana perkara ini juga saya yakin melibatkan satu sindiket ataupun rasuah yang menyebabkan perkara ini seolah-olah susah untuk dihalang. So, kalau kita boleh *push* ataupun desak supaya wakil SPRM itu masuk dalam jawatankuasa untuk memastikan agar perkara ini dihapuskan, maka

sewajarnya ini boleh menjadi satu induk kepada penyelesaian sehingga ke peringkat akar umbi. Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Katil Tuan Yang di-Pertua. Peranan yang dimainkan oleh MTUC daripada berkurun lamanya ini memberikan satu penyelesaian yang terbaik untuk mengenal pasti data-data dan juga maklumat yang boleh dikongsi bersama dengan Kementerian Dalam Negeri. Saya mencadangkan ianya dimasukkan bersama anggota ataupun NGO-NGO yang berperanan untuk memberikan maklumat yang membolehkan kementerian menjalankan tugas dengan lancar dan memastikan pemerdagangan manusia ini tidak berakhir dengan kegagalan.

Begitu juga dengan peranan SPRM yang perlu kerana tanpa sindiket ini Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak boleh berlaku. Saya yakin dan percaya bahawa perkara ini dibayangi atau dilindungi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab yang menjual manusia atas sikap untuk mencari untung, seperti yang dikatakan oleh P.Ramlee, jual manusia lebih untung daripada jual unta.

Jadi ini berlaku di negara kita sejak lama, Tan Sri P.Ramlee telah ingatkan kita sebelum ini. Apa pun Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu minit lagi, yang penting Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan terima kasih atas pindaan pembayaran apa-apa elaun tertakluk kepada kesediaan wang kepada orang-orang yang diperdagangkan seperti mana yang dibahaskan sebelum Yang Berhormat itu adalah satu langkah yang bijak kerana orang yang bertanggungjawab itu tidak akan muncul sebagai pendakwaan yang akan dilakukan. Akan tetapi yang kena mangsa itu perlu diberikan perhatian. Maka saya melihat bahawa rang undang-undang pindaan ini membolehkan mereka bekerja untuk mencari pendapatan sementara menunggu kes mereka itu didengar. Ini juga satu langkah yang bijak yang berperikemanusiaan yang berlaku sebelum ini dan ianya disahkan atas sifatnya untuk bekerja menyara hidupnya selagi kes itu belum didengar di mahkamah.

Maka demikian, sekalung tahniah kepada kementerian yang berani meminda atas kapasiti untuk bertanggungjawab dan menyekat penjualan manusia cara moden ini perlu dan wajib dihapuskan demi negara yang akan dilenyapkan apabila dibahaskan dalam peringkat antarabangsa untuk dihapuskan penjijikan sedemikian. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Setiu, 10 minit. Selepas Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Batu Kawan. Yang Berhormat Batu kawan ada? Selepas itu Yang Berhormat Kinabatangan. Lain kali beritahu mahu berhujah, jangan

apabila keputusan sudah dibuat baru hantar nota kepada saya. Akan tetapi tidak apa, saya akan bagi peluang. Lain kali jangan buat lagi. Begitu juga kepada ahli-ahli yang lain. Kita semua ini mesti kerja dengan serius, jangan lagi main-main. Ikut peraturan mesyuarat. Sila Yang Berhormat Setiu, 10 minit.

## 2.24 ptg

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk berbahas mengenai dengan pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeledupan Migrain 2007.

Sebelum saya meneruskan dengan perdebatan, saya ingin sedikit menyatakan dari segi kerana mungkin ramai yang mungkin belum faham sangat apa sebenarnya pemerdagangan orang ini. Definisinya kalau kita boleh lihat bahawa definisi adalah satu perbuatan yang melibatkan pemerolehan ataupun pengekalan tenaga kerja ataupun perkhidmatan seseorang melalui paksaan seperti merekrut, mengangkut, memindah, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang. Ini yang dikatakan.

Akan tetapi ini hanya kepada elemen aktiviti. Dia ada dua elemen lagi elemen penting iaitu cara dia termasuk aspek dari segi ancaman, dari segi paksaan itu sendiri, kekerasan, pelarian, memperdayakan, pemalsuan dokumen, penculikan, penipuan, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Dia ada pula tujuan, elemen lain ada lagi tujuan iaitu tujuan jenayah itu sendiri, iaitu eksploitasi dari segi seksualnya, perhambaan, pengabdian, pemindahan orang-orang dan juga perkhidmatan paksa.

Jadi apabila kita faham macam ini, dapat kita lihat skop pemerdagangan orang ini dan sebenarnya kalau kita lihat pemerdagangan orang ini adalah begitu lumayan benda ini berlaku di seluruh dunia, begitu lumayan pendapatan. Kalau di US itu sendiri, pendapatannya sehingga USD3 bilion. Bermakna mereka menjadikan ini sebagai satu sumber pendapatan. Juga, kenapa berlaku di Malaysia benda-benda macam ini? Adalah kerana melihat kepada perkembangan ekonomi kita sebenarnya dan juga dari segi kemakmuran negara kita. Jadi ini menarik minat untuk mereka datang kerana mereka yang datang ini sebenarnya mereka yang hidup dalam kemiskinan. Terutama wanita dan juga kanak-kanak.

Sebenarnya jenayah pemerdagangan orang ini merupakan suatu senario yang agak serius yang melanda dunia kita secara global. Ini menunjukkan bahawa dunia sedang berhadapan dengan konflik pemerdagangan orang atau manusia pada tahap yang agak membimbangkan dan memerlukan keprihatinan daripada semua pihak. Jenayah ini juga merupakan satu penganiayaan terhadap hak asasi manusia. Jadi

berkenaan dengan hak asasi manusia, elok benarlah sebenarnya pindaan ini kalau kita lihat kepada fasal 11, ia memasukkan seksyen baru 51A ke dalam Akta 670 yang memberi kuasa kepada majlis untuk memberi kebenaran untuk bergerak bebas dan untuk bekerja. Jadi maknanya kalau dahulu diletak apabila diperintah oleh mahkamah diberi satu perintah perlindungan diletakkan di rumah perlindungan, yang agak sempit, mereka hanya bebas bergerak di dalam kawasan rumah itu sendiri, tidak boleh keluar dari kawasan. Saya rasa menyekat kebebasan asasi.

Jadi saya boleh dikatakan bahawa ini adalah satu penambahbaikan pada akta yang sedia ada dan saya minta semua kita yang berada di sini menyokong. Janganlah kita hanya menyokong kepada sesetengah hak asasi seperti yang dibuat oleh pihak COMANGO di mana ada 54 NGO yang telah membawa tuntutan ke peringkat antarabangsa hanya lebih kepada menutup untuk aktiviti melakukan perkara seks songsang dan sebagainya. Ini yang kita perlu nyatakan.

Saya difahamkan bahawa 54 NGO ini yang memperjuangkan perkara tersebut sebenarnya didalangi oleh segolongan dikatakan daripada ahli politik sendiri. Saya tidak tahu, daripada pihak mana saya tidak tahu. Akan tetapi faham-fahamlah. Saya tidak kata ya. Saya sebut ada juga. Maknanya dilindungi, didalangi dan sebagainya. Jadi selepas ini cukup-cukuplah, stoplah ya.

#### ■1450

Dari segi yang saya beritahu fasal perkembangan ekonomi ini, jadi saya mintalah juga pihak kita ini janganlah maknanya kita keluar negara bagi tahu bahawa negara kita teruk, ekonominya meleset, tak ada kemakmuran, huru-hara dan sebagainya. Jadi kita kena bagi tahu bahawa negara kita aman dan sebab itulah yang menarik minat untuk...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Lebih ramai Rohingya datang.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini masalah antipemerdagangan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Setiu, celah sedikit. Ini bukankah satu kontradiksi? You suruh kita pergi sebut merata tempat negara kita aman makmur, ini kita akan tarik lebih ramai lagi pendatang asing ke sini. Apa pandangan Yang Berhormat Setiu? Yang Berhormat Setiu, kalau kita keluar negara kita kritik negara kita disebut tidak patriotik tapi sekarang ini kalau kita pergi merata tempat kata negara kita aman, makmur, kita memberi layanan yang mengikut *humanitarian*, lebih ramai lagilah datang ke sini. Yang Berhormat Setiu setuju tidak?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau warga asing datang ke Malaysia sekali pun, apa masalah? Takkan kita hendak menceritakan negara kita tidak

makmur dan sebagainya? Apa salahnya kalau mereka datang? Apa yang *contradictnya*? Apa yang bertentangannya? Sekarang ini isunya ialah pemerdagangan orang, pemerdagangan manusia, tidak termasuk warga asing yang datang secara tidak sah dan sebagainya.

Yang saya hendak katakan ini, kalau berlaku di Malaysia pemerdagangan orang dan sebagainya, makna kita boleh ambil tindakan dan ini sebenarnya bertepatan dengan akta yang ada. Saya lebih kepada fasal 11 tadi hendak katakan bahawa selama ini mereka ditahan agak terhad di rumah perlindungan. Sekarang bila mahkamah sudah bagi perintah, tidak kira berapa ramai hendak datang pun, kalau itu yang berlaku, jenayah berlaku di negara kita, kita kena ambil tindakan seperti mana pindaan. Itu yang saya cuba nyatakan.

Saya juga hendak sebut sedikit fasal 16. Di fasal 16 ini juga memperkenalkan satu seksyen baru 66A dan juga 66B untuk membolehkan mahkamah mengeluarkan perintah pembayaran pampasan. Jadi kalau sebelum ini, tidak ada perintah tersebut dibuat. Sekarang ini sudah boleh dibuat perintah pampasan seperti gaji yang tidak dibayar ataupun pampasan dari segi kecederaan dan sebagainya, boleh dibayar di bawah fasal 16 tadi. Maknanya bukan setakat perintah sahaja dibuat, ia juga tertakluk kepada-maknanya mahkamah boleh dalam mensabitkan seorang penjenayah tadi, perintah bayaran itu kalau tidak dibayar, boleh buat perintah pemenjaraan pula. Boleh dipenjarakan. Maknanya sampai ke peringkat, kalau kita lihat bawah seksyen 426 dan juga 432 itu menyatakan semualah macam mana kenakan levi dan sebagainya.

Jadi dalam perkara ini saya menyokong pindaan yang dibuat pada hari ini. Jadi saya minta semua pihak juga menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Batu Kawan.

## 2.54 ptg.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu isu yang memerlukan komitmen negara ini secara menyeluruh, serius dan pada masa yang begitu kritikal sekali iaitu isu pemerdagangan orang dan anti penyeludupan migran.

Tuan Yang di-Pertua, migran yang diseludup ertiinya seseorang yang menjadi objek perbuatan penyeludupan migran tidak kira sama ada orang itu turut serta dalam perbuatan penyeludupan migran itu. Orang yang diperdagangkan pula bererti mana-mana orang yang menjadi mangsa atau objek perbuatan pemerdagangan orang.

Tuan Yang di-Pertua, isu penyeludupan dan pemerdagangan orang bukan satu isu yang baru di Malaysia dan di rantau Asia Tenggara. Saya pasti Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri serta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri arif mengenai sindiket *trade manusia* di rantau ini dan Malaysia kerana lokasi geografinya, peronda laut dan maritim yang poros serta kawalan keselamatan yang longgar bukan sahaja telah mengakibatkan ramai dengan izin, *migrant workers* menyelinap masuk malah mangsa pelarian dari negara jiran juga memasuki negara ini secara legal atau *illegal* dengan izin, untuk perlindungan dan kehidupan yang lebih baik terutama sekali hakikat bahawa Malaysia sebuah negara Islam dan pelarian Rohingya semuanya beragama Islam.

Walaupun negara Malaysia sebagai anggota ASEAN dan pelbagai organisasi G2G dan telah pun menghadiri pelbagai persidangan dan forum antarabangsa untuk melawan sindiket penyeludupan dan pemerdagangan, namun negara ini telah jatuh dari *tier 2* ke *tier 3* ranking terendah dalam *Trafficking in Persons Report* dengan izin, pada bulan Jun 2014 bersama-sama dengan Thailand, Gambia dan Venezuela. Laporan ini menunjukkan ketidaksungguhan negara ini untuk mengakui wujudnya satu masalah yang besar reformasi dalam menangani pemerdagangan manusia, pencegahan, perlindungan dan pendakwaan.

Saya ingin baca Tuan Yang di-Pertua, *report* dari TIP ini dengan izin. “*The TIP report said that Malaysia had made inadequate efforts to improve its flawed victim-protection regime and had investigated fewer trafficking cases in 2013 than in 2012. The Malaysian downgrade had been largely expected. Tier 2 countries do not fully comply, but are making significant efforts to do so. Tier 3 countries do not fully comply with the minimum standards and have not shown the US they are making significant efforts to do so.*”

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita berada di *tier 3* yang menunjukkan dengan izin, *we do not fully comply with the minimum standards*. Jadi ini merupakan suatu yang tidak boleh diberikan jawapan bahawa kami akan mengkaji, kami akan memantau dan kami akan menyelidik.

Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, justifikasi oleh Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia di atas sebab mengapa Malaysia telah jatuh dari *tier 2* ke *tier 3* dalam *Trafficking in Persons Report*. Saya pasti semua rakyat Malaysia juga berhak untuk mengetahui *despite* dengan izin, semua usaha untuk meningkatkan prestasi kita masih telah jatuh satu *level* ke bawah.

Selain daripada itu, saya ingin juga memohon agar *Council of Anti-Trafficking in Persons* (MAPO) untuk menyediakan laporan tahunan supaya ia dapat dibentangkan di Parlimen setiap tahun agar situasi sebenar serta semua kekangan diketahui oleh semua dengan izin, *lawmakers* di Dewan yang mulia ini agar akta ini dapat diperhalusi lagi.

Sebagai anggota negara ASEAN, Malaysia mesti menuntut...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Batu Kawan, boleh dapatkan penjelasan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Batu Kawan. Satu daripada ramai pendatang asing yang berada di Malaysia menjadi *vulnerable* dengan izin untuk diperdagangkan kerana mereka tidak ada dokumen sah. Daripada pengalaman, didapati susah sangat untuk menghubungi Menteri Dalam Negeri ataupun untuk mendapatkan dokumen sah kepada pekerja-pekerja ini hingga ramai tidak ada dokumen dan kalau diperdagangkan, dikurung ataupun diseksa, mereka takut hendak melaporkan kepada autoriti berkenaan. Jadi adakah Yang Berhormat Batu Kawan setuju bahawa kita perlu memperkemaskan ataupun memastikan proses memberikan dokumen-dokumen sah ini dapat dilakukan dengan lebih cekap?

Juga, kalau dokumen-dokumen pekerja ini diberikan, kerajaan pun boleh mendapat levi yang lebih tinggi daripada semua, lebih kurang dua juta orang yang tidak ada dokumen di Malaysia. Juga, ada baiknya juga untuk pekerja Malaysia kerana kalau mereka membayar levi, maknanya kos mendapat pekerja asing itu pun meningkat dan majikan akan memberikan gaji yang lebih tinggi kepada pekerja-pekerja Malaysia kerana pada masa sekarang, tanpa permit ataupun levi ataupun mereka yang memiliki dokumen sah, tidak ada levi dikenakan, majikan-majikan boleh mendapat pekerja asing yang lebih murah. Adakah Yang Berhormat Batu Kawan bersetuju bahawa ini perlu diperbaiki?

#### ■1500

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Ya Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, saya setuju dengan pandangan sahabat saya dari Beruas. Pada akhir, *bottom line*, dengan izin adalah perlu satu kolaborasi di antara UNHCR dan agensi-agensi kerajaan yang bersangkut paut dalam isu pengambilan tenaga kerja dari negara lain terutama sekali warga asing dan juga dalam isu penyeludupan dan pemerdagangan manusia.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya sambung lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Batu Kawan, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Ya, okey.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Tadi Yang Berhormat telah rujuk kepada negara kita berada di *third tier*. Saya hendak minta pendapat Yang Berhormat di mana kita telah mewujudkan satu Pelan Tindakan Nasional 2010 hingga 2015 yang telah dirumuskan sebagai menunjukkan komitmen dan aspirasi negara dalam memerangi jenayah pemerdagangan orang. Ia telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin semasa beliau menjadi Menteri Dalam Negeri pada 31 Mac 2010.

Pelan tindakan ini menggariskan hala tuju dan pendekatan yang akan diambil oleh Malaysia bagi tempoh lima tahun bermula 2010 hingga 2015 dalam usaha kerajaan negeri untuk menangani jenayah pemerdagangan orang ini. Visinya adalah *1Malaysia, Collectively Committed to Combating Trafficking in Persons*. Pelan ini ada gariskan sembilan program dan sembilan pencapaian strategik. Saya ingin minta kementerian melalui Yang Berhormat, apakah status dan apakah keberkesanan visi yang telah diwujudkan, Pelan Tindakan Nasional ini. Terima kasih.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya rasa Pelan Tindakan Nasional ini mungkin tidak tahu siapa dari kementerian dah menarik *hand brake* nya mungkin sebab kalau telah dilancarkan dalam tahun 2010 dan laporan TIP yang keluar 2014 menunjukkan bahawa Malaysia telah jatuh *1 tier* dari *tier 2* ke *tier 3*. Nampaknya tinggal satu tahun lagi sahaja untuk pelan tindakan ini berfungsi. *It doesn't make sense* Tuan Yang di-Pertua, *if for five years period you have this pelan tindakan that you want to implement to ensure, there is no human trafficking and it is 4 tier. We have dropped 1 tier. It shows that pelan tindakan has failed and I'm sure everyone agrees here with me*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Sebagai anggota negara ASEAN, Malaysia mesti menuntut dengan tegas terhadap Kerajaan Myanmar untuk mengakhiri polisi serta layanan yang mendiskriminasi warga Rohingya untuk mengiktiraf hak mutlak mereka sebagai manusia yang lahir di tanah Myanmar untuk memberi komitmen bahawa warga Rohingya dapat kembali selamat ke negara mereka dengan bermaruah dengan izin, *with full dignity back to their homes*.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pindaan kepada beberapa fasal serta kemasukan seksyen baru dalam akta ini. Di bawah Bahagian V, Jagaan dan Perlindungan Orang Yang Diperdagangkan, seksyen 41A menyatakan bahawa bahagian ini tidak terpakai bagi migran yang diseludup melainkan jika migran yang diseludup itu ialah

seorang yang diperdagangkan atau dalam bahasa Inggeris dengan izin, *this part shall not apply to a smuggle migrant unless such smuggle migrant is a traffic person.*

Tuan Yang di-Pertua, mungkin pegawai yang menyediakan akta ini tidak mempunyai pemikiran jauh atau dengan izin telah *overlook* satu perkara yang amat penting di sini. Penjelasan akta ini adalah sekiranya seseorang migran kanak-kanak, wanita atau lelaki telah diseludup oleh seseorang atau sebahagian daripada sindiket tetapi belum diperdagangkan maka mereka tidak akan diberi jaminan perlindungan oleh kerajaan ini. Jadi mereka boleh diseludup atau dibawa keluar dari negara asal, negara masing-masing menempuh perjalanan air atau udara yang amat berisiko dan sekiranya mendarat di Malaysia, berjaya diseludup masuk merentasi pengawalan dan *security* negara ini oleh seseorang atau mana-mana sindiket yang jelas terlepas daripada pandangan maritim laut.

Jadi selepas mereka diseludup tanpa perlindungan oleh kerajaan ini, mereka boleh diperdagangkan. Mangsa ini akan dibawa ke satu tempat dengan alasan peluang pekerjaan yang lebih baik dan satu kehidupan yang lebih baik. Maka mereka akan dipergunakan dan dieksloitasi dalam bentuk tenaga kerja yang ekstrem serta keadaan kehidupan yang begitu teruk tanpa apa-apa campur tangan atau dengan izin *intervention* oleh mana-mana pihak. Mana-mana migran penyeludupan sama ada lelaki, wanita dan kanak-kanak yang masih belum lagi dikategorikan sebagai migran yang diperdagangkan, kemungkinan besar Tuan Yang di-Pertua akan diperdagangkan juga. Maka sehingga migran penyeludupan dianugerahkan status migran pemerdagangan, sampai itulah mereka akan dilihat sebagai satu komoditi untuk dimanipulasikan. Dengan izin, *if a smuggle person is not given protection and judicial rights by the establishment, then eventually he or she will end up being a traffic person.*

Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan pada masa ini akan terhegeh-hegeh untuk memberi perlindungan kepada mangsa ini, dengan izin *when it's already too late*. Ianya mungkin terlalu lambat atau dalam banyak kes di antara hidup dan mati. Migran yang diseludup tanpa perlindungan akan dengan kepastian menjadi migran pemerdagangan tanpa perlindungan dari kerajaan. Satu kerajaan yang tidak melakukan apa-apa sehingga manusia diperdagangkan seolah-olah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam gejala pemerdagangan yang semakin membara di negara ini.

Dewan ini tidak boleh mengangguk kepala mengiakan apa yang salah dari segi tanggungjawab moral dan keprihatinan. Jadi saya mohon agar seksyen 41A dipinda supaya perlindungan diberikan kepada semua migran yang diseludup masuk tidak kira

mereka ini dari Palestin, Iraq, Somalia, Nigeria, Afghanistan, Pakistan, Sri Lanka, Rohingya dan migran dari negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 44(2) menyatakan bahawa majistret hendaklah membuat perintah perlindungan interim bagi orang yang ditempatkan di tempat perlindungan selama tempoh empat belas hari bagi maksud menjalankan penyiasatan dan siasatan di bawah seksyen 41. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah akan berlaku selepas *amendment* dari empat belas hari ke dua puluh satu hari. Apa akan berlaku selepas dua puluh satu hari? Adakah migran itu akan dilepaskan semula? Ke mana?

Siapa akan datang untuk mengambil mereka, menjemput mereka dan mereka akan diletakkan di bawah penjagaan siapa? Ini soalan yang begitu penting sebab kalau kita tidak ada jawapan di Dewan yang mulia ini, maka mereka dapat diperdagangkan semula, *they back on the market again* Tuan Yang di-Pertua. Adakah ianya akan diberikan tempoh lanjutan? Ke mana mereka akan dihantar? Adakah mereka akan dibiarkan kembali terdedah untuk dicekup semula oleh sindiket perdagangan tempatan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa perhatian kepada sub fasal 10B bertujuan untuk meminda subseksyen 51(1)(3)(a)(i) Akta 670 untuk memendekkan tempoh perintah perlindungan dari tempoh maksimum dua tahun kepada tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua, apa akan berlaku selepas tiga bulan itu? Mengapa tempoh tersebut telah dibawa dari dua tahun ke tiga bulan? *At the end of the day* Tuan Yang di-Pertua, mereka ini akan terdedah semula kepada sindiket pemerdagangan. Apakah jaminan oleh kami rakyat Malaysia, pembayar cukai bahawa pegawai-pegawai yang menyelaras atau membantu dalam kes ini tidak akan memberitahu kepada sindiket pemerdagangan bahawa seseorang ini, wanita ini sudah tamat tempoh perlindungannya tiga bulan, jadi beliau telah *she's not under the care of the government already* Tuan Yang di-Pertua dengan izin.

Kebenaran bagi orang yang diperdagangkan untuk bergerak bebas dan untuk bekerja. Kemasukan akta baru ini saya pasti semua Ahli Parlimen di sini bersetuju kerana ia memberi kebebasan untuk bekerja dan hak untuk menjaga diri sendiri, dengan izin *with the bit of income that they can earn* Tuan Yang di-Pertua. Saya baca di sini, tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 66, mana-mana orang yang kepadanya perintah perlindungan interim telah diberi atau mana-mana orang yang diperdagangkan yang kepadanya perintah perlindungan telah diberi boleh diberikan kebenaran oleh majlis; (a) untuk bergerak bebas atau (b) untuk diambil bekerja, bertugas atau berkontrak dengan untuk menjalankan kerja dalam apa-apa pekerjaan semasa

tempoh perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan mengikut mana-mana yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, ayat tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 66, mana-mana orang yang kepadanya perintah perlindungan interim telah diberi atau mana-mana orang yang diperdagangkan yang kepadanya perintah perlindungan yang telah diberi boleh diberikan kebenaran. So, dengan izin *the phrase* ‘boleh diberi kebenaran’. Saya mohon kalau ianya boleh ditukar kepada ‘hendaklah diberi kebenaran’ sebab Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, tafsiran boleh diberikan kebenaran dan hendaklah diberikan kebenaran amat jauh berbeza sekali. Sekiranya seorang migran yang diseludup dan diperdagangkan dan didapati oleh mahkamah telah diperdagangkan diletakkan di bawah penjagaan kerajaan, maka mereka hendaklah diberikan kebenaran oleh majlis.

#### ■1510

Jadi, kalau macam itu, hak mereka untuk bekerja tidak akan dirampas oleh mana-mana pihak tertentu. Tuan Yang di-Pertua, saya ada juga beberapa soalan berhubung dengan pindaan akta ini. Apakah bilangan perintah perlindungan yang telah diberikan di bawah seksyen 51 setakat ini? Bilangan serta lokasi tempat perlindungan orang diperdagangkan serta kem-kem tahanan pelarian di Malaysia. Apakah status, dengan izin, *project security fencing* sepanjang 2,666 kilometer serta kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, implikasi kewangan. Saya bersama semua Ahli Parlimen di sini mohon kepada Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri, agar mengagihkan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk menangani masalah ini secara serius dan realistik. Mungkin pemotongan dari RM19 bilion peruntukan Jabatan Perdana Menteri dapat membantu dalam kes ini. Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pengerusi ASEAN *Intergovernmental Commission of Human Rights* (AICHR), kami di sini bersama semua rakyat Malaysia menunggu-nunggu kata putus oleh Tan Sri Shafie Abdullah merangkap Pengerusi untuk AICHR.

Setakat ini tiada apa-apa komen daripada beliau lagi. Dalam jawapan Menteri Tuan Yang di-Pertua pada 16 Mac untuk menyatakan sebab mengapa Kerajaan Malaysia belum lagi menandatangani Perjanjian Konvensyen Geneva Berkaitan Dengan Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Memandangkan Malaysia kini mempunyai beratus ribu pendatang asing tanpa izin.

Jawapan yang saya terima amat mendukacitakan Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang diterima yang diberikan oleh Menteri Luar Negeri, sehingga kini Malaysia bukan

merupakan dan tidak berhasrat untuk menjadi negara pihak, dengan izin, *state party* kepada Konvensyen Berkaitan Status Orang-orang Pelarian 1951 dan Protokol 1967, dengan izin, *Convention Relating to a Status to Refugees 1951 and Protocol 1967*. Namun, perlu saya jelaskan bahawa sebelum Malaysia menyertai mana-mana instrumen antarabangsa, khususnya Konvensyen Berkaitan Status Orang-orang Pelarian 1951 dan Protokol 1967.

Malaysia perlu mengkaji secara mendalam kesan dan implikasi penyertaannya dari segi ancaman keselamatan, peningkatan gejala sosial serta aspek beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan. Sehubungan ini, persediaan menyeluruh perlu dilaksanakan dengan teliti oleh Kerajaan Malaysia sebelum sesuatu keputusan dimuktamadkan. Dalam usaha Malaysia menyertai sesebuah instrumen antarabangsa termasuklah sama ada instrumen antarabangsa berkenaan dapat dilaksanakan melalui rangka perundangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapan semua ada di sini. Jika jawapan yang diberikan oleh Menteri Luar Negeri bahawa kerajaan ini perlu mengkaji dan meneliti, tengok daripada aspek ini, instrumen antarabangsa macam-macam. Jadi, sudah tiba masanya Kerajaan Malaysia, dengan izin, *put its foot down and make a statement, a bold statement*. Memandangkan Malaysia sering kali dilihat sebagai model sebuah negara majmuk, sebuah negara yang harmoni, sebuah negara yang dilihat sebagai progresif. Jadi, adalah tanggungjawab kerajaan ini, pemimpin di negara ini untuk meletakkan Malaysia sebagai model sebuah negara yang berprihatin, berperikemanusiaan, dengan izin, *a humanitarian nation*. Apabila kita melihat isu yang membekalkan Malaysia beberapa hari yang lepas, isu pelarian, beribu-ribu pelarian dari Rohingya.

Tuan Yang di-Pertua, tiada gunanya kita berdebat sekiranya kementerian dan Kerajaan Malaysia, dengan izin, tiada *political will* untuk mengambil langkah progresif dan bukannya regresif. Maka, kita terpaksa menghadapi mayat-mayat pelarian yang bergelimpangan di tanah kita dalam beberapa hari yang akan datang ini. Sudah tiba masanya juga Kerajaan Malaysia *walk the talk*, dengan izin. Kajilah secara mendalam semua implikasi dalam menandatangani Perjanjian Konvensyen Geneva berkaitan dengan status pelarian. Akan tetapi setiap hari yang berlanjutan bersamaan dengan seorang yang akan meninggal dunia dalam bot pelarian Rohingya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sejak hari Isnin tiga hari lepas, saya mengikuti siaran Berita BBC. Saya mendapati setiap hari dalam laporan berita BBC itu wartawan akan mengatakan hari ini pemimpin dari Malaysia, Indonesia dan Thailand akan bermesyuarat untuk mendapat kata putus mengenai isu Rohingya ini. Hari Isnin saya dengar berita

yang sama, hari Selasa saya dengar berita yang sama, pagi ini juga saya mendengar hari ini pemimpin Malaysia bersama dengan pemimpin Indonesia, Thailand akan bermesyuarat.

Sudah tiga hari Tuan Yang di-Pertua, Parlimen ini belum dapat apa-apa kata putus daripada mesyuarat itu. Jadi, saya mohon apa-apa keputusan yang diambil oleh pemimpin negara yang mewakili Malaysia ke mesyuarat ini dibawa dan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar semua *findings* dan semua soalan yang telah saya tujukan kepada Kerajaan Malaysia, terutama sekali kepada Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Menteri Dalam Negeri akan dibentangkan di Parlimen di Dewan yang mulia ini untuk dibahaskan atau diberikan pendapat. Malaysia mesti membuktikan bahawa pendekatan yang diambil oleh negara ini dapat dicontohi oleh negara-negara lain di rantau ini dan di peringkat antarabangsa. Dengan izin, *we want closure and we want it now*. Tuan Yang di-Pertua, *if we don't want to have blood on our hands, we must act now*. Dengan ini saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

### 3.16 ptg.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahas Akta Antipemerdagangan Orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas Yang Berhormat Kinabatangan, Menteri bersedia untuk menjawab.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, bersedia Menteri. Tuan Yang di-Pertua, isu ini sudah berlarutan berpuluhan-puluhan tahun dan isu pemerdagangan manusia ini berterusan. Memang benar Malaysia pada satu ketika di tier dua, sekarang jatuh dikategorikan dengan negara Thailand, dengan negara-negara yang kalau kita sebut, terlalu janggal, Gambia yang suka menyeludup. Apa yang peliknya, Malaysia ini sebetulnya sebuah rakyat, negara yang amat harmoni, yang dedikasi tetapi tiba-tiba jadi pusat perdagangan manusia. Apa sudah jadi Tuan Yang di-Pertua? Di mana silapnya? Apakah akta yang ada ini boleh mencakupi masalah yang kita hadapi? Memang saya setuju bahawa perlu ada pindaan. Akan tetapi apakah akta ini memberi jaminan bahawa lima tahun, 10 tahun akan datang tidak akan ada lagi perdagangan manusia di negara kita ini?

Atau Malaysia tidak lagi menjadi sebagai negara transit untuk mengeksport manusia-manusia yang diperdagangkan. Ini kerja zaman batu Tuan Yang di-Pertua. Ini

perdagangan zaman dahulu-dahulu, dahulukala, beribu-ribu tahun dahulu. Kenapa sehingga hari ini masih wujud manusia yang sanggup memperdagangkan manusia sendiri? Di mana akta undang-undang kita? Di mana *enforcement* kita? Di mana letaknya hukuman-hukuman yang setimpal dengan mereka yang suka memperdagangkan manusia ini? Kalau mereka orang Islam, orang yang suka memperdagangkan manusia ini tidak akan diterima oleh syurga Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab dia memperdagangkan manusia, darah daging dia, dia perdagangkan.

Semalam saya menengok laporan CNN Tuan Yang di-Pertua, bagaimana dia menceritakan soal negara kita Malaysia. Pada satu ketika dia kata Malaysia ini apabila ada berlaku krisis di Palestin, di mana-mana negara, Malaysia tiba-tiba menjadi hero, menjadi *rescue*, pembantu. Mungkin dia kata ini semata-mata untuk mendapat publisiti. Akan tetapi apabila berlaku pelarian Rohingya datang, kita seolah-olah sudah hilang hala tuju, hilang akal untuk membuat keputusan.

Saya setuju dengan rakan saya Yang Berhormat Batu Kawan. Saya tidak pernah bersetuju dengan dia tetapi dalam isu ini saya bersetuju. *[Tepuk]* Bahawa kita telah tidak dapat menentukan, meletakkan Malaysia ini sebagai sebuah negara yang mencerminkan sebuah negara yang betul-betul ada kedamaian, ketenteraman. Saya pun tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, di mana hilangnya integriti kita dalam menangani isu seumpama ini.

Saya harap kementerian ada sumber-sumber yang boleh membantu kita iaitu apakah kita membiarkan pelarian ini?

## ■1520

Oleh sebab mereka ini, saya nampak mereka, apabila di kapal mereka nampak daratan, mereka terjun Tuan Yang di-Pertua, mereka berenang untuk sampai ke daratan. Ada yang tidak sampai, ada yang mati ditelan oleh ombak. Akan tetapi mereka orang “desperado” Tuan Yang di-Pertua, mati hidup mereka tidak peduli. Akan tetapi kita menganggap ia sebagai perilaku yang tidak baik. Akan tetapi pada saya, sudah tiba masanya, Malaysia selaku Pengerusi ASEAN ini bertindak dengan lebih tegas Tuan Yang di-Pertua. Ini negara yang dikenali oleh pelancong-pelancong, negara di mana rakyatnya begitu prihatin, harmoni. Apabila ada berlaku apa-apa, kita wujudkan tabung sana, tabung sini, kutip wang sana, kutip wang sini. Akan tetapi isu-isu tertentu, kita tidak boleh tentukan hala tuju masa depan negara kita.

Pada saya, saya sangat kecewa lah Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu di mana letaknya kesilapan demi kesilapan yang berlaku di negara kita. Soal penyeludupan manusia ini, kenapa negara Malaysia menjadi transit negara penyeludupan yang terkenal di seluruh dunia? Siapa tidak kenal dengan Malaysia sebagai negara yang menyeludup

orang. Yang suka menyeludup ini, mereka itu, contohnya ladang-ladang di Kinabatangan, Tuan Yang di-Pertua. Mereka mempunyai keluasan ladang beribu-ribu, 30 ribu, 50 ribu hektar ladang. Mereka memohon untuk pekerja ladang lebih kurang 50% daripada keperluan. Selebihnya, mereka seludup. Itu yang saya kata saya tidak menuduh. Penguat kuasa kita terbabit. Akan tetapi nampaknya memang terlibat. Kalau tidak terlibat, tidak berlaku begini. Negara sudah rugi. Levi tidak berbayar. Pekerja ini diseksa seperti hamba abdi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau pihak polis memeriksa di ladang-ladang, yang dibayar levi ada di situ, yang tidak ada, lesap. Akan tetapi tidak ada tindakan. NATO juga Tuan Yang di-Pertua. NATO itu, Tuan Yang di-Pertua tahu NATO kan?

**Seorang Ahli:** Macam Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Macam Yang Berhormat Shah Alam, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang saya tahu Yang Berhormat, jenis kayu nyatuh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu, saya tidak tahu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi, kita tidak mahu negara kita menjadi negara NATO, Tuan Yang di-Pertua. Tak ada tindakan, *talk only*. ‘*No action, talk only*’.

**Seorang Ahli:** Macam Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Macam Yang Berhormat Shah Alam, Tuan Yang di-Pertua. Inilah! *[Ketawa]* Saya buat rujukan sebab Yang Berhormat Shah Alam ini memang NATO Tuan Yang di-Pertua. Memang *confirm*, sebab di *confirm* kan oleh Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Lenggong sedikit, di belakang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan, saya rasa negara kita bukan bercakap sahaja. Isu Rohingya sekarang ini, hasil daripada kerjasama rundingan yang kita buat. Hari ini, keputusan telah dibuat sebagaimana diumumkan oleh Menteri bahawa Malaysia, Indonesia dan mungkin Thailand akan mengambil...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tak, kita telah mengeluarkan kenyataan bahawa kita akan mengambil tindakan jangka pendek selama setahun menempatkan mereka di penempatan sementara. Ini menunjukkan bahawa kita mengambil tindakan daripada apa yang kita sebut. Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Kinabatangan. Betul apa yang disebut oleh Yang Berhormat Lenggong tadi, mengatakan bahawa Malaysia dan Indonesia telah pun membuat satu kenyataan bahawa akan menyediakan penempatan sementara untuk tempoh satu tahun. Itu kepada mereka yang datang ini, kepada pendatang yang sedang berada di laut.

Persoalannya tadi yang saya lihat apa disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan, saya bersetuju ialah ketegasan kita sebagai Pengerusi ASEAN terhadap Myanmar. Ketegasan kita, maknanya tegas, kemudian mesti berani macam Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk][Dewan riuh]* Boleh ugut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak letak jawatan untuk *reform* Parlimen, akhirnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Berani Tuan Yang di-Pertua ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan mesyuarat tidak membenarkan melibatkan nama Yang di-Pertua Speaker waktu berbahas.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]* Tidak. Itu satu kenyataan. Satu kenyataan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Khusus kepada perbahasan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya menyatakan contoh keberanian seorang pendekar. Ini yang kita mahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat Pokok Sena. Sudahlah itu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau macam Tuan Yang di-Pertua jadi Pengerusi ASEAN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya fikir sudah tentu Myanmar tak berani untuk melakukan tindakan terhadap... Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sedikit lagi, Lenggong sedikit. Saya sebut tadi itu jangka...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan, masa sepuluh minit. Kalau Yang Berhormat Kinabatangan beri lagi laluan macam begini, sudah jadi berapa minit?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebut tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila habiskan Yang Berhormat Lenggong. Selepas itu, respons. Selepas itu, gulung. Supaya Menteri saya boleh panggil untuk gulung perbahasan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tadi saya sebut tadi, tindakan jangka pendek. Itu bukti. Tindakan jangka panjang memang dibuat. Isu sekarang ini, kadang-kadang keberanian kita pun diambil kesempatan. Yang rakan-rakan sebelah sini, tak berani. Hendak bentuk Kabinet bayangan pun tidak boleh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kita setuju untuk *reform* Parlimen seperti mana yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Pokok Sena, duduk. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua sendiri mengakui bahawa Parlimen jadi *rubber-stamp*...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hendak bentuk Kabinet bayangan pun tak boleh, hendak bercakap.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Oleh sebab itu kita bersetuju untuk bentuk... *[Disampuk]* Reform Parlimen.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kabinet bayangan pun tak boleh bentuk, sudahlah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, saya mahu bercakap Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pokok Sena, saya tidak mengaku bahawa Parlimen *rubber-stamp*. Saya mengatakan persepsi masyarakat di luar sana. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** 36(12) Yang Berhormat, mengelirukan Dewan, Peraturan Mesyuarat 36(12). Tidak perlu dibicarakan mana-mana. Saya yang buat kenyataan itu. Awas.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Oleh sebab itu maknanya Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa perlu kepada *reform*... Hendak menghilangkan persepsi bahawa Parlimen itu *rubber-stamp*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat. Tidak lagi ada respons. Tidak lagi diambil kira Yang Berhormat Pokok Sena.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kenyataan Yang Berhormat Lenggong memang betul. Iaitu memang kerajaan telah mengambil langkah jangka pendek, iaitu memberi kebenaran untuk membuat rumah transit. Itu sudah betul. Yang Berhormat Pokok Sena pun memang ada kebenaran juga iaitu seharusnya Malaysia bertindak tegas dan berani. Itu betul. Saya mahu memperbetulkan Yang Berhormat Pokok Sena. Tuan Yang di-Pertua tidak pernah mengugut. Apa yang dia katakan adalah yang benar. *[Tepuk]* Itu sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Masa tetap...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Penjelasan, jadi *rubber-stamp* itu benar lah?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Masa tetap 10 minit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Adakah itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan? *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam. Saya mengikuti temu ramah Tuan Yang di-Pertua, dia tidak pernah menyatakan bahawa Parlimen ini *rubber-stamp*. Yang ada, dia kata persepsi. Ini Yang Berhormat Shah Alam ini NATO juga, Tuan Yang di-Pertua. Jadi itu yang benar. Apabila...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Persepsi ada sebabnya Tuan Yang di-Pertua. Betul tak betul? Persepsi mesti ada sebab. Tak mungkin adanya asap kalau tidak ada api. Tidak mungkin adanya persepsi kalau tidak ada sedikit asas untuk menyebabkan wujudnya persepsi itu. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita bahas ini, Akta Antipemerdagangan Orang. Tuan Yang di-Pertua, jadi saya melihat bahawa kerajaan perlu bertindak tegas, dalam menangani isu anti pemerdagangan manusia ini. Supaya kita tidak dilihat – negara kita ini kalau ditengok dalam *map* seluruh dunia, kecil tidak sampai 5 sen pun. Akan tetapi kita begitu popular, terkenal, dengan isu-isu yang jahat. Dengan pemerdagangan manusia kita terkenal. Dengan dadah kita terkenal.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Rasuah, rasuah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Rasuah tidak lah. banyak negara lagi yang rasuah. Banyak...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** 1MDB. *[Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi oleh kerana itu, biarlah kita terkenal dengan isu yang baik-baik supaya negara luar pun menghormati kita. Ini seolah-olah *third world country* begini apabila ada penyeludupan manusia, “*Oh, itu Malaysia, Malaysia pak*” dia kata.

Jadi saya ingat Menteri, buatlah kajian di mana silap kita. Adakah silap kita dibawah akta ini sebab akta ini perlu ditokok tambah. Kalau akta yang perlu ditokok tambah, kita sudah selamat, tiada lagi perdagangan manusia, bermakna kita tokok tambah lah setiap masa akta kita ini. Akan tetapi kalau akta ini sekadar hanya untuk memperkuuhkan undang-undang, saya rasa perlu kita lihat seribu langkah ke belakang lagi untuk menentukan bahawa tidak lagi berlaku perdagangan manusia ini pada masa-masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua memang berani. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, sila. *[Ketawa]* Ya, Menteri ini apa kurangnya. Berani juga ini, sila. Semua berani dalam Dewan ini. Jangan sampai bergelut sahaja. Sila.

#### ■1530

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya walaupun telah berdiri tetapi masih tidak cakap sebab Tuan Yang di-Pertua masih bercakap. Saya akan ikut aturan. Seksyen 36(1) kata dalam hal rang undang-undang pindaan, tidak boleh bincang perkara yang di luar pindaan. Jadi saya akan menjawab soalan pindaan. Pindaan yang kita sebut di bawah ini ialah:

- (i) untuk mewujudkan jawatankuasa peringkat tertinggi – seksyen 5A;
- (ii) penambahan anggota majlis – seksyen 6;
- (iii) pelantikan NGO sebagai pegawai perlindungan – seksyen 43;
- (iv) kebenaran untuk bergerak bebas dan bekerja – seksyen 51A;
- (v) pembayaran pampasan kepada mangsa – seksyen 66A; dan
- (vi) pembayaran gaji tertunggak dalam kes tiada sabitan – seksyen 66B.

Jadi yang lain itu Tuan Yang di-Pertua, saya akan gunakan budi bicara dan juga budi bicara Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Masa saya cakap saya mohon minta kebenaran untuk mencelah, peraturan Dewan, Tuan Yang di-Pertua sebut kerap. Saya ikut, saya patuh.

Isu pemerdagangan orang berkait rapat dengan aspek migrasi di mana ia adalah kompleks kerana melibatkan percampuran populasi seperti individu yang diseludupkan, mereka diperdagangkan pendatang asing tanpa izin, permohonan suaka pelarian, tenaga kerja asing termasuk ekspatriat. Saya berasas baik Tuan Yang di-Pertua kerana perbahasan semalam boleh ditaip dalam kertas. Saya boleh baca sedikit *preamble*. Tiga elemen utama perlu dibuktikan bagi tujuan sabitan jenayah pemerdagangan orang iaitu perbuatan (*act*), cara (*means*) dan bertujuan untuk eksplorasi (*the purpose*). Pemerdagangan orang boleh berlaku dalam negara kita sendiri dan merentasi sempadan serta ia melibatkan perbuatan melanggar hak asasi manusia dan individu tersabit pula dikategorikan sebagai mangsa kepada jenayah ini.

Daripada pengamatan saya, perbincangan semalam banyak memberikan penekanan kepada kebanjiran PATI Rohingya dan Bangladesh secara haram ke perairan Malaysia termasuk laluan barat menerusi sempadan Malaysia-Thailand. Apa yang saya ingin jelaskan di sini bahawa kita perlu memastikan penggunaan terma yang betul di mana mereka sebenarnya bukan merupakan golongan pelarian tetapi mereka merupakan migran yang ingin menyeludup masuk ke negara ini secara tidak sah dan sama ada melalui perairan negara maupun laluan darat dengan menggunakan khidmat tekong-tekong sindiket. Ini jelas merupakan aktiviti jenayah penyeludupan manusia atau migran kerana kerelaan mereka untuk membayar sindiket-sindiket dan tekong-tekong haram bagi tujuan untuk berhijrah ke negara lain dari negara asal mereka.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Seperti mana yang kita semua sedia maklum penghijrahan PATI *Bangladeshi* adalah kerana keadaan ekonomi negara tersebut. Manakala...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** ...PATI Rohingya kerana status mereka yang dinafikan terhadap warganegara di negara asal mereka.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta penjelasan.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Penghijrahan – tunggu saya habis ini, tolong. Penghijrahan menggunakan laluan yang tidak sah oleh migran ini dikategorikan sebagai PATI di bawah Akta Imigresen kerana kesalahan imigresen. Dalam hubungan ini unsur eksplorasi belum berlaku sama ada eksplorasi seks ataupun eksplorasi buruh kerana penghijrahan ke negara ini adalah atas kerelaan mereka untuk mencari kehidupan yang lebih baik.

Daripada aspek kemanusiaan, walaupun golongan migran yang cuba masuk secara tidak sah dan melanggar peraturan imigresen negara, tetap kebaikan mereka tidak diabaikan. Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia telah membuat kenyataan media bagi mengalu-alukan bantuan kemanusiaan dan pertubuhan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang lain awam di mana Jabatan Imigresen Negeri Kedah telah diletakkan sebagai *one stop centre* bagi menyelaraskan bantuan tersebut ke Depot Tahanan Imigresen Belantik di Sik, Kedah.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa di bawah peraturan ini yang tadi sudah sebut, sila Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat saya minta soalan ya, jangan...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ya, soalan yang berkaitan.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Berucap – dengar Yang Berhormat dengar dahulu. Kalau berucap saya tidak tahu apa Yang Berhormat tanya nanti.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Boleh. Saya hendak memohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan apakah prosedur ataupun proses yang telah dilaksanakan untuk mengetahui sama ada orang-orang bot tersebut ialah pelarian ataupun migran ekonomi. Apakah yang telah dilaksanakan ataupun dilakukan prosedur oleh kerajaan untuk *determine their status* seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi? Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kita berpandu kepada yang 1,058 orang yang telah *landed* oleh sebab kapalnya terdapat kebocoran dan bermasalah. Maka dari sudut itu kita mengetahui apa sebenarnya latar belakang mereka ini dan mereka yang masih di laut itu takkanlah kita jemput mereka datang macam itu sahaja dan *check* mereka dan sebagainya.

Jadi ini kita Yang Berhormat memang kita tidak ada garis panduan apa yang berlaku di sana ataupun masih di Rakhine District di Myanmar ataupun di Bangladesh. Apa yang kita tahu yang sudah sampai ke tanah Malaysia itu 1,058 orang. Itu yang kita ketahui. Daripada itu kita boleh kesan apa yang sebenarnya berlaku kepada mereka ini.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...yang sama, adakah proses temu ramah ataupun untuk mengetahui 1,000 di Belantik ini melibatkan badan UNHCR? Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kita atas kebebasan UNHCR Yang Berhormat untuk datang sendiri melihat sama ada mengklasifikasikan mereka khususnya yang dari Myanmar. Akan tetapi yang dari Bangladesh memang tetap bahawa tidak disebut sebagai pelarian. Dalam masa yang sama Yang Berhormat sudah mengetahui, semua Yang Berhormat telah berucap banyak di sini mengatakan kita memang belum hendak menangani Konvensyen United Nations berhubung dengan refugees. Dengan sendirinya kita tidak mengiktiraf soalan refugee ini Yang Berhormat.

Akan tetapi dalam masa yang sama oleh sebab dari sudut kemanusiaan dan juga bekerjasama dengan pihak UNHCR, kita memberikan kebenaran kepada mereka untuk melihat sendiri dan mereka boleh menangani kalau diberi kad kepada mereka ini, mereka akan diserahkan kepada pihak UNHCR untuk ditangani masalah mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

Jadi Yang Berhormat saya terus kepada apa yang telah ditanya semalam. Statistik sebenar dari tahun 2010 hingga 2014 berkenaan pemerdagangan orang seperti tangkapan, pendakwaan dan sabitan. Statistik ini dari tahun 2010 hingga 2014, kes tangkapan seperti berikut:

| Tahun         | Tangkapan   |
|---------------|-------------|
| 2010          | 195         |
| 2011          | 159         |
| 2012          | 244         |
| 2013          | 154         |
| 2014          | 249         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>1001</b> |

Sebanyak 1,001 satu tangkapan dibuat bagi tempoh lima tahun. Pendakwaan kes yang dituduh mengikut tahun iaitu:

| Tahun         | Pertuduhan (kes) |
|---------------|------------------|
| 2010          | 193              |
| 2011          | 22               |
| 2012          | 70               |
| 2013          | 129              |
| 2014          | 61               |
| <b>JUMLAH</b> | <b>476</b>       |

Sebanyak 476 pertuduhan kes pemerdagangan orang telah kita bawa ke mahkamah Yang Berhormat. Jadi untuk menjawab soalan-soalan secara umumnya kepada Yang Berhormat yang bertanya, kenapa kita daripada *tier 2 watch list* turun kepada *tier 3*. Jadi saya ingin sebutkan di sini Yang Berhormat sejarah lama, “*Masuk bakul bawa sendiri*”. Wujudnya Undang-undang Antipemerdagangan Orang ini adalah berasal daripada saya Yang Berhormat sebenarnya. Pada tahun 2006, selepas saya menghadiri satu simposium di Ho Chi Minh City saya balik dengan laporan setebal satu inci setengah yang saya sendiri buat, tidak ada kerani pun. [Disampuk]

#### ■1540

Saya taip, saya buat dan saya mendesak kementerian dan kerajaan supaya menerima laporan saya itu sebagai satu benda yang kritikal, yang perlu undang-undang diwujudkan. Saya berbincang dengan menteri wanita pada ketika itu dipandang sebagai menteri yang bertanggungjawab dengan hal ini.

Bahkan ada segelintir daripada kalangan yang tidak bersetuju bahawa undang-undang diwujudkan kerana kita ada enam undang-undang yang ada, iaitu Perlembagaan, undang-undang jenayah, kanun jenayah, tatacara jenayah, *domestic violence* dan bermacam lagi, undang-undang imigresen dan sebagainya. Akan tetapi saya *argue against it* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam perundangan untuk menangani masalah pemerdagangan orang ini mestilah ada istilah yang saya guna ialah *sanctuary* ataupun *the place for refugee* untuk orang yang disimpankan, perlindungan untuk mereka yang dikatakan *victim* ini, satu.

Yang kedua saya *argue* juga katakan bahawa undang-undang yang kita ada sekarang tidak membezakan *victim* dengan *illegal immigrant* jadi itu masalah undang-undang ini kalau undang-undang biasa kalau masuk sini sahaja dengan secara rela dia juga sebagai *illegal immigrant*, kalau menyalahi undang-undang imigresen. Tentu saya kata *argument* akhirnya Menteri bersetuju itulah kenapa undang-undang 2007 itu menjadi satu realiti Yang Berhormat. Itu sebab saya mengetahui undang-undang ini.

Akan tetapi oleh sebab undang-undang itu dibuat dalam masa yang begitu singkat sekali maka adalah sedikit sebanyak tidak memenuhi kehendak Amerika yang membuat satu *guideline* sebagai *benchmark* yang diterima pakai oleh pihak United Nation. Jadi itulah kenapa kita sebagai patuh kepada arahan United Nation bukan kepada Amerika yang buat *benchmarking* itu. Jadi Yang Berhormat salah satu daripadanya itulah tadi tempat perlindungan, pemantauan, *repatriation*, *training* dan berbagai-bagai lagi yang saya sebut dalam kertas kerja saya.

Jadi kenapa undang-undang ini kita jatuh, oleh sebab satu ialah dari sudut dia ada 14 *point* saya Yang Berhormat yang dibangkit oleh pihak Amerika. Salah satu daripadanya ialah undang-undang ini perlu dipinda. Salah satu sebab dipinda ialah oleh sebab kita tidak memberi kebenaran kepada pihak NGO untuk terlibat dalam menjagakan *victim* ini apabila disimpan di Malaysia kita hanya menyerahkan perkara mereka ini kepada pihak kerajaan.

Walaupun hakikatnya sama, *the result the same* tetapi kehendak dalam garis panduan Amerika itu berkehendakkan bahawa penglibatan orang awam, penglibatan NGO secara terus bukan terletak pada kerajaan. Itu undang-undang perlu dipinda itulah pindaan kita bawa salah satu daripadanya. Selepas itu juga bahawa soalan ganti rugi kepada yang hilang kerja gaji yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi. Terima kasih Yang Berhormat sebab mengetahui sebenar apa tujuan undang-undang itu.

Apabila seorang *victim* itu telah dianiyai dan dia tidak mendapat gaji yang sepatutnya dia diterima, mahkamah berhak untuk memberi arahan kepada majikan supaya dia dibayar gaji yang setimpal dengan tugas dan tanggungjawab mengikut apa yang telah dijanjikan dalam perjanjian di antara majikan dan pekerja. Ini juga diberi pampasan dan dibolehkan Hakim memberi arahan. Bahkan ada lagi pampasan boleh diberi bagaimana yang saya sebut tadi, teras untuk itu pembayaran pampasan kepada mangsa yang telah dianiyai oleh pihak tertentu.

Jadi untuk penjelasan lanjut Yang Berhormat, kenapa Malaysia menjadi negara yang banyak menyeludup sebenarnya oleh sebab pembangunan kita begitu ketat sekali dan industri kita begitu banyak sekali dan malang sekali majikan-majikan kita dekat luar sana itu Yang Berhormat sebenarnya yang menganiaya. Pekerja ini datang dengan sendirinya bekerja dalam ladang, industri dan apa sahaja. Tetapi banyak majikan-majikan di luar sana berjanji bayar gaji RM900 apabila sampai bagi gaji RM500. Berjanji berperumahan, *medical assistance* dan sebagainya tapi bila sudah bekerja tidak diberi.

Mereka inilah yang diistilahkan di bawah undang-undang sebagai mereka yang telah di *smuggle* kan sebenar bukan dalam kontena, bukan dalam korong dan bukan dalam apa Yang Berhormat sebenarnya. Jadi jangan salah tafsiran, apa maknanya *victim* of pemerdagangan orang ini. Sebenarnya tidak ada banyak berlaku sedikit sahaja berlaku secara paksaan banyak mereka ini dianaya oleh majikan dan majikan kita tidak bersifat perikemanusiaan yang akhirnya kerajaan yang menjadi bebanan.

Penyimpanan pasport utamanya terima kasih dengan Yang Berhormat Batu Kawan sebut tadi. Pasport umpamanya dan juga ada sebut dua tiga orang Yang Berhormat, apabila menyebut pasport disimpan, dia hendak bergerak bebas. Pasport

disimpan oleh majikan, bila dia pindah dari satu tempat ke satu tempat pasport hilang. Dia hendak balik oleh sebab emak dia meninggal, anak dia meninggal, cucu dia meninggal bermacam-macam lagi tidak boleh akhirnya dia lari, balik juga tidak dapat kerja lagi, bekerja tempat lain *complaint* dia dan senarai kita punya statistik mengatakan bahawa dia adalah *victim of* pemerdagangan orang. Sebenarnya tidak ada.

Hanya dia hendak balik untuk melihat emak, nenek, datuk dia sakit, tetapi tidak dibenarkan oleh majikan kerana bimbang dia tidak ada jaminan untuk balik. Ini Yang Berhormat Kota Raja sebut. Memang betul tidak ada jaminan untuk balik. Inilah menjadi *victim of smuggling* yang kita sebutkan di sini sebenarnya gambaran yang luar sana kita masuk dalam kontena, masuk dalam kandang, masuk dalam guni, masuk ke Malaysia tidak ada. Kebanyakan mereka ini datang secara halal masuk secara betul tetapi akhirnya kena anjaya majikan. Itu satu klasifikasi. Satu kelas ada juga mereka yang datang secara *illegal* yang tidak menggunakan itu jadi majikan kita juga mengeksplotasi dia hendak laporkan kepada polis, hendak lapor kepada agensi mana dia tidak berani, oleh sebab datang sebagai *illegal immigrant*. Selepas itu dianiaya oleh majikan juga kerana tidak perlu bayar KWSP, tidak perlu bayar insurans, tidak bayar duit makan, bagi gaji kecil-kecil, semua benda macam ini. Akhirnya mereka ini menjadi *victim illegal* pemerdagangan orang.

Jadi itulah sebabnya kenapa begitu banyak sekali didengar sebenarnya bukan masalah yang apa kita *visualize* kan sebenarnya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua masalah yang timbul dengan perkara ini adalah dari pengalaman saya sendiri dan juga ramai orang yang hendak menghubungi Kementerian Dalam Negeri untuk mendapat dokumen pekerjaan secara sah boleh dikatakan hampir *impossible* melainkan melalui agen-agen. Saya sudah berkali-kali telefon pun setengah jam pun tidak ada orang ambil. Berkali-kali saya cuba menolong mereka untuk mendapat dokumen sah pekerjaan ataupun pembaharuan susah sangat untuk menghubungi.

Jadi ramai rakyat Malaysia, majikan hendak menggaji pekerja-pekerja secara sah. Akan tapi mereka mendapati begitu susah sekali hingga mereka terpaksa menggaji mereka yang tidak ada dokumen. Jadi boleh Yang Berhormat Menteri beritahu bagaimakah kita boleh memperbaiki keadaan ini kalau boleh setiap surat mesti mendapat satu jawapan kerana daripada pengalaman saya sendiri berkali-kali menulis surat pun satu jawapan pun tidak diberikan. Jadi *at least* Bank Negara ada satu sistem yang baik kalau ada satu *complaint* yang dikemukakan, dia akan menulis surat bahawa *complaint will be attended*. Dalam surat kita ada satu *reference number*, kemudian kita

boleh *follow up reference number*. Akan tetapi dari pengalaman saya dengan Kementerian Dalam Negeri tidak ada satu jawapan jadi kalau hendak telefon, tidak tahu hendak jumpa dengan siapa, hendak cakap dengan siapa untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Beruas, apa Yang Berhormat kata itu, kadang-kadang surat tidak berjawab. Akan tetapi Bank Negara tidak boleh jadi satu *benchmark* untuk *compare* dengan kementerian. Kita *dealing* dengan *2,000,000 plus* pekerja. Bank Negara mungkin tidak sampai pun 200,000 jadi suratnya. Jadi daripada sudut *numbers*, Yang Berhormat tidak ada kerja lain pegawai memang tulis surat sahaja. Jadi itu satu.

Kedua, kita hendak *transform* daripada menggunakan manual Tuan Yang di-Pertua, manual menerusi supaya kita membuat secara *online*. Itu berperingkat-peringkat. Itu pun dalam proses ini kita juga melihat dari sudut teknologi. Kadang-kadang ada orang bawa lima, enam, tujuh, lapan jenis teknologi, kita kena *screen* betul-betul teknologi ini betul atau tidak, *whether it is really function* ataupun tidak. Jadi kadang-kadang kita dimaklumkan sedemikian rupa, tetapi akhirnya bila kita lihat sendiri minta unit teknikal kita *check*, ia tidak berfungsi sebagaimana yang dia katakan.

#### ■1550

Jadi akhirnya kadang-kadang terlambat juga perkara ini Yang Berhormat. Akan tetapi saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Saya juga daripada mereka yang terlibat dengan industri dan penglibatan dengan dahulu lah, keluarga saya pun masih ada *business* sikit-sikit. Jadi saya mengetahui Yang Berhormat kelemahan dan rintangan. Saya juga sekarang mengetahui apakah rintangan yang dihadapi oleh kementerian.

Jadi dalam sudut yang sama, ada juga kita menerima protes daripada semua pihak jangan menggunakan *online* padahal inilah yang sebaiknya. Ini kerana kita hendak potongkan *the middle man* kerana dahulu kita ada *outsourcing company*, *outsourcing company* ini pula memeras dua pihak, diperasnya pekerja, diperas pula majikan, kedua-duanya. Apabila majikan sudah bayar banyak sangat sebagaimana Yang Berhormat Kota Raja sebut, tidak kisahlah apabila pekerja ini datang potong gaji, potong, potong, potong, akhirnya kena aniaya. Apabila kena aniaya, dia lari dia jadi *victim* of pemerdagangan orang Yang Berhormat. Jadi *that's why* kerajaan hendak potong. Sudah potong pun *outsourcing company*, kita hendak guna *online*. Jadi *insya-Allah*, Yang Berhormat, kita akan *reach the point*, kita akan perbaiki sistem untuk menggaji orang asing ini.

Jadi apakah takrif dianiaya? Saya rasa banyak saya sebut tadi dianiaya. Dianiaya oleh majikan. Adakah termasuk tidak dibayar gaji dan dianiayakan, tidak diberi gaji langsung, penganiayaan lain? Kemudahan-kemudahan dijanjikan di bawah itu. Jadi banyak ini. Kadang-kadang tengok TV pun potong gaji. Jauh lagi daripada minum dan makan, kena potong gaji juga.

Jadi itulah saya menyeru kepada majikan di luar sana, jangan cuba buat perkara-perkara yang tidak baik yang akhirnya jadi satu penganiayaan. Kalau satu penganiayaan begini berlaku, memang *almost impossible* Tuan Yang di-Pertua, untuk pegawai penguasa sama ada polis atau pun imigresen hendak tahu *every sudut nook and corner* negara kita ini di mana pekerja ini daripada kedai restorannya hingga ke ladang yang besar-besaran di negeri-negeri yang tertentu, banyak ladang dan sebagainya untuk kita mengetahui.

Takrifan aniaya boleh termasuk dalam takrifan eksloitasi dalam seksyen 2 iaitu termasuklah segala bentuk eksloitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang merupakan perhambaan, penggadaian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia. Itu sudah disebutlah. Maka inilah yang kita hadapi dengan apa yang dikatakan dengan pemerdagangan orang.

Seksyen 6(2), penambahan wakil daripada kementerian. Itu jawapan kepada situasi di mana kemasukan warga asing sebagai pelancong tetapi tinggal lebih masa bekerja di Malaysia. KDN mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Pengerang untuk memasukkan Kementerian Pelancongan sebagai wakil dalam Majlis Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran bagi meningkatkan usaha kerajaan dalam menangani jenayah perdagangan orang.

Yang Berhormat Pengerang juga mencadangkan kemasukan Kementerian Pelancongan sebagai anggota MAPO tadi. Dalam hal ini, MAPO mengambil mana-mana ahli yang bersesuaian dan perlu untuk turut menghadiri mesyuarat dan mendapatkan penyelesaian terbaik dan menangani isu-isu yang berbangkit termasuk isu-isu pelancongan yang berbangkit dengan pemerdagangan orang.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya mengenai pelancongan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat bahawa pelancong negara ini daripada negara luar apabila masuk ke negara kita, *they are free to go anywhere they want to go*. Mereka kadang-kadang mungkin tidak ikut *tour group* dan sebagainya. Pengalaman saya sekali pergi ke Beijing, kita ikut *tour group*. Dia tidak melepas bebas kita. Kita mesti ikut dia dan dia memastikan bahawa kita keluar.

Jadi apa yang berlaku di negara kita ialah pelancong ini datang, masuk dan kemudian tidak keluar dan amat susah untuk kita mengesannya kerana rupanya hampir sama dengan kita, yang macam pelancong Indonesia, India, China. Jadi akhirnya mereka mudah sangat maknanya *over stay* kerana kita bebaslah. *They come in, they free to go wherever they want to go and it's up to their own initiative whether they want to leave the country or they want to stay.*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, saya mengamati ucapan Yang Berhormat. Oleh kerana saya tidak mahulah bangkit semasa Yang Berhormat berucap tadi. Saya memang menghargai. Hujah Yang Berhormat ialah suatu hujah. Saya sebut kepada pegawai saya, yang betul-betul *confined* dalam rang undang-undang tersebut hingga Yang Berhormat menangis hujung itu tidak termasuklah sebab rang undang-undang pindaan tidak ada menangis. Jadi yang lain itu memang *strictly confined* kepada rang undang-undang tersebut dan saya rasa Yang Berhormat, saya bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat katakan. Akan tetapi Yang Berhormat, saya hendak beri maklum sedikit sahaja imbasan, bukan penjelasan, kepada soalan Yang Berhormat.

Apabila kita berbincang dengan soalan beberapa sudut memberi kelonggaran kemasukan mana-mana *nationality* ke Malaysia sama ada China atau pun India, kita melihat kepada sudut keselamatan. Akan tetapi Kementerian Pelancongan akan melihat kepada sudut *total convenience happiness* untuk pelancong ini datang. Jadi tidak *hindrance*, tidak ada *restriction*, tidak ada bimbingan, tidak ada apa-apa, bebas. Apabila mereka datang sahaja, cap dia masuk ke Malaysia, *free bercampur gaul* dan ke mana-mana.

Jadi kita daripada beberapa sudut ini kadang-kadang merasakan ini adalah kurang baik. Akan tetapi daripada sudut pelancongannya ia adalah baik dan pelancongan ini pula satu industri yang besar, sumbangan yang amat besar kepada negara kita. Jadi kita kena berkompromi Yang Berhormat, kena berkompromi dalam sudut ini.

Akan tetapi tidak boleh dibandingkan dengan negara China. Semasa *the three lake* dibuka sebagai sudut pelancong di Guangzhou, saya salah seorang orang Malaysia yang pertama datang melihat, Yang Berhormat. Lawatan bulanan 2.5 *million*. Saya kata kalau macam inilah, semua pengurus tambang, operator-operator teksi semua boleh maju. Akan tetapi, kalau kita hendak dapat 2.5 *million* macam itu, Sarawak terpaksa kempen besar-besaran baru dapat banyak itu, Yang Berhormat.

Akan tetapi *internal tourism* dia sahaja boleh *radiate income* yang begitu banyak sekali oleh kerana negara mereka membangun dan *middle class* mereka membesar,

akhirnya *internal tourism* sudah boleh membantu. Akan tetapi kita masih perlukan masyarakat lawatan dari luar negara. Jadi itulah kita berkompromi dari sudut menangani masalah bebas apabila masuk ke Malaysia setelah dapat cap dan apa yang kita pastikan yang masuk itu mestilah keluar. Akan tetapi apabila di sini, kita tidak ada *restriction*. Itu satu.

Kedua...

**Seorang Ahli: [Bangun]**

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Minta duduk dulu. Saya hendak jelaskan panjang sikit. Kedua, negara China itu tidak boleh dibandingkan dengan kita, Yang Berhormat. Dia banyak *restriction*. Dia punya *open market* sahaja *free*, yang lain itu tidak *free*, Yang Berhormat. Yang Berhormat fahamlah.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ada mengutarakan ahli Majlis MAPO dimasukkan MTUC disebabkan oleh MTUC berperanan untuk mewakili mereka yang teraniayai ini dalam semua kes. Saya sendiri mewakili mereka di Mahkamah Perusahaan yang membabitkan pekerja-pekerja pemerdagangan manusia ini. Adalah lebih elok atau molek bagi pandangan saya, MTUC juga dimasukkan dalam majlis ini supaya dia memberi data dan pandangan yang lebih bernalas kerana dia di gelanggang lapangan. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada juga soalan yang berbangkit dalam ucapan 15 orang Yang Berhormat berucap, ada seorang bangkitkan bahawa apa bezanya kita wujudkan *high level committee* dengan Majlis MAPO itu sendiri. Jadi saya jelaskan yang ini dahulu Yang Berhormat ya.

Apabila kita wujudkan *high level committee* ini, ini menunjukkan seriusnya kita untuk menangani masalah ini supaya Menteri yang duduk di sana. Jadi apabila diputuskan dalam *high level committee*, dengan sendirinya Menteri ini balik ke kementerian masing-masing akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka selaras dengan keputusan yang dibuat di sana.

Jadi Majlis MAPO ini, walaupun ia membuat keputusan, ia hanya boleh menyarankan kepada Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Dalam Negeri kena panggil juga kementerian-kementerian dan badan-badan yang Yang Berhormat sebut ini untuk dimasukkan ke dalam Majlis MAPO ini. Jadi di sini kalau dipersetujui dalam mesyuarat ini, kalau *high level committee* bersetuju, dengan sendirinya walaupun MTUC atau pun apa-apa sahaja boleh dimasukkan ke dalam MAPO untuk membantu MAPO

dalam menguruskan soal masalah pemerdagangan orang di negara kita, Yang Berhormat.

Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat, sebenarnya dalam jawapan saya sudah tadi. MAPO berupaya menjemput mana-mana pihak yang boleh menyumbang kepada membantu mereka menjalankan tugas dan khidmat mereka.

Soalan lagi daripada Yang Berhormat Pengerang, apakah terdapat institusi yang mengawasi kaitan dengan anti pemerdagangan orang? Institusi yang disebut dalam undang-undang seksyen 27 ialah;

- (i) mana-mana pegawai polis;
- (ii) mana-mana pegawai imigresen;
- (iii) mana-mana pegawai kastam;
- (iv) mana-mana pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia; dan
- (v) mana-mana pegawai tenaga kerja.

#### ■1600

Jadi ada juga Yang Berhormat ini jawapan kepada Yang Berhormat Pengerang, ada juga Yang Berhormat menanyakan mengapa pula RELA tidak dibenarkan. RELA mempunyai undang-undang sendiri, saya ingat ada di sebelah sini yang bertanya. RELA ada undang-undangnya sendiri. Nama RELA itu sendiri sudah sukarelawan, dia bukanlah badan ataupun agensi yang sebenarnya sebagai badan ataupun agensi penguat kuasa. Jadi dalam keadaan sedemikian, daripada pandangan kita, pandangan kementerian bahawa mana-mana badan atau agensi penguat kuasa yang terdiri daripada lima itu telah mencukupi untuk menangani masalah yang kita hadapi.

Yang Berhormat Pengerang juga bertanyakan sama ada kemasukan pelancong dengan pas lawatan sosial dipantau. Kemasukan pelancong asing dan diberikan pas lawatan sosial akan dipantau oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Pas lawatan sosial yang diberi di pintu masuk adalah berdasarkan arahan tetap Ketua Pengarah Imigresen yang ditetapkan iaitu:

- (i) Pelancong mesti mempunyai pasport yang masih sah laku;
- (ii) Visa yang berkenaan tidak perlu;
- (iii) Nama tidak disenaraihitamkan dalam sistem Jabatan Imigresen Malaysia;
- (iv) Tiket pulang ke negara asal;
- (v) Wang sara yang mencukupi semasa berada di Malaysia;
- (vi) Maklumat-maklumat tempat kediaman seperti nama hotel dan sebagainya.

Penguatkuasaan akan dibuat oleh Jabatan Imigresen Malaysia terhadap pelancong-pelancong yang tidak pulang selepas tamat tempoh sah laku lawatan yang diberi semasa di pintu masuk berdasarkan pengumpulan maklumat dan penerimaan aduan awal melalui e-mel, telefon, surat-menyurat atau sebagainya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin hendak menyebutkan. Sebenarnya di England dahulu kalau Speaker tidak duduk kerusi dia, orang tidak boleh bercakap. Jadi tradisi dan konvensyen itu masih kita pakai sekarang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, kalau Speaker bercakap, yang Menteri pun duduk kan?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Menteri pun duduk. Ya betul, ini betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *That is normal procedure.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kalau saya duduk tadi macam *spring* saya Yang Berhormat, ia cepat sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Laporan antarabangsa mengenai penglibatan rakyat Malaysia dalam aspek pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, adakah siasatan dilakukan dan tindakan kerajaan termasuk melibatkan pelarian warganegara Myanmar ataupun Rohingya. Setakat ini tidak ada sebarang laporan berkaitan penglibatan warga Malaysia dalam isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Kedua, kerajaan sentiasa peka dan memantau isu-isu penyeludupan migran serta pemerdagangan orang di kawasan sempadan sejak tahun 2014. Unit ATIPSOM dan lain-lain jabatan dalam PDRM telah melancarkan operasi di kawasan sempadan terhadap sindiket, agen yang terlibat dalam penyeludupan migran. Dalam operasi terakhir antara Februari 2015 hingga April 2015 telah berjaya membuat 43 tangkapan ejen, tekong dan *transporter* serta 57 PATI telah diselamatkan.

Tawaran UNHCR untuk memberikan bantuan kepada warga Rohingya,daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. Kerajaan sentiasa bekerjasama dengan agensi pertubuhan antarabangsa termasuk UNHCR dalam aspek kemanusiaan dan akses kepada PATI ini. Dalam hal ini, KDN telah mengumumkan kesediaan untuk menerima pendatang asing tanpa izin melalui arahan yang dipusatkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia di negeri Kedah mulai 17 Mei 2015.

Jadi Yang Berhormat saya ingin menyebut sedikit soalan UNHCR ini. Sebenarnya semenjak tahun 2010 hingga sekarang, pihak UNHCR hanya berjaya menempatkan orang-orang di negara ketiga sebanyak 60,000 lebih orang sahaja Yang Berhormat, dalam masa hampir beberapa tahun. Bermakna prestasi ini kita pandang adalah kerugian, saya sendiri pernah berbincang dua tiga kali dengan mereka ini supaya memperbaikkan lagi tindakan mereka untuk *placing these people* dalam pergi ke tempat negara yang ketiga.

Pada masa sekarang kita masih ada mempunyai 150,000 orang yang mempunyai kad UNHCR yang masih tersadai di Malaysia, di bawah jagaan UNHCR dan negara kita masih menjadi *host* kepada mereka ini Yang Berhormat. Jadi, dalam keadaan sedemikian ada sedikit sebanyak percanggahan daripada apa yang disebut oleh pihak UNHCR semasa memberikan taklimat di situ bahawa memperbesar-besarkan tindakan mereka dan memperkecil-kecilkan tindakan Kerajaan Malaysia. Sebenarnya adalah sebaliknya.

Saya berani menyebut di sini oleh kerana kita mempunyai rekod yang tertentu berapa banyak yang telah dihantar ke luar, berapa banyak yang masih dalam tahanan mereka. Jadi, dalam keadaan sedemikian saya menyeru pihak UNHCR supaya bekerja lebih masa sedikit, bekerja lebih kuat lagi, mencari negara-negara yang banyak menyeru kepada kita supaya mengambil orang ini masuk ke negara kita supaya mereka menerima orang ini ke negara mereka. Jangan cakap sahaja, kadang-kadang itulah NATO sebenarnya Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** NATO, No Action Talk Only. NATO itu bukan Malaysia sebenarnya, NATO itu sebenarnya mereka ini macam saya katakan sendiri, *the right group* negara-negara maju tetapi dalam masa yang sama apabila ditanyakan sama ada boleh menerima atau tidak menerima orang-orang Rohingya ini akan mencari siapa yang lebih layak, mempunyai kelayakan jurutera, kalau berkelulusan engineer, kelulusan akauntan, mereka-mereka yang profesional, mereka-mereka yang memang *top rank of the society* tetapi apabila dia dengar, dia ini mungkin Primary 6 pun tidak ada, dia tersadai di Malaysia Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya terbaca.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Inilah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** ... Realiti hidup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya terbaca Kerajaan Australia pun menolak pendatang dan menghantar mereka di Pulau Krismas (Christmas Island). Bukan begitu Yang Berhormat?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Memang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih untuk bantu saya sedikit itu. Memang betul ini, ini realiti orang yang banyak pergi ke luar negara dia mengetahui, macam Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dia mengetahui. *This is a reality* kalau orang itu di bawah dalam sudut kemudahan, kebolehan, pendidikan dan *intellectual* jadi *reject* lah dia, akan pegang kad di Malaysia ini selama-lamanya. Akan tetapi kalau mereka jurutera, akauntan, doktor, cepatlah dia mendapat tempat sama ada di Eropah, Amerika, Australia, New Zealand. Sebut sahaja nama negara-negara yang dikatakan *the fighters of human rights or the people's right* yang simpatetik dengan kemalangan yang dihadapi oleh pihak ini.

Akan tetapi dalam masa yang sama, mereka juga menunjukkan sifat, menunjukkan *attitude*, dengan izin yang tidak selaras dengan keadaan ini. Adakah mereka hendak cari jurutera sahaja atau adakah kita hendak cari doktor sahaja, boleh *migrate* yang lain tidak boleh, yang lain itu tinggal di Malaysia. Mana *the bad one is left behind with us and the cream is to be taken by them*. Apabila ada 10 yang naik, turun dalam surat khabar, masuk dalam TV, *they are the best* dan kita apa jadi? Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ya lah kita memang cukup memahami sikap yang ditunjukkan oleh negara-negara Barat dan negara-negara maju dalam persoalan ini. Akan tetapi dalam keadaan itu sekalipun ianya tidak merupakan alasan untuk kita tidak menunaikan tanggungjawab kita. Walau apa yang dikatakan sekalipun dan apa yang dilakukan sekalipun hakikatnya masalah ini adalah masalah di depan pintu kita dan ianya bukan soal kita hendak pilih yang mana ataupun yang mana yang buruk. Ini kerana semua itu adalah mangsa dan *immediate action* ini hendak selesaikan, paling minimum untuk mendapatkan tempat untuk mereka untuk melepaskan diri mereka

daripada keadaan yang menggugat nyawa dan kehidupan mereka, itu wajib untuk kita mengambil tindakan.

#### ■1610

Saya rasa di negara Malaysia ini, *alhamdulillah* sudah ada banyak badan dan NGO dan pertubuhan-pertubuhan yang telah mengatakan bahawa mereka pun sanggup untuk membiayai. So, *with all due respect*, dengan izin, *put all these hujah-hujah negara Barat and all that aside, let us do the right thing, do what we are supposed to do and we solve the immediate problem*, nombor satu.

Nombor dua, saya rasa kita pun kena serius. Saya minta maaf, pagi tadi saya tidak dapat hadir, saya pun tidak berapa sihat. Akan tetapi kita kena lihat apa yang telah berlaku apabila krisis *ethnic cleansing* yang berlaku di Bosnia. *We have to admit* ia tidak ada penyelesaian. Kita tidak boleh sama ada kita hendak kena terima, tunggu dan terima sahaja pelarian ataupun kita hendak kena ambil tindakan seperti mana yang telah dilakukan oleh negara barat. Apabila berlakunya *ethnic cleansing* di Bosnia iaitu *there must be an attempt to solve the problem at the root cause* dan *peacekeeping force* sama ada daripada ASEAN ataupun daripada OIC ataupun daripada UN ataupun daripada mana.

Ini Malaysia *is in the UN Security Council*. So, berperananlah. *I mean*, benda ini kita tidak boleh tunggu hendak selesai macam mana, sampai orang atau Kerajaan Myanmar berubah, *Aung San Suu Kyi* akan bersuara atau apa? *What right, is right, what wrong, is wrong*. Benda ini *is ethnic cleansing* dan mereka bunuh bukan sekadar orang lelaki, *I mean*, mereka bunuh kanak-kanak, mereka bunuh semua, asalkan bukan ini. So, saya rasa kita- *we forget about all this*- semua kita sudah tahu. Dunia Barat ada hipokrasi tetapi kita selesaikan. Saya yakin kita boleh. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul Yang Berhormat. Faham saya. Kalau saya boleh menangis macam Yang Berhormat Kota Raja, saya pun menangis juga tetapi saya takut isteri saya datang tanya kenapa menangis. Tidak pernah menangis pun. Jadi, memang kita cuba yang terbaik Yang Berhormat. Kita cari *solution* yang terbaik walaupun ada desakan daripada Yang Berhormat. Saya bersetuju, saya tidak- demi Allah saya tidak menyesal desakan Yang Berhormat mengatakan *why so many meetings and no keputusan dibuat*.

Yang Berhormat, dalam sudut pelaksanaan perkara antarabangsa Yang Berhormat, tidak semudah itu. Kadang-kadang dalam dalaman kita sendiri pun, hari ini kita buat keputusan, esok belum bergerak Yang Berhormat. Jadi, inikan pula menangani masalah

antarabangsa. Jadi, dalam perkara ini kita juga melihat pandangan. Jadi, minta maaf saya sebut ini. Dalam masa dua tahun ini saya pernah banyak mendengar Yang Berhormat, yang lorong-lorong kita, yang kita punya jalan-jalan kita dipenuhi oleh pendatang asing.

Saya ditempelak, ini cakap Malaysia, cakap Sabah ke, Sarawak? Mengatakan kenapa Malaysia jadi macam ini? Kalau kita benar lagi datang, banyak lagi datang ke Malaysia Yang Berhormat. Saya cukup yakin, saya mengetahui, saya mempunyai *intelligence report* Yang Berhormat, bahawa *a lot more will be coming to our shore*. Kalau itu, *are we prepared for the influx and the exodus* ini? Jadi, itulah kenapa kerajaan mesti berjaga-jaga, mesti *have to very-very careful in whatever decision we made*. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya beginilah, saya rasa kita kena bezakan antara masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) dan juga yang pendatang asing yang datang sebagai pekerja yang mana akhirnya ada permit tetapi jadi peniaga dan pelarian Rohingya yang datang dalam keadaan kehidupan mereka tercabar. So, masalah cara kesilapan dan kelemahan kita dalam menangani PATI dan PADI itu iaitu pendatang asing dengan izin, tidak melepaskan kita daripada tanggungjawab untuk menangani masalah krisis kemanusiaan yang menimpa penduduk di Rohingya.

Kalau kita sudah buat silap dan kita sudah ada kelemahan dalam soal kita tangani PATI dan PADI, *that is not excuse for us not to take necessary action* berhubung dengan pelarian Rohingya yang datang dalam keadaan nyawa mereka terancam. Saya rasa perbezaan yang cukup nyata dan jelas sudah wujud. Inilah antara kalau tidak silap saya ada wakil rakyat yang telah berhujah sama ada daripada sebelah sini ataupun sebelah sana, kemungkinan untuk kita memperbaiki pengurusan masalah kita ini sehingga ke tahap orang-orang pelarian yang daripada Rohingya ini juga akhirnya dapat menggantikan mereka yang datang, pendatang-pendatang, pekerja yang datang dari Indonesia ataupun Siam, ataupun Filipina ataupun Nepal dan sebagainya yang datang bukan atas sebab nyawa mereka terancam. Kalau orang-orang Rohingya ini boleh diberikan permit kerja, menggantikan sebahagian daripada *work-force* yang orang-orang PADI dan PATI ini, maka saya rasa itu adalah satu penyelesaian yang wajar.

*So, it is a question of*, dengan izin, *our management of the foreign work-force* dan kita jangan menggunakan ini sebagai alasan untuk melepaskan kita daripada tanggungjawab, *wallahu 'alam*. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri ada mengatakan sekiranya kami menerima pelarian orang Rohingya ini

akan membuka satu *floodgate*, dengan izin, dan Timbalan Menteri ada mengatakan *can we afford it or not?* Soalan saya adalah hendak dapat penjelasan, adakah kerajaan telah dapat tahu berapa pelarian angkanya Rohingya ini, jumlahnya berapa? Oleh sebab seperti mana yang kita tahu, di dalam negara kita pendatang tanpa izin pun sudah tahap berjuta. Kalau angkanya bukan banyak sangat Rohingya ini, tentu kita ada tempat untuk menerima mereka. Setuju kah tidak Timbalan Menteri?

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, saya boleh bersetuju dengan apa sahaja Yang Berhormat sebut. Akan tetapi Yang Berhormat, kita kena lihat, apabila kita menguruskan kerajaan, kepentingan masyarakat kita, kepentingan negara kita mesti diperbandingkan dengan kepentingan mereka yang lain. Akhirnya Yang Berhormat, kerajaan bertanggungjawab kepada masyarakat Malaysia itu sendiri. Kalau kita lihat dari sudut yang telah mendapat kad UNHCR 152,8321 orang daripada ini. Kita masih ada mempunyai, saya sebut yang teratas dari Myanmar, kumpulan Chin masih ada 49,799 orang, Rohingya 45,000, Muslim yang lain itu 12,339, Alkanis, saya pun tidak pernah jumpa 7,323 orang, Mon 5,000 orang lebih, Karen Hokkien ada 4,000 orang lebih, Bonnies Bama 3,000 orang lebih, Syan Tan and Yin ada 1,000 orang lebih.

Jadi, kalau kita lihat dari sudut ini sahaja Yang Berhormat, maknanya siapa sahaja yang kita terima akan menambahkan jumlah ini, akan bukan sahaja kita, bahkan UNHCR yang bercakap besar boleh beri bantuan yang sebeginu besar, wakil kepada Bangsa-bangsa Bersatu, tidak boleh *handle* 150,000 orang, fikirkan Yang Berhormat. Jadi, itulah kita kena lihat benda ini. Kerajaan mesti membandingkan.

Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Shah Alam. Kita- *we have to do the right thing, one. Second, we have to do what we can do.* Tidak payah buat bandingan dengan orang lain, yes, *I agree.* Akan tetapi akhirnya, *we have to look into our own country and our interest.* Jadi, kalau soalan sama Yang Berhormat, tidak ada jawapan lagi saya.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, jika kita *do the right thing*, bukankah ia juga bantu kita untuk mengawal perdagangan manusia ini? Oleh kerana ini Rohingya dalam kapal-kapal itu juga orang Bangla juga ada dalam kapal-kapal itu. So, itu setengah kita boleh hantar balik. Mereka memang rakyat Bangladesh datang sini tanpa dokumen, kita *processing* mereka, boleh kita hantar balik.

So, hanya kita tinggal dengan Rohingya yang ada masalah dengan *state*. Akan tetapi mereka yang datang dengan kapal ini mereka tahu semua *network*, jaringan yang

penjenayah ini mereka tahu. So, we can actually dapat *information* yang begitu mendalam.

#### ■1620

So, kita boleh tahu sesiapa di Myanmar, Malaysia, Thailand yang bersangkut paut dengan *the whole network of this* perdagangan. Sekarang pun mereka saya nampak ini *the crisis* berpunca daripada operasi di Thailand di mana dia sekat *border* mereka, tidak bagi mereka masuk. Dia pergi cari dia punya kem. Mereka pun sekarang tinggalkan kapal-kapal mereka tanpa – *they leave the ship with the migrant* sahaja. Bila kita boleh rampas kapal mereka, kita boleh bawa balik mereka tetapi kapal itu kita rampas dan kita dapat *information*, kita boleh *break the chain of the trafficking*. Jika kita buat *the right thing and use* kesempatan itu untuk dapat tahu secara dalam *how the whole chain works*, kita boleh *go to the sources of it*. So, mungkin *this is the right way to do it*. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya bersetuju. *The source of it*, memang berlaku di Myanmar, Yang Berhormat. Banyak Yang Berhormat di sini berbahas. Di antara yang 15 itu, membahaskan sedikit sahaja yang sebenarnya menyentuh soalan penindasan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Myanmar terhadap khususnya Rohingya. Akan tetapi bukan Rohingya sahaja nampaknya. Termasuklah bangsa Chin, Muslim dan banyak lagi bangsa-bangsa lain ditindas. Bukan Rohingya sahaja. Sebenarnya Rohingya itu adalah sebahagian daripada jumlah tersebut sebenarnya.

Jadi, maknanya kalau ini berterusan berlaku dan ada juga mencadangkan supaya *the concept of non-interference* berhubung dengan masalah dalaman negara *Members of ASEAN* itu Yang Berhormat, biarlah sebut macam ini. *I was involved dengan the drafting of the Charter of ASEAN*. Dia terkandung dalam *charter* itu sendiri, Yang Berhormat. *I lead a delegation* untuk AIPA untuk berjumpa dengan *high level task force* yang buat *drafting* kepada *Charter of ASEAN* sebelum dilaksanakan pada Ogos 2008. Saya berjumpa dengan *high level task force* pada bulan Mei.

Salah seorang daripada ahli kita ialah Yang Berhormat daripada Kepong datang bersama saya dan kita mempunyai sepuluh ahli seluruh ASEAN. Jadi memang jelas mengatakan *non-interference* di sini tetapi yang anehnya pula, sedikit sahaja Ahli Yang Berhormat yang boleh bercakap di sini menyebut soalan apa yang Rohingya buat dan bahkan ada sedikit menyentuh Aung San Suu Kyi, seorang dewa dikatakan yang terelok, yang terbaik tetapi sekarang bila bangkit soalan ini, beliau terdiam sahaja. Mana dewa itu tidak datang? Dulu dipuji sampai ke langit.

Saya memang tidak pernah puji. Bukan sangka tetapi kenyataan dan realiti yang berlaku bahawa dia hanya memperjuangkan untuk diri dia sendiri sahaja. *Nobel Peace Price* juga. Jadi sebenarnya Ahli Parlimen tidak adapun terikat untuk menyentuh soal Myanmar. Apa yang terikat di sini ialah Kerajaan Malaysia itu sendiri tidak boleh, *non-interference* dari sudut Malaysia itu sendiri. Dari sudut Ahli Parlimen, macam mana Ahli Parlimen Indonesia, macam mana Ahli Parlimen lain menegur kita, begitu jugalah kita boleh menegur mana-mana negara lain. Sebenarnya kerajaan itu sendiri hanya menerusi diplomatik *pressure* sahaja tetapi tidak boleh cakap dekat luar, Yang Berhormat.

Jadi ganjilnya, Ahli Parlimen kita maki hamun, saya tarik balik perkataan maki hamunlah. Guna perkataan yang keras kepada pihak negara kita sendiri tetapi tidak menekan pun pihak Myanmar.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam soal mengkritik kerajaan kita kerana dalam konteks apa yang kerajaan kita boleh dan patut buat. Maka kita perlu tegur juga. Dalam soal hendak tegur Kerajaan Myanmar dan masyarakat Myanmar serta Aung San Suu Kyi, saya rasa tidak perlu kita hendak – kalau hendak suarakan di sini pun, tadi pun telah disuarakan. Dalam soal hendak pegang kepada konsep *of non-interference* dalam urusan dalaman sesebuah negara, saya yakin bahawa sepatutnya ada dia punya limit kerana sekarang ini masalah pelarian Rohingya bukan lagi menjadi masalah dalaman Myanmar semata-mata. Ini kerana apabila masalah ini keluar daripada Myanmar dan kita terpaksa menangani masalah ini maka ia telah menjadi sebahagian daripada masalah kita.

Maka saya tidak terlibat dalam perbahasan dan perbincangan yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi. Yang Berhormat Kepong telah pergi. Lalu saya pun tidak tahu sejauh mana dia punya *level of non-interference*. Semestinya apabila apa yang dilakukan oleh sesebuah kerajaan itu menggugat dan menimbulkan masalah bagi kerajaan negara jirannya, *there must be a right for the other government to react* dengan izin kerana benda ini bukan lagi masalah yang hanya di dalam Myanmar. So, saya rasa perkara itulah yang saya kata kita perlu kaji. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sependirian dengan Yang Berhormat. Sependirian. Sebagai wakil kerajaan, pendirian itu ada sedikit lain, Yang Berhormat. Saya kena ikut kerajaan. Akan tetapi soal mengkritik *non-interference* berhubung dengan hal dalaman itu, saya sependirian. Ada limitnya, ada batasannya. Kalau dia melibatkan warga dia yang tercicir dan akan mengena kita secara negatif, sepatutnya kita boleh *interfere*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]**

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Akan tetapi interpretasi asal, *original conventional interpretation* itu memang tidak ada. Oleh kerana dia tidak ada *interpretation* langsung pun dalam itu. Satu-satu sahaja, *non-interference* sahaja. Saya mengkaji carta ASEAN itu secara terperinci sebab mungkin Yang Berhormat sudah jadi Ahli Parlimen ataupun tidak pada bulan Mei 2008 itu. Masa itulah mesyuarat, kita fikir *the last amendment to be made on the Charter of ASEAN* sebab dia dibentangkan dan diterima dalam mesyuarat ASEAN pada tahun 2008 di Singapura. Bulan Ogos. Jadi ahli...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu bangun.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** ...lalah Yang Berhormat Kepong. Itulah kenapa Yang Berhormat Kepong terlibat dan yang lain tidak ada. Sila, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Saya juga sependirian dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bila kita kutuk sebuah negara yang telah melanggar hak asasi dan menindas rakyatnya sehingga menjadi ancaman kepada negara-negara jiran. Isu *non-interference* tidak wujud lagi. Dari segi diplomatik, kita kekal kepada *non-interference* kerana kita pun tidak mahu negara lain untuk menentukan kepimpinan negara kita. Dalam isu Myanmar juga, kita tidak setuju dengan pelanggaran hak asasinya tetapi tidak bermaksud kita buat keputusan siapa jadi pemerintahnya. Itu prinsip *non-interference*.

Saya menghormati dan saya juga setuju dengan ASEAN dari segi kita tidak campur tangan dalam urusan pentadbiran dan juga pemerintah sesebuah negara. Itulah sebabnya kita cadangkan kita sebagai satu kelab ASEAN, kita ada prinsip-prinsip tertentu. Kalau Myanmar tidak mematuhi prinsip kita dan mengancam keselamatan negara serantau, kita ada hak untuk mengatakan *you don't belong to our club member anymore*. Itu sebab kita cadangkan. Saya juga hendak sentuh sedikit. Kita kutuk Kerajaan Myanmar bukan kerana kita sokong Aung San Suu Kyi tetapi kerana kita tahu negara yang menindas rakyatnya akhirnya dia akan menjadi ancaman kepada keselamatan serantau. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya akan berhenti setakat ini. Setakat ini, Yang Berhormat ya.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Setengah minit. Setengah minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah tidak boleh Yang Berhormat, 4.30 petang ada usul.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, kita ada 45 seconds sahaja Yang Berhormat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab sedikit. Saya memang boleh sependirian secara peribadi saya dengan Yang Berhormat Batu. Saya amati dan dengar ucapan Yang Berhormat Batu tadi dan saya kata baik ucapan ini. Memang tidak pun mengeji ataupun menekan kerajaan kita. Banyak jalan tengah yang diambil oleh Yang Berhormat Batu. Saya dengar daripada Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Klang dan juga interpretasi undang-undang yang disebut oleh Yang Berhormat Batu Kawan dan sebagainya. Saya dengar semua ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi dalam keadaan sedemikian, saya ada 10 seconds lagi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi dengan itu kena sambunglah penggulungan saya, Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh dihabiskan walaupun hasrat saya tadi hendak menghabiskan 4.30 petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sambung.

#### ■1630

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya terima kasih Yang Berhormat. Sedikit untuk makluman, saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 akan disambung semula perbahasan setelah Usul Rancangan Malaysia Kesebelas dibahas dan diputuskan. Perbahasan akan dijadualkan disambung semula pada hari Selasa, 16 Jun 2015.

### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

#### KES PENCULIKAN DI RESTORAN OCEAN KING, SANDAKAN

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pagi tadi satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk dibahas pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul ini. Seperti

yang telah diputuskan tadi Yang Berhormat pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga akan dibagi 30 minit. Walaupun bukan menjadi dasar, bukan menjadi peraturan dalam Dewan ini untuk meminda keputusan itu, pencadang 30 minit dan kerajaan 30 minit seperti yang lazimnya berlaku apabila ada usul daripada pembangkang.

Selama 30 minit itu diambil keseluruhan 30 minit oleh pihak pembangkang. Itu yang lazim berlaku. Akan tetapi atas permintaan dan atas kepentingan bersama antara pihak kerajaan dan penyokong kerajaan dan juga pihak pembangkang, saya benarkan sedikit masa, ruang masa dibagi kepada Yang Berhormat Sandakan. Selama 25 minit untuk mencadang usul dan lima minit kita bagi kepada Sandakan untuk bercakap sesuatu kerana atas dasar...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh, kerana atas dasar bahawa insiden ini berlaku di kawasan Sandakan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya saya minta Yang Berhormat Tenom untuk mulakan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua ini tidak adil. Saya hendak bentangkan ini usul yang lebih awal saya Jumaat sudah hantar saya punya usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau Yang Berhormat tidak mahu lima minit, tidak apalah Yang Berhormat saya bagi 30 minit semua di sini. Isu itu telah saya selesaikan pagi tadi Yang Berhormat tidak payah bangkit lagi. Kita hendak bahas isu yang penting, okey. Ya Yang Berhormat Tenom.

#### 4.33 ptg.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua bagaimana dengan pembahas lain Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, bukan saya katakan tadi lazimnya pembawa usul akan dibagi 30 minit seperti yang berlaku setiap kali di sini. Apabila katakan Yang Berhormat Seremban dapat dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk membaca usul 18(1) dan dibenarkan dibaca dalam Dewan dibahas dalam Dewan. Selama 30 minit itu untuk Yang Berhormat Seremban dan

untuk 30 minit diagih-agihkan di kalangan rakan-rakan parti sepakatan dari sini. Oleh sebab itu pihak sini tidak, pihak kerajaan tidak mempunyai ruang.

Akan tetapi kali ini kerana ini isu kepentingan bersama dan jangan jadikan ini sebagai satu dasar baru tetapi tolak ansur yang kita buat pada kali ini. Saya minta agar pihak pencadang bagi ruang sedikit masa lima minit, enam minit, untuk seorang dari sini membahas usul. Itulah yang lazimnya yang berlaku Yang Berhormat dan kita minta sedikit kelonggaran bagi pencadang usul untuk bagi ruang kepada Yang Berhormat Sandakan. Ya sila Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dalam membahaskan satu usul yang disegerakan iaitu berkaitan dengan kejadian kes penculikan yang terbaru membabitkan warga negara kita. Iaitu seorang wanita yang dikenali sebagai Thien Nyuk Fun berumur 50 tahun manakala seorang lagi dikenali sebagai Bernard Ghen Ted Fen berumur 39 tahun dari Sarawak. Wanita itu adalah ibu kepada pemilik Restoran Ocean King seperti mana yang dilaporkan dalam akhbar manakala Bernard pula ialah pelanggan restoran berkenaan yang datang untuk menikmati makanan malam bersama isteri dan rakan taulan mereka. Buat masa ini kita bersyukur kerana kedua-dua mereka berada dalam keadaan selamat walaupun telah pun disembunyikan oleh penculik di sebuah Pulau Jolo, selatan Filipina.

Saya difahamkan kedua-dua keluarga mangsa culik yang dilarikan dari Restoran Ocean King sudah dihubungi oleh penculik yang menuntut wang tebusan dengan jumlah yang agak besar. Apa pun kejadian Khamis lalu mengulang kembali kejadian kes-kes jenayah rentas sempadan. Apatah lagi kes-kes ini membabitkan penculikan tawaran nyawa dan wang tebusan sebagai proses modus operandi kumpulan yang terbabit. Baru sahaja melewati dua bulan kisah Konstabel Zakia Aleip dibebaskan penculik pada 7 Mac yang lalu selepas kejadian penculikan itu berlaku pada 12 Julai 2014. Pantai Timur Sabah seolah-olah tiada noktah dalam soal pencerobohan. Sampai bila sebenarnya masalah pencerobohan ini akan terus berlaku walaupun kita menyedari geografi negeri Sabah mempunyai pantai sepanjang 14,400 kilometer.

Kalau diambil perkiraan Tuan Yang di-Pertua, perairan yang luas dan pesisiran pantai yang panjang itu sememangnya mudah dibolosi pengganas. Akan tetapi perlukah acap kali ia berlaku sehingga membabitkan rakyat Sabah terutama di kawasan pantai timur kami. Perlukah selalu Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri Sabah, kementerian yang berkaitan, sama ada Kementerian Pertahanan Dalam Negeri, tentera dan polis dikerah setiap masa apabila berlaku kes-kes penculikan sebegini? Lama-lama rakyat Sabah

sudah rasa tidak selamat Tuan Yang di-Pertua. Tidak aman damai, tiada kemakmuran yang akhirnya boleh memberi kesan tidak baik bagi tempoh jangka panjang.

Sejak peristiwa 1 Mac dan 2 Mac yang lalu di Kampung Tanduo, Lahad Datu dan Kampung Simunul, Semporna. Kisah-kisah penculikan itu semakin ketara seperti 15 Jun 2014 di mana pengurus ternakan ikan dalam sangkar Chan Sai Chun diculik oleh empat orang lelaki yang bertopeng dan bersenjata api dari rumah atas air di pusat ternakan ikan di Kampung Air Sapang kira-kira 120 kilometer dari Tawau. Bagi kes-kes yang berlaku pada 6 Mei 2014 pula membabitkan seorang rakyat warga China yang diculik di Pulau Batik kira-kira 1.5 kilometer dari daratan Silam dekat Lahad Datu.

Tuan Yang di-Pertua, ini sebahagian kes-kes yang di lapor dalam akhbar arus perdana. Saya percaya masih banyak lagi kes penculikan, pencerobohan merentas sempadan yang dikenal pasti dan tidak dilaporkan. Soalnya sekarang ialah rakyat semakin mempersoalkan tahap keselamatan negeri Sabah. Kita sebagai wakil rakyat kena berdepan dengan rakyat bagi menjawab persoalan-persoalan itu. Rakyat Sabah saya kira sudah muak dengan pelbagai ikrar dan kenyataan sebelum ini untuk memperketatkan lagi kawalan bagi mengelak pencerobohan warga asing.

Pada 10 Oktober 2014 yang lalu, dalam pengumuman yang telah di umum oleh Kerajaan Pusat melalui peruntukan RM660 juta kepada ESSCOM menerusi bajet pada tahun ini 2015 merangkumi penambahan dua batalion PGA dan juga ATM, kelengkapan operasi pertahanan dan keselamatan serta penempatan semula perkampungan air di Semporna dan Sandakan secara berperingkat-peringkat.

Sesudah itu radar berkeupayaan tinggi, kamera penglihatan malam dan bot laju antara aset-aset yang di canang dan ditempatkan di ESSZONE. Malah awal tahun 2015 Kementerian Pertahanan Brunei negara jiran kita Tuan Yang di-Pertua, hendak menyerahkan empat helikopter S-70A Black Hawks bagi memperkuuhkan pertahanan udara ESSZONE.

Sebelum-sebelum ini Kapal Bunga Mas 5 milik MISC sudah tiba di Sabah dengan peranan sebagai kapal induk manakala sekurang-kurangnya empat pelantar minyak terpakai dijadikan sebagai pangkalan operasi hadapan di ESSZONE. Kita mendapat maklum adakah kelengkapan operasi bot laju dan bot tempur petir di samping ada cadangan hendak meletakkan atau membeli helikopter tempur sama ada di kawasan ESSZONE dan juga ESSCOM. Tuan Yang di-Pertua, apa sudah jadi dengan aset-aset ini? Ini persoalan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat membaca, mendengar dan juga melihat apa tindak tanduk kerajaan dalam memastikan pelaksanaan ESSZONE dan ESSCOM,

membuahkan hasil yang positif. Kita rakyat Sabah sebenarnya bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat. Namun, kita berhadapan dengan penjenayah, pengganas dan militan tentera warga asing yang mudah menceroboh ke negara kita. Ini satu persoalan yang besar di sini Tuan Yang di-Pertua.

Mana boleh kita mahu berkompromi dalam hal ini. Ini soal kedaulatan negara Malaysia, soal kedaulatan negeri Sabah dan soal kedaulatan rakyat jelata, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak cukup anggota tentera, kita tambah anggota tentera lagi. Kalau tidak cukup anggota, kita ambil anggota tentera yang baru. Ini bukan soal emosional Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kita jangan selalu mendabik dada walaupun sentiasa berada dalam keadaan tahap kesiapsiagaan yang tinggi.

#### ■1550

Perlu ada strategi di luar kotak dalam menghadapi kes-kes jenayah rentas sempadan ini. Saya juga ingin hendak bertanya soal perintah berkurung di Pantai Timur Sabah Tuan Yang di-Pertua. Kalau dilihat kejadian terkini yang berlaku tempoh hari, ia berlaku sekitar 7.45 malam sedangkan waktu perintah berkurung biasanya bermula pada tujuh malam hingga lima pagi atau enam pagi. Jadi bagaimana kerajaan atau kementerian hendak menerangkan perkara berkenaan? Bagaimana ada kebocoran yang mana di masa waktu perintah berkurung Tuan Yang di-Pertua? Setakat ini saya difahamkan sudah memasuki fasa yang kesembilan perintah 19, perintah kurung dilaksanakan di Perairan Enam Daerah ESSZONE yang membabitkan Daerah Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau yang bermula tiga batu nautika daripada pantai.

Pelaksanaan perintah berkurung ini kalau hendak ikutkan ialah menjamin keselamatan dan kesejahteraan pengguna perairan pelancongan dan rakyat jelata di ESSZONE di samping memudahkan penguatkuasaan terhadap jenayah rentas sempadan ini termasuklah penyeludupan manusia, dadah dan juga senjata api. Perintah berkurung ini saya difahamkan bermula pada bulan Julai tahun 2014 yang mana mengikut seksyen 31(4) Akta Polis 1967.

Jadi saya dan rakyat Sabah tidak nampak mengapa pelaksanaan perintah berkurung ini tidak berkesan dalam soal memerangi jenayah rentas sempadan ini. Di mana silapnya? Di mana kurangnya Tuan Yang di-Pertua? Sepatutnya perintah berkurung ini memudahkan pasukan keselamatan menjalankan tugas selain mengenal pasti bot atau kapal asing yang cuba menceroboh ke perairan negara.

Jadi, di mana sebenarnya kawasan kawalan atau *control area* dengan izin patut beroperasi? Soal ini penting kerana kita perlu tahu siapa yang masuk atau keluar sama ada yang perlu kebenaran atau mempunyai permit polis. Setakat manakah sebenarnya saluran dan juga prosedur operasi standard (SOP) komunikasi ESSCOM untuk

dicentralizedkan sesudah pihak berwajib dalam ESSZONE atau ESSCOM mengenal pasti laluan khas *designated route* dengan izin di kawasan perairan yang berisiko termasuklah memantau dan mengawasi pergerakan bot dan kapal mengikuti laluan yang dibenarkan sahaja. Ini semua perlu dilihat dan diambil kira. Apakah pasukan keselamatan kita telah mengambil kira dalam hal ini ataupun buat-buat tidak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi? Ada pembahas lainkah Yang Berhormat atau seorang sahaja?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, bagi peluanglah ini.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Daripada Yang Berhormat Kinabatangan juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tetapi Yang Berhormat kena berhenti baru saya boleh panggil Yang Berhormat Kinabatangan Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, kita juga hendak tahu dalam penculikan terbaru ini, siapa Kumpulan Muktadir Brothers ini yang selalu aktif dalam aktiviti jenayah rentas sempadan termasuk empat kes culik di Pantai Timur Sabah sejak dua tahun lalu? Katanya, Muktadir Brothers ini diketuai oleh Badong Muktadir, 40 tahun dan serta adiknya Nikson, 30 tahun berasal dari Tawi-Tawi Selatan Filipina dan dikatakan ada hubungan rapat dengan Kumpulan Abu Sayyaf yang aktif dalam penculikan bagi mendapatkan wang tebusan.

Mengikut dalam laman web Pusat Pencegahan Keganasan Kebangsaan Amerika Syarikat, Kumpulan Abu Sayyaf adalah kumpulan pemisah yang ganas dan ada kaitan dengan Jemaah Islamiyah (JI). Semua elemen ini perlu dikaji semua. Perlu ada penyelidikan yang lebih dalam. Ini termasuklah elemen-elemen orang dalam. Orang dalam dan juga tali barut yang mungkin memainkan peranan bagi memudahkan kegiatan-kegiatan penculikan ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak memberitahu dalam Dewan yang mulia ini, pasukan keselamatan bukan setakat memerlukan helikopter tempur sebaliknya pendekatan secara menyeluruh dalam soal meningkatkan elemen termasuk perisikan dan juga penyelarasaran penugasan. Saya selari dengan pandangan bekas Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud yang berpendapat penempatan helikopter tempur di Zon Selamat Timur Sabah ESSZONE bukan jawapan bagi menangani isu keselamatan di Pantai Timur Sabah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, isunya sekarang bukan setakat perlu aset yang canggih. Itu Cuma satu elemen yang kecil. Sebaliknya kita perlu tingkatkan secara menyeluruh termasuk perisikan dan selaraskan tugas-tugas penugasan. Selain itu juga kita perlu dengan adanya tatacara penggunaan. Jadi jika ada helikopter tempur sekali pun tetapi penggunaannya tidak betul masih tidak boleh diselesaikan masalah-masalah keselamatan.

Akhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa satu perkara lagi iaitu berkenaan dengan di negeri Sabah ada mempunyai sebuah universiti yang telah membuat satu program saya kira satu program dalam masa jangka panjang yang dikenali sebagai SIRC di mana setiap pulau-pulau yang terbabit telah mendapat penyelidikan daripada Pusat Penyelidikan UMS yang mana potensinya bagi tujuan pembangunan ekonomi, pelancongan dan juga strategik.

Saya melihat program ini amat baik Tuan Yang di-Pertua di mana ia dibuat dalam soal dua aspek. Satu, pembangunan soal-soal sains dan juga bukan sains. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dalam soal jangka panjang ini, penyelidikan ini yang dibuat oleh pihak UMS perlu mendapat perhatian daripada pihak-pihak berkenaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pertimbangan dan juga jawapan penjelasan daripada pihak kerajaan tentang menangani soal-soal keselamatan di negeri Sabah yang mana hari ini mendapat perhatian dan perlu diberi perhatian yang serius apatah lagi kita melihat keselamatan ini adalah penting bagi menjaga kedaulatan negara kita secara umumnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Adakah lagi yang daripada – baiklah, lima minit Yang Berhormat Kinabatangan, lima minit Yang Berhormat Tuaran, selepas itu lima minit Yang Berhormat Sandakan.

#### 4.47 ptg.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk membantu rakan saya daripada Tenom iaitu– dan saya berterima kasih sebab usul ini diterima. Pada satu ketika, kerajaan telah memberi jaminan Tuan Yang di-Pertua iaitu keselamatan rakyat Malaysia di Sabah melalui ESSCOM dan ESSZONE terjamin dengan ratus-ratus juta di umum tetapi apa yang berlaku, penculikan. Ini bermakna ESSCOM gagal. Jaminan itu tinggal janji kosong. Itu yang rakyat Sabah beritahu saya. Dia marah. Dia kata, “*Yang Berhormat, kami di kampung ini mungkin bila-bila masa kena culik*”. Bayangkan kalau di pinggir bandar empat orang mengguna

pakaian celorong tanpa tutup muka dengan membawa laras senjata yang panjang boleh pilih siapa dia tangkap, siapa dia culik, bermakna kerajaan menangani keselamatan di Sabah gagal.

Kita diberitahu RM660 juta tetapi saya tanya di mana RM660 juta? Pengarah Unit ESSCOM meminta RM150 juta bagi kepada ESSCOM untuk dia selaraskan program ESSCOM untuk mencegah penculikan dan sebagainya, kerajaan tidak dengar. Kita minta pegawai ESSCOM bertugas. Bertugas tetapi tidak ada apa-apa. Bot tidak ada. Tak usah cakap helikopter. Kalau...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Bangun]**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sekejap Yang Berhormat Putatan, sekejap saya bagi. Kalau di Amerika Tuan Yang di-Pertua, *border* dia, helikopter dia *non stop* ronda, tetapi kita tidak ada. Sila Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini soal ESSCOM. Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya dari Kinabatangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soal pelaksanaan, penjagaan dan keselamatan di negeri Sabah ini, ini kita belum pasti siapa yang sebenarnya yang berkuasa? Adakah ia Majlis Keselamatan Negara, KDN, APMM, apa lagi? Polis, askar, tiada bekerjasama. Menteri di sini yang sebenarnya menjaga ESSCOM ini patut memberi jawapan yang sejelas-jelasnya. Dulu ada janji Yang Berhormat janji, beli *drone*, beli helikopter yang seperti Yang Berhormat sentuhkan tadi. Mana sudah aset-aset ini? Sampai Ketua Menteri Sabah pun bertanya, di mana sudah aset-aset ini? Bila yang boleh kita dijaminkan keselamatan ini? Minta penjelasan.

■1650

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sekejap saja penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan.

Berkaitan dengan soalan tadi, pada 25 Jun 2014, enam individu yang ditahan di Kunak kerana disyaki merupakan ahli militan Sulu, satu daripada dua orang adalah seorang anggota polis berpangkat koperal. Bolehkah kita lagi percaya kepada sekuriti kita kalau ada militan sudah memasuki dan mencerobohi pihak keselamatan kita? Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Putatan dan juga Yang Berhormat Penampang. Ini perkara-perkara walaupun mungkin romba, perlu dilihat, perlu dikaji oleh pihak penguat kuasa. Kalau tidak, keyakinan rakyat itu sudah tentu pasti akan hilang. Saya mahu bukan lagi jaminan daripada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan. Saya mahu kata mesti dikota. Janji mesti ditepati. Akan

ada lagikah penculikan berlaku selepas ini? Kalau akan ada, kenapa tidak dihalang? Apa puncanya kerajaan tidak boleh menghalang perkara begini berlaku?

Ini kerana saya sendiri rasa tidak selamat. Saya mahu menjalankan kewajipan saya selaku wakil rakyat menggunakan bot, menggunakan macam-macam, nanti lama-lama saya kena culik, Tuan Yang di-Pertua. Nasib baik 14 hari bulan tidak ada di antara kita wakil rakyat yang duduk makan di restoran itu. Kalau ada, kita orang yang pertama diculik.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri ambil perhatian perkara ini dan bagi peruntukan yang cukup kepada ESSCOM. Bagi dengan Pengarah dia sendiri. Jangan lagi ada orang tengah menentukan apa yang mahu dicanang di ESSCOM itu sendiri. Bagi dengan Datuk Rashid, Ketua Pengarah dia sendiri peruntukan yang ada ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tuaran.

#### **4.52 ptg.**

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, apabila insiden penculikan dua individu ini berlaku, yang menariknya ialah reaksi, pertamanya daripada IGP dan lepas itu reaksi daripada KDN khususnya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pengurus Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah iaitu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah melahirkan kekesalan tentang kekurangan aset. Kenapa tidak ada ini, itu, ini, helikopter dan sebagainya, bermacam-macam. Respons Yang Berhormat Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah untuk mendapatkan aset ini pembeliannya mengambil masa dan sebagainya.

Akan tetapi kita di Dewan ini dalam Bajet 2015, kita ada meluluskan RM660 juta untuk tujuan mempertingkatkan lagi keselamatan negeri Sabah. Yang kita ingin tahu pada hari ini ialah apakah yang telah dibeli dengan duit RM660 juta itu? Saya mohon Yang Berhormat Menteri supaya perincian dalam jawapan nanti satu persatu apakah yang telah dibeli sebab kita merasa kecewa, ini baru bulan lima. Saya difahamkan sebenarnya RM660 juta itu sudah dibelanjakan. Ini yang amat mengecewakan sebab ini belum akhir tahun. Saya ingin tahu apakah yang dibelanjakan RM660 juta itu.

Saya juga ingin tahu dengan peruntukan sebanyak...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua, tolong boleh mencelah sekejap Yang Berhormat Tuaran. Sekejap.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Silakan, silakan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya dari Tuaran. Setujukah Yang Berhormat Tuaran bahawa lanun ataupun penculik semua ini adalah mengguna *low technology*, mereka pakai sampan ataupun bot kecil memasuki kawasan? Setuju jugakah kalau Yang Berhormat Tuaran mencadangkan bersama kita untuk menjualkan jet kerajaan ini dan membeli helikopter daripada duit yang dijual? Terima kasih.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Yang pertama itu saya bersetuju. Yang kedua itu saya tidak berapa bersetuju sebab tiada kaitan. Akan tetapi soal hari ini ialah duit RM750 juta yang sudah pun diperuntukkan untuk tahun lepas. Saya juga ingin tahu perincian apa yang telah dibeli dengan RM750 juta tersebut.

Kemudian yang keduanya respons daripada IGP. IGP telah mencadangkan supaya aktiviti *barter trading* sama ada yang sah atau tidak sah dihentikan kerana ada pihak yang mengambil kesempatan melakukan jenayah ketika sedang bertukar barang. Pokoknya, cadangan ini, apakah satu cadangan, satu tindakan sedemikian rupa yang berbentuk reaksi tanpa kajian akan tidak ada implikasi terhadap banyak hal di negeri Sabah? Ekonomi dan banyak lagi hal. Kenapa sewenang-wenang? Apakah selama ini dengan pelbagai strategi yang telah dilaksanakan oleh pihak ESSCOM dan sebagainya, hal-hal seperti ini tidak diambil kira?

Sebab itu kita merasa kecewa kerana strategi-strategi yang dilaksanakan adalah strategi-strategi yang *an afterthought*. Perkara yang tidak diperincikan, dipertimbangkan, tidak dikaji dan sebagainya dan tidak dipadankan dengan peruntukan kewangan yang tersedia oleh pihak kerajaan.

Satu lagi, tiba-tiba satu cadangan lagi bot-bot yang berkapasiti 40 *horse power* mahu diharamkan.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat Tuaran, kawan sebelah. Sibuti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, masa tidak banyak Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Sikit saja, sikit.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Okey. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyokong apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Tuaran ini sebab perairan Sabah ini sama seluas perairan Sarawak. Kita tahu janji untuk membeli alat-alat ini perlu sebab bukan hanya masyarakat di Sabah itu sahaja yang kita hendak jagakan, sedangkan pelantar-pelantar minyak yang banyak di lautan Sabah itu mesti dijagakan

juga sebab itu adalah aset negara yang memberikan *revenue* yang besar untuk negeri Malaysia. Macam mana pandangan Yang Berhormat untuk menambahkan secepatnya alat-alat yang diperlukan ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat Yang Berhormat Tuaran, Tuan Yang di-Pertua. Soal yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi soal aset yang perlu diperolehi oleh pihak ESSCOM. Dulu apabila kita tanya beberapa kali Yang Berhormat Menteri, kita bercadang supaya *surveillance* itu dilengkapkan dengan *drone*. Jawapan dia, oh, kita sudah ada, tapi sekarang mahu tanya, adakah *drone* ini sudah diperolehi?

Dan bot-bot yang kecil-kecil ini, yang *pump boat* ini kononnya diharamkan. Jadi ini soal pengharaman ini, sebenarnya Yang Berhormat, ini akan menjadi diketawakan oleh rakyat Sabah kerana kalau ada masalah ini, haramkan bot kecil, ini mana ada masuk akal, Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Tuaran, habiskan Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Okey terima kasih Yang Berhormat Putatan. Itu sebahagian daripada ucapan saya dan yang daripada Yang Berhormat Sibuti juga sebahagian daripada ucapan. Tidak saya ada jawapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat ya.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Ya. Yang dicadangkan tadi itu yang mengharamkan itu, sekali lagi, satu cadangan yang tergesa-gesa, tidak ada kajian dan yang jelas sebenarnya, ini menuding jari di antara satu agensi dan yang lain. Adakah ini ESSCOM, adakah ini polis, adakah ini? Apakah kita begitu lemah sehingga tidak ada penyelarasannya di antara agensi-agensi penguat kuasa keselamatan yang terlibat.

Dalam hal ini, jelas bahawa lokasi *Ocean King Restaurant* itu adalah terletak di luar kawasan ESSCOM, tiga kilometer di dalam. Ini jelas di bawah tanggungjawab OCPD, di bawah tanggungjawab polis. Yang mengecewakan kita dan menakutkan kita, mengkhawatirkan kita, satu reaksi juga daripada Kementerian Dalam Negeri yang mengatakan kejadian dipercayai berlaku ketika pertukaran waktu bertugas polis. Ini begitu mengkhawatirkan. Apakah tidak ada penyelarasannya ketika pertukaran tugas?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat.

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Ya. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sudah dibuat *curfew* dan sudah dikatakan satu *special lane* yang dibenarkan dan

sebagainya, kalau tidak ditembak. Akan tetapi selama ini kita sudah mengatakan bahawa sebenarnya musuh-musuh kita ini sudah di dalam... *[Disampuk]* Memang sudah di dalam dan sebab itu masalah yang lebih besar lagi berkaitan dengan orang asing ada kad pengenalan dan sebagainya. Ini kerana kita mahu supaya pihak keselamatan, pihak polis dan semua agensi yang terlibat ini supaya mempertingkatkan lagi bukan saja dari segi perisikannya tetapi juga keupayaan dari segi – kalau hari ini kita menangkap semua pendatang asing yang tidak ada dokumen ini, apakah kita mempunyai tempat tahanan yang mencukupi?

**■1700**

Ini juga memerlukan peruntukan dan saya mohon supaya daripada RM660 juta itu diperuntukkan untuk membina bangunan-bangunan tahanan tambahan yang baru. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Sandakan, lima minit.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penculikan kali ini adalah luar biasa sedikit dengan lain-lain insiden penculikan. Dahulu yang kita dapati penculik ini di pulau-pulau. Akan tetapi kali ini di darat Sandakan. Saya fikir penduduk-penduduk di Sandakan semua tidak berasa selamat.

Dalam masa perintah berkurung, kita tidak tahu mengapa insiden ini boleh berlaku. Lebih-lebih lagi di Sandakan mempunyai pangkalan PDRM, pangkalan Marin, pangkalan tentera laut dan pangkalan APNM. Sepatutnya lagi Sandakan adalah terletak di Murah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Muara.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ini hanya terdapat satu laluan sahaja. Laluan keluar dan masuk, mengapa ini boleh berlaku? Tadi Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah sana pun sudah banyak sebut masalah-masalah. Di sini saya mencadangkan lima inisiatif yang diharapkan dapat membantu kerajaan menambak baik keselamatan Sabah dan menyelesaikan masalah dengan menyeluruhnya.

Pertama, kerajaan harus mengambil langkah yang lebih agresif dan ofensif untuk menentang pencerobohan kumpulan pengganas tersebut melalui kerjasama serantau antarabangsa termasuk kerjasama dengan Kerajaan Filipina. Jangan hanya tunggu menunggu dan bertahan sahaja tanpa mengambil tindakan selanjutnya. Kita ini satu tindakan harus diambil.

Kedua, meningkatkan bilangan akses. Tadi Ahli-ahli Yang Berhormat sudah sebut seperti helikopter, *Automatic Identification System* dan radar sebagainya yang canggih.

Kita hairan, apabila Ketua Menteri Sabah kini baru minta helikopter, tidak ada helikopter yang aset yang penting sekali untuk mengejar apa-apa yang berlaku di laut.

Ketiga, kerajaan harus mengatasi isu pendatang asing tanpa izin di Sabah. Ini bukan sahaja harus menghalang kemasukan PATI di Sabah, tetapi juga harus menyemak semula pemegang-pemegang kad pengenalan melalui projek IC memandangkan dakwaan ramai PATI telah memperoleh kad pengenalan sebagai warganegara di mana kumpulan ini tidak mempunyai taat setia kepada negara kita. Kerajaan Malaysia harus mengeluarkan IC semula kepada Sabahan yang tulen, menarik balik semua IC yang diperoleh secara haram oleh PATI. Bagi pekerja asing yang sah, kita perlu memberikan permit kerja.

Tuan Yang di-Pertua yang keempat, menyelesaikan isu kedaulatan Sabah dengan pihak Filipina supaya pihak dari negara jiran tidak lagi menganggap Sabah sebagai negara mereka. Baru-baru ini Presiden Filipina masih menegas pihak Filipina tidak akan putus asa menuntut Sabah. Beliau rasa masalah ini agak buruk didalangi sebagai langkah yang lebih holistik supaya masalah ini pencerobohan akan berakhir selamanya.

Kelima, sebahagian yang telah dicadangkan dari Pakatan Rakyat dalam sebuah memorandum berikutan penculikan di Semporna pada tahun yang lalu yang mencadangkan supaya menambah akses tentera dan anggota pertahanan negara ditambahkan dengan adil. Sekurang-kurangnya separuh daripada kesemua akses ditempatkan di Sabah memandangkan Sabah kini menghadapi ancaman yang besar.

Bukan sahaja Menteri-menteri memberitahu aset-aset itu tidak boleh dibeli Sabah dengan segera dan juga kita harap pemimpin-pemimpin dan penguat kuasa mempunyai satu sikap yang bertanggungjawab. Kita tidak mahu dengar kenyataan daripada pemimpin berkuat kuasa seperti Sabah masih selamat. Penculikan berlaku hanya sekali setahun sahaja seperti yang tadi disebut bagi berhenti ekspatriat. Ini semua tidak wajar. Sepatutnya pemimpin ini meminta maaf kepada rakyat dan janji berusaha lebih lagi untuk menjamin keselamatan Sabah. Ini saya fikir yang boleh bantu kita meningkatkan dan menjaga keselamatan ini.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya Yang Berhormat Sandakan. Bolehkah Yang Berhormat Sandakan bertanya dengan Yang Berhormat Menteri jika Muktadil Brothers ini yang dikaitkan dengan penculikan baru-baru ini, ada berkait dengan *Royal Sulu Force* dan dua anggota *Royal Sulu Force* yang telah ditembak mati di Daerah Penampang pada awal tahun lepas. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sandakan, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin ESSCOM mahu mengkaji semula dia punya SOP Operation. Kita dapat tahu dapat banyak aduan dari *public* di Sandakan. Memandangkan ini operasi yang dilakukan anggota ESSCOM yang mengatakan operasi di bandar, di kilang dan sebagainya mengganggu perniagaan.

Ada anggota ESSCOM kelakuan ini tidak berkesan tentang pintu *business* peniaga dan mengganggu pekerja-pekerja yang biasa di *office* dan sebagainya. Saya fikir ini satu bidang. Kita mesti siasat. Kita juga dapat tahu sekumpulan anggota ESSCOM ini pada masa operasi, dia menangkap semua pendatang asing tanpa izin tidak kira dia ada *working permit* atau tidak, semua ditarik balik. Ada *working permit* pun ditangkap balik. Jadi ini pun mengganggu *business*. Saya harap penguat kuasa ini *to be more considerate*. *Business* Sandakan sudah menurun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Jadi harap, penguat kuasa atau ESSCOM boleh berjaya menahankan keselamatan di Sandakan. Jadi di sini saya ucapkan terima kasih. Walaupun saya tidak puas hati usul saya yang *di hijack* oleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.  
[Dewan riuh]

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Saya mahu menyebut di sini, Yang Berhormat Tenom tidak masuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, / *couldn't understand you...*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini menunjukkan Ahli Parlimen Sandakan lemah.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Saya ada di insiden ini selepas ini *15 minutes*. Sampai sini pukul 1.00.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Tuan Yang di-Pertua, betul-betul tidak logik Yang Berhormat Tenom yang buat. Mana datang logik? Dia keluar sahaja.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Isu Sandakan curi buat apa.....

[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya sudah buat baik Yang Berhormat. Tidak apa. Bukan begitu. *Let me clear this.* Yang Berhormat, *Let me clear this.* Yang Berhormat Sandakan kemukakan usul untuk hari Isnin, *clash* dengan Yang Berhormat Pokok Sena. Kemudian kemukakan balik untuk hari Selasa *clash* dengan Yang Berhormat Sungai Siput,

#### ■1710

Kenapa *clash*? Usul peraturan mesyuarat, mana usul yang terdahulu diterima oleh pejabat SUDR dan pejabat Speaker. *That's it. Don't blame the Speaker. This is* peraturan mesyuarat. Dia begitu. Peraturan mesyuarat, siapa yang kemukakan usul, *first come first serve*, itu yang diurus oleh Speaker. *Clash* dengan Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Pokok Sena *first day*, *clash* dengan Yang Berhormat Sungai Siput *yesterday and then again today clash* dengan itu. *You check record SUDR.* Yang Berhormat Seputeh, *you keep quiet please.* Check dengan pejabat SUDR. *Stop accusing the Speaker. It's not good. I know this is important to you, but don't accuse the Speaker. Go and check the administration at the office, please.*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ahli Yang Berhormat Sandakan ini dia memang pusing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, sila. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya selaku Menteri yang bertanggungjawab menjaga pengurusan ESSCOM, saya memandang serius kejadian penculikan di Restoran Ocean King, Sandakan pada 14 Mei yang lepas. Saya menerima kekecewaan rakyat Malaysia, terutamanya rakyat Sabah tentang kejadian ini. Namun, isu keselamatan di Pantai Timur Sabah memerlukan penglibatan semua pihak, termasuk Kerajaan Philippines serta komuniti di ESSZONE. Ini kerana masalah keselamatan yang wujud telah diwarisi sejak beberapa dekad yang lalu.

Berikut adalah beberapa faktor yang menyumbang kepada jenayah di ESSZONE:

- (i) Kehadiran PATI yang ramai yang bersedia bersekongkol dengan penjenayah;
- (ii) Kewujudan jaringan jenayah yang terancang;
- (iii) Ketidakseimbangan taraf sosioekonomi Malaysia dan negara jiran yang menjadi *pull factor*, dengan izin ke Sabah;
- (iv) Ketidakmampuan pihak berkuasa Philippines mengawal sempadan selatan Philippines;

- (v) Tuntutan ke atas Sabah yang sentiasa dicabar melalui pencerobohan-pencerobohan, di mana *proximity* persempadanan membolehkan jenayah *to jump from jurisdiction to another*, dengan izin.

Sejak penculikan pada 12 Julai 2014 di Pulau Mabul, ESSCOM melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membendung kejadian penculikan dari berlaku. Selama hampir 10 bulan ESSCOM telah mematahkan sekurang-kurangnya enam cubaan penculikan, khususnya di perairan Semporna, Telukan Lahad Datu hasil daripada pelaksanaan perintah berkurung, penguatkuasaan dan juga *engagement* yang dilaksanakan. ESSCOM telah memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang kerap menjadi sasaran penculikan seperti pusat-pusat peranginan, kawasan sangkar ikan yang terpencil di perairan Telukan Lahad Datu dan Semporna.

Saya bersetuju insiden penculikan di Sandakan baru-baru ini tidak dijangkakan. Ia juga berlaku di luar kawasan perintah berkurung iaitu dalam kawasan tiga batu nautika, di mana pergerakan dibuat dari dalam dengan bantuan tali barut mereka. Penjenayah telah beralih sasaran dari Telukan Lahad Datu, Semporna ke Sandakan oleh kerana sukar mencari sasaran di kawasan yang dikawal oleh ESSCOM.

Untuk mengawal perairan ESSZONE sepanjang 1,733.7 kilometer dari Kudat ke Tawau bukanlah satu perkara yang mudah. Ekoran kejadian penculikan yang berlaku di Sandakan, ESSCOM telah mengambil pendekatan drastik seperti berikut:

- (i) Pendekatan jangka pendek iaitu langkah yang diambil ialah menghapuskan tali barut penjenayah rentas sempadan dan menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada berkaitan dengan *barter trade*. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, *barter trade* mengehadkan perniagaan kepada USD300 sebulan. Akan tetapi kita lihat *barter trade* sekarang telah melanggari had USD300 dan ada di antara mereka yang menjalankan perniagaan sampai berjuta ringgit;
- (ii) Bagi pendekatan jangka panjang, ESSCOM bercadang untuk menghapuskan atau mengharamkan sistem *barter trade*. Ini kerana di dapati sistem ini menggalakkan penyeludupan barang-barang haram yang berleluasa di Sabah. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Sarawak tidak ada *barter trade* tetapi Sarawak berjaya memajukan ekonomi mereka. Jadi, *barter trade* tidak menjamin bahawa dengan adanya *barter trade* kita boleh menjamin ekonomi

- yang lebih mantap di kawasan Sandakan. Ini sebab pendekatan yang kita ambil sekarang ini biarlah pendekatan yang menyeluruh supaya cadangan-cadangan ini diterima bersama. Kita tidak mahu bila kita ambil tindakan begini, yang ini kita minta dilonggarkan tetapi kalau ia mengancam keselamatan, kita harus ambil tindakan;
- (iii) Meningkatkan kewaspadaan aset dan juga penempatan, khususnya di pusat-pusat peranginan, sangkar ikan dan lain-lain lokasi yang difikirkan berisiko tinggi dengan meningkatkan aset penambahan.

Kemudian kita juga seperti yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi, kerajaan telah memperuntukkan RM660 juta untuk meningkatkan keselamatan di ESSZONE. Daripada jumlah itu, ESSCOM telah diperuntukkan sebanyak RM69.9 juta iaitu RM17 juta untuk peruntukan mengurus, manakala RM48.9 juta pula ialah untuk pembangunan. Peruntukan selebihnya daripada RM660 juta itu disalurkan kepada agensi keselamatan yang lain seperti APMM, tentera dan juga polis. ATM telah menerima peruntukan sebanyak RM83.5 juta, APMM telah menerima peruntukan sebanyak RM433.2 juta, manakala PDRM memperoleh RM78 juta. Peruntukan ini ialah untuk pelaksanaan pelbagai projek pembangunan termasuk pembelian aset. Perolehan dan pembelian aset perlu melalui beberapa proses pentadbiran dan juga tatacara kewangan. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, bahawa kementerian...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh mencelah?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekejap, saya hendak habis sedikit Yang Berhormat Kinabatangan. Pembelian aset ini perlu disegearkan, maka pihak kerajaan sedang merancang untuk membeli aset yang sedia ada. Maksudnya ialah aset yang telah siap untuk membolehkan kita meningkatkan aset yang sedia ada seperti yang telah saya sebutkan dalam Parlimen yang lepas. Silakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, agak-agak untuk keselamatan ini, apakah prosedur membeli aset ini tidak boleh dilonggarkan? Oleh sebab sementara menunggu, saya tengok banyak nyawa yang hilang. Jadi, kalau ini jadi perkiraan, prosedur pula yang menjadi pertimbangan kita, saya rasa itu bukan keputusan yang baik. Oleh sebab pemimpin yang bijaksana, kerajaan yang hebat, dia mengutamakan kepentingan rakyat. Prosedur-prosedur yang lain itu dia ketepikan. Kalau jawapan begitu sahaja, saya rasa tidak baiklah. Rugi rakyat menyokong kita. Jadi, jangan sampai rakyat hilang keyakinan menyokong kita pada masa-masa akan datang.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, biar saya jawab yang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut bangun.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ada beberapa aset, sebagai contohnya ialah pembelian kapal RM433.2 juta. Ini belum dibelanjakan lagi. Ini ialah pembinaan kapal dan pembinaan kapal ini telah pun dibuat secara runding terus dengan serta-merta. Akan tetapi prosesnya masih lagi berjalan dan pihak pembina kapal ini belum dapat membina kapal.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita bukan mahu kapal, kita mahu helikopter untuk buru pengganas. Itu sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya bercakap fasal RM660 juta. Penggunaan duit RM660 juta ini telah diperuntukkan kepada jabatan-jabatan yang telah saya sebutkan tadi iaitu untuk membina kapal dan juga pembinaan aset-aset yang lain kepada polis dan juga tentera. Berhubung dengan pembelian helikopter, ini telah pun dijawab oleh pihak ATM dan saya percaya ini ialah yang mereka akan lakukan. Semua...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...perolehan untuk ESSCOM...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri, soal pembelian aset ini walaupun ada peruntukan yang sudah ada, walaupun Yang Berhormat Menteri sentuh tentang pembelian kapal, yang keperluan sebenarnya apa yang paling penting untuk menjaga keselamatan? Dahulu kita telah pun bertaklimat beberapa kali soal *surveillance*, soal menutupkan lorong-lorong laluan, pelantar-pelantar, duit sudah disediakan.

■1720

Jadi, apakah alat-alat atau aset-aset yang sudah diperolehi? Itu kita mahu tahu. Dulu janji beli dron, sudah ada beli. Akan tetapi sekarang dinyatakan tidak ada. Rakyat memerlukan jawapan yang betul-betul ikhlas. Adakah aset-aset ini telah diperolehi?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Menteri, kalau boleh Yang Berhormat Stampin, yang berkenaan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Bila kerajaan meluluskan peruntukan, kita tidak dapat mendapatkan aset itu serta-merta Yang

Berhormat. Kalau kapal kita kena bina, bot juga kita kena bina tetapi atas keperluan yang mendesak, kerajaan sedang menimbangkan untuk membeli bot yang sudah siap, kapal yang sudah siap sudah pasti tidak mungkin kita boleh dapat tetapi kapal baru akan dibina dan kita jangka akan siap seperti mana yang telah ditetapkan.

Akan tetapi sekarang ini kita tengah mempertimbangkan untuk membeli aset iaitu bot terutamanya yang sudah siap sebab yang lain Yang Berhormat sedia maklum, walau apa pun peruntukan yang kita dapat kita kena melalui proses pembinaan tetapi soal peruntukan ini ialah kita akan uruskan sebagaimana yang telah ditetapkan. Akan tetapi perkara yang besar di hadapan mata ialah bagaimana kita hendak menghadapi jenayah rentas sempadan yang sedang berlaku sekarang.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau Yang Berhormat beri peluang sedikit saya jawab yang ini dulu, lepas itu Yang Berhormat boleh timbulkan. Ini jangka panjang saya sebutkan tadi ya. Ketiganya seperti yang saya telah sebutkan tadi, meningkatkan kewaspadaan aset dan juga penempatan khususnya di pusat-pusat peranginan.

Keempat, meningkatkan kesiapsiagaan aset dengan menggesa dan mempergiatkan pemberian bot, meningkatkan keupayaan risikan, meneruskan tindakan dan memberi ingatan kepada ketua-ketua masyarakat dan masyarakat itu sendiri untuk berganding bahu dengan ESSCOM seterusnya bersama-sama menangani soal keselamatan di ESSZONE. Bekerjasama dengan agensi lain untuk menyediakan tindakan susulan terhadap pendatang asing tanpa izin. Meneruskan usaha untuk mewujudkan kerjasama berkaitan di Philippines supaya mereka sama-sama memainkan peranan yang lebih ketara dalam mengawal selia pintu keluar masuk ke perairan mereka.

Yang Berhormat, saya hendak maklumkan Yang Berhormat, ini berhubung dengan PATI. Saya hendak beritahu tentang masalah yang kita hadapi. Daripada tahun 1990 sehingga hari ini seramai 407,878 PATI telah diusir daripada Sabah yang terdiri daripada 242,354 warga Philippines, 161,070 warga Indonesia dan 4,449 adalah rakyat daripada pelbagai negara. Dalam tempoh yang sama seramai 74,210 PATI telah balik ke negara asal masing-masing secara sukarela yang terdiri daripada Philippines 33,462 orang, Indonesia 39,914 orang dan juga lain-lain lagi.

Bilangan PATI yang masih berada di Sabah mengikut statistik semasa ialah sebanyak 200,000 orang. Jadi, berdasarkan kepada angka-angka tersebut, Yang Berhormat sedia maklum bahawa ia menimbulkan pelbagai masalah tetapi untuk mengatasi perkara ini, pihak kerajaan telah daripada Januari 2015 sehingga 17 Mei, kita

telah memeriksa sebanyak 32,173 PATI. Daripada jumlah tersebut, 3,668 telah ditahan kerana tidak memiliki sebarang dokumen.

Daerah Tawau mencatatkan tangkapan yang tertinggi iaitu sebanyak 1,437 diikuti Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan juga Kunak. Untuk mengatasi masalah kesesakan di pusat tahanan, kita akan menambahkan satu lagi pusat tahanan untuk membolehkan kita menempatkan PATI...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, kita tidak persoalkan tentang tahanan ini. Kita soal keselamatan kita, selamat kah tidak...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Setuju, setuju.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Nanti sekejap Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Berapa orang lagi kena culik?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, ini makluman ya. Untuk tujuan tersebut, kita meningkatkan urusan untuk menghantar mereka balik. Berhubung dengan apa yang saya telah sebutkan tadi, pemulihan dan juga pembelian aset. Walaupun ia melalui proses yang telah ditetapkan tetapi saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa *kidnap for ransom* ini ialah menjadi sebahagian daripada budaya kehidupan rakyat di Selatan Filipina.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** *[Bangun]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tiga orang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya hendak beritahu bahawa di Selatan Filipina sahaja, pada tahun sudah sebanyak 36 kes *kidnapping for ransom*, ini sebahagian daripada kehidupan. Dengan itu, kita lihat oleh kerana masalah ekonomi dan sebagainya ia menyentuh kepada negara kita.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Pertanyaan tentang aset kalau boleh Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kemudian, Yang Berhormat ya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Menteri, hendak tambah sedikit tentang aset, hendak bantu sedikit.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Stampin dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ada satu pertanyaan kerana ini saya memang tidak faham. Setahu saya, penculik ini mereka datang dengan sampan, bukan kapal besar bukan kapal selam. Sampan sahaja dan setahu saya kalau mereka datang dengan sampan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *high speed* sampan. [Dewan riuh]

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Ya, *high speed* sampan. Jadi, saya tidak faham, dengan sampan ini, dengan aset-aset yang kita ada itu seperti yang diberitahu oleh Kementerian Pertahanan bahawa kita memang ada satu pangkalan dron di Semporna lebih daripada sepuluh tahun. Di mana dron ini dilengkapi oleh alat-alat pengawasan yang begitu canggih sekali sehingga boleh mengawasi 1,400 lebih kilometer. Di mana aset itu? Kita bukan cakap kapal perang besar, kita cakap tentang sampan yang *high speed* ini. Di mana *ScanEagle UAV* yang telah pun kita beli daripada CTRM yang mempunyai peralatan yang begitu canggih. Takkanlah dengan *infrared* sahaja kita tidak boleh kesan sampan ini? Jadi, itu saya punya soalan, di mana aset yang telah pun berada di situ selama sepuluh tahun yang berpuluhan-puluhan *million* telah pun diperuntukkan kepada pangkalan dron di Semporna. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Menteri, saya sambung sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak banyak masa Yang Berhormat ya, 5.30 kena stop.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey, masa kecemasan ini. Untuk perhatian Menteri, saya hendak bawa kepada perhatian Menteri bahawa Ketua Menteri Sabah, Dato' Seri Musa Hassan telah mengatakan bahawa... [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Musa Aman Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Musa Aman, ya terima kasih. Ini kena laju, tersasul. Musa Aman mahu Kerajaan Persekutuan mempercepatkan penghantaran aset. Saya hendak bawa perhatian Menteri bahawa, ini kata-kata beliau ya, "*Saya telah menghubungi Perdana Menteri... ini penting antaranya meminta helikopter N3 yang ada di Kuala Lumpur dihantar ke Sabah*". Bermaksud ada beberapa aset yang memang dah ada. Sekarang masalahnya tidak hantar ke Sabah.

So, jangan Yang Berhormat Menteri *with due respect*, bukan semua aset-aset itu sedang dibuat, sedang diimport dan sebagainya. Ada benda dah ada di Kuala Lumpur, ini masalah hendak hantar sahaja. Saya menuntut penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya satu minit. Saya hendak menyentuh berhubung operasi oleh ESSCOM ataupun Polis Diraja Malaysia. Kalau kita lihat tanggungjawab ini telah bercelaru oleh kerana ini merupakan insiden di dalam negeri, sepatutnya Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab. Kita lihat kes ini berlaku di Sandakan dan maklumat kemudian kita lihat penculik telah bawa mangsa ke Pulau Jolo. Kalau kita lihat *map*, jauh Pulau Jolo daripada Sandakan mengambil masa lebih kurang satu jam atau satu setengah jam tetapi saya persoalkan apakah prosedur operasi pasukan keselamatan kita ini yang tidak boleh menutup sempadan perairan kita supaya penculik-penculik ini tidak boleh tebus balik ke Jolo. Ini merupakan satu kegagalan dan saya minta Menteri beri nasihat orang-orang di bawah supaya lebih awas dalam tindakan mereka. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak banyak masa.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan aset, kita telah gemblengkan aset daripada pelbagai agensi terutamanya ialah tentera, polis dan juga APMM untuk pergi ke sana. Saya bagi contoh, APMM mempunyai enam buah helikopter, satu diantar khusus ke kawasan ESSCOM. Termasuk juga bot dan juga kapal yang sepatutnya untuk kawasan-kawasan lain yang juga memerlukannya. Kita hantar ke kawasan ESSCOM.

#### ■1730

Akan tetapi apa yang menimbulkan persoalan sekarang ini ialah kenapa benda ini berlaku di mana ia dalam kawasan yang berdekatan dengan tentera laut dan juga *marine police* dan juga APMM dalam jarak yang dalam 30 minit begitu. Kenapa benda ini berlaku dan siasatan sedang diambil dan hasil siasatan akan dimaklumkan kepada orang ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itulah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Berhubung dengan apa yang menimbulkan kebimbangan Pengerusi Keselamatan Sabah, benda ini telah pun dibincangkan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya percaya pengumuman akan dibuat dengan segera. Jadi Yang Berhormat, kepada semua pihak, kita ingin beritahu bahawa kita akan cuba sedaya upaya, sebaik mungkin untuk nak pastikan supaya kawasan ESSCOM

ataupun kawasan ESSZONE yang sekarang ini yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa ESSCOM selamat dan dalam masa yang sama kita nak pastikan supaya kes yang berlaku ini dapat diatasi dengan segera.

Jadi Yang Berhormat, kegelisahan Yang Berhormat juga kegelisahan saya. Jadi Yang Berhormat tak perlu melihat bahawa kalau kita lulus sahaja peruntukan, semua boleh terjadi. Yang Berhormat, yang itu kita terima. Kita terima bahawa kita tidak dapat membeli aset tersebut dengan cepat tetapi kita tidak boleh mengatakan bahawa dengan itu maka benda ini boleh berlaku. Kita nak beritahu bahawa pihak keselamatan akan cuba dengan sebaik mungkin nak pastikan supaya benda ini kalau boleh tidak berulang dan kalau boleh kawasan ESSZONE yang mana kita ada perintah berkung ini selamat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau Yang Berhormat kata kenapa ini selamat, sekarang tak selamat. Yang Berhormat, bukan Yang Berhormat sahaja gelisah, saya pun gelisah. Kita nak pastikan supaya kawasan ini selamat dan dengan itu kita terpaksa gerakkan semua anggota keselamatan kita dan kita akan tambahkan lagi aset di kawasan lain untuk memberikan kawasan tersebut. Itu yang kita buat tetapi sekarang ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Sama ada ia menimbulkan tanda tanya kenapa ianya berlaku dalam kawasan yang berdekatan dengan marin, tentera dan juga APMM, itu sedang disiasat. Kita akan maklumkan kemudian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang sudah lepas jam 5.30 petang, Peraturan Mesyuarat 16(3), saya jemput Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab dengan habis sebentar tadi. Walau bagaimanapun, saya ingin maklumkan bahawa semua perkara yang ada berkaitan dengan perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat akan diambil tindakan dan dalam masa yang sama, saya akan juga memberi jawapan bertulis berhubung dengan perkara-perkara khusus terutamanya berhubung dengan aset. Jadi Yang Berhormat yang telah bercakap tadi, kita akan sampaikan secara bertulis dan juga dalam masa yang sama kita nak maklumkan bahawa usaha untuk meningkatkan kesukarelaan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Speaker pun senyum sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sabar. Meningkatkan kesukarelaan beruniform akan ditingkatkan. Dengan ini, saya membawa usul.

**USUL****MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M.16(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN****Mempercepatkan Pembinaan  
Jambatan Pekan Tuaran-Kg.Sawah****5.34 ptg.**

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya membuat ucapan penangguhan meminta kerajaan mempercepatkan pembinaan Jambatan Pekan Tuaran-Kg Sawah dan juga tiga buah lagi jambatan kritikal untuk merancakkan lagi pembangunan di kawasan yang terlibat demi keselesaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan rasmi Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak ke Daerah Tuaran pada bulan Februari 2013, beliau telah mengumumkan kelulusan projek pembinaan jambatan yang menghubungi Pekan Tuaran dan Kg. Sawah dengan anggaran kos lebih kurang RM30 juta dan dalam satu majlis perasmian Pertandingan Sepak Takraw Peringkat Negeri Sabah yang diadakan di Dewan Sri Sulaman, Tuaran, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah sekali lagi mengulangi pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut.

Dua pengumuman tersebut telah memberi harapan yang tinggi kepada penduduk kampung terutama sekali di seberang Pekan Tuaran seperti Kampung Limbungan, Kampung Sungai Damit, Kampung Sawah, Kampung Damat, Kampung Pitas, Kampung Tengkurangoh, Kampung Limbungan, Kampung Bantayan, Kampung Mangkaladoi, Kampung Rambai dan Kampung Bintangor.

Pada masa ini, Pekan Tuaran dan Kampung Sawah dihubungi dengan sebuah jambatan gantung yang semakin usang. Segala urusan penduduk dengan agensi

kerajaan di Pekan Tuaran amnya terpaksa melalui Pekan Tamparuli yang jaraknya 18 kilometer. Pembinaan jambatan ini bukan sahaja memudahkan penduduk kawasan berurusan dengan agensi kerajaan di Pekan Tuaran tetapi juga akan menjadi jalan pintas dari Pekan Tuaran ke Pekan Tamparuli di samping mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jalan Berungis–Pekan Tuaran.

Kajian menunjukkan bahawa masa yang diperlukan bagi perjalanan Pekan Tamparuli–Pekan Tuaran adalah 8 minit sahaja jika dibandingkan dengan melalui jalan raya sedia ada yang akan mengambil masa 30 minit. Kilang getah milik Lembaga Industri Getah Sabah juga berada di kawasan ini dan dengan pembinaan jambatan ini akan mengurangkan masa perjalanan mengangkut hasil ke pelabuhan Sepanggar. Anggaran pengguna harian adalah lebih kurang 5,000 orang. Selain daripada itu, pembangunan tanah di kampung-kampung yang saya sebut tadi juga akan dapat dipertingkatkan.

Satu lagi jambatan yang amat perlu dibina ialah Jambatan Kampung Namadan merentas Sungai Tuaran menghubungi Kampung Malanggang Baru, Kiulu. Isu pembinaan Jambatan Namadan sebenarnya telah sekian lama menjadi harapan dan impian penduduk di kawasan terlibat dan menjadi topik penting semasa kempen dalam PRU-13 yang lepas. Jambatan tersebut akan memberi keselesaan kepada penduduk Kampung Namadan, Kampung Bambangan Lama, Kampung Bambangan Baru, Kampung Lingga dan Kampung Tombung.

Anggaran hasil pertanian industri getah adalah lebih kurang 200 metrik tan dalam masa satu bulan. Dengan adanya jambatan ini akan menyelesaikan masalah pengangkutan yang dihadapi oleh penduduk yang berjumlah lebih kurang 2,200 orang meliputi kawasan perkampungan Kampung Malanggang Baru, Malanggang Lama, Kampung Tombung, Kampung Bambangan Lama, Kampung Bambangan Baru dan Kampung Bayag. Anggaran kos pembinaan ialah lebih kurang RM7 juta.

Pembinaan Jambatan Pekan Kiulu - Bayag dan kawasan di sekitarnya tersebut dipisahkan dengan Pekan Kiulu oleh Sungai Tuaran dan hanya dihubungkan oleh sebuah jambatan gantung yang semakin usang. Dengan terbinanya jambatan tersebut, Pekan Kiulu dapat diperluaskan ke sekitar Kampung Bayag dan Kampung Togudon.

Selain daripada itu, apabila nanti jalan raya yang menghubungi Kampung Tombung – Kampung Togudon – Kampung Tibabar – Kampung Kitapol maka Pekan Kiulu akan menjadi sebuah pekan penting yang sangat berpotensi untuk dibangunkan untuk pusat pelancongan dan perumahan. Anggaran pengguna jambatan ini adalah lebih kurang 5,000 orang dan anggaran kos sebanyak RM13 juta. Rakyat sangat berharap agar

kerajaan meluluskan permintaan ini apatah lagi projek yang sudah diumumkan kelulusannya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### **5.38 ptg.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Tuaran. Untuk menjawab usul yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tuaran, suka saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini, usaha untuk membantu dan meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar ini adalah merupakan kerjasama bersepadu di antara pelbagai agensi dan juga kerajaan, organisasi kerajaan dan juga bukan kerajaan semata-mata.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh sejak tahun 2011 hingga kini, kementerian telah membelanjakan sejumlah RM170,608,707.18. Di kawasan Parlimen Tuaran, telah kita belanjakan untuk pembinaan jalan raya di bawah program jalan luar bandar. Sebanyak enam buah projek jalan air luar bandar, jalan luar bandar telah berjaya disiapkan dari tahun 2011 sehingga 2014 dengan jumlah sepanjang jalan 39.6 kilometer. Dijangka bahawa 20 kilometer panjang jalan lagi akan berjaya disiapkan pada tahun 2016.

Dalam masa yang sama, kementerian ambil maklum dan memahami akan kesulitan yang dihadapi oleh penduduk Tuaran tentang kekurangan infrastruktur jambatan yang baik bagi memudahkan perhubungan penduduk kawasan pekan.

### **■1740**

Yang Berhormat juga telah membangkitkan empat cadangan projek jambatan untuk dibina di sekitar kawasan Tuaran yang baru disebut tadi oleh Yang Berhormat Tuaran. Kos keseluruhannya kita anggarkan berjumlah RM53 juta. Hasil semakan kementerian mendapati bahawa keempat-empat projek ini yang dicadangkan tiada dalam senarai permohonan kementerian kita.

Oleh yang demikian pihak Yang Berhormat kalau boleh mengemukakan permohonan secara rasmi kepada kementerian berhubung dengan cadangan pelaksanaan projek-projek tersebut dan akan di senaraikan di bawah permohonan Rancangan Malaysia ke-11 untuk pertimbangan dan kelulusan pihak EPU, Jabatan Perdana Menteri. Saya pula melakukan sedikit *homework* dengan izin mengenal pasti beberapa jambatan yang disebutkan jambatan menghubungi Kampung Tuaran dan

Kampung Sawah, Jambatan Timbul Tenggelam, Sungai Damit, Kampung Gedong, Jambatan Kampung Namadan, Kampung Malangang Baru, Kiulu dan Jambatan Pekan Kiulu, Bayag.

Di antara empat jambatan yang disyorkan, dua jambatan di bawah kerajaan negeri, dua jambatan kemungkinan boleh dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

### **Penambakan Laut Bagi Projek Melaka Gateway**

#### **5.41 ptg.**

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ucapan penangguhan saya mengenai kerja-kerja tambak laut untuk projek Melaka Gateway yang dimajukan oleh KAJ *Development* Sdn Bhd. Mengikut satu jawapan dewan pada 27hb November 2014, Unit Perancang Ekonomi negeri Melaka telah meneruskan projek tambak laut 7331.7 hektar dan dari rekod Jabatan Alam Sekitar, JAS sehingga kini terdapat hanya tiga kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA) dilaksanakan bagi projek penambakan laut tersebut iaitu seperti berikut:

- (i) Cadangan Projek Penambakan Pulau Kembar (Pulau Melaka). Tarikh kelulusan EIA, 28 November 1998;
- (ii) Cadangan Tebusguna Tanah (Parcel 1-4). Tarikh kelulusan EIA, 26 Oktober 1999; dan
- (iii) Cadangan Projek Penambakan Laut Antara Teluk Mas ke Klebang di Melaka Tengah, Melaka. Tarikh kelulusan EIA, 5 September 1994.

Dengan jelasnya projek Melaka Gateway oleh KAJ *Development* Sdn Bhd tidak pernah memohon atau mendapat kelulusan EIA dari Jabatan Alam Sekitar. Satu projek tambak laut yang begitu mega, semestinya akan menurunkan kualiti air marin, perubahan hidrologi dan morfologi pantai yang berdekatan serta aktiviti sosial ekonomi setempat. Dewan ini juga diberitahu satu projek tambak laut yang melibatkan kawasan yang besar sebegini mesti memperoleh satu kajian impak sosial, *social impact study* (SIA) sebelum ia dilaksanakan.

Sudah terbukti pemaju KAJ Sdn Bhd tidak pernah mempunyai laporan EIA atau SIA untuk projek Melaka Gateway dan ia telah mula kerja tambak laut dengan tidak ambil

sebarang langkah-langkah kawalan yang berkesan sesungguh pun bantahan telah dikemukakan oleh nelayan-nelayan, penduduk-penduduk Perkampungan Portugis, di mana kawasan carian kehidupan mereka terjejas.

Kementerian Alam Sekitar melalui JAS perlu sentiasa memantau aktiviti penambakan laut di Melaka. Membenarkan pemaju KAJ Sdn Bhd berlaku ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat kelulusan EIA. Maka saya mohon satu tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk mengeluarkan satu *stop work order* kepada pemaju KAJ Sdn Bhd. Sekian, ucapan saya Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### **5.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan Yang Berhormat Kota Melaka kerana menimbulkan isu-isu dan masalah yang berkaitan dengan penambakan laut sepanjang pantai negeri Melaka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak perlu lagi saya sebut siapakah pemaju projek ini sebab Yang Berhormat sudah tahu bahawa KAJ *Development* Sdn Bhd pemaju projek ini yang menjalankan penambakan laut untuk *Gateway Melaka*.

Projek ini juga diluluskan, sememangnya diluluskan oleh EPU negeri Melaka. Yang Berhormat sudah pun sebut itu tadi. Walaupun demikian makro EIA sudah pun dibuat meliputi kawasan 809 hektar yang baik yang penambakan akan ataupun sudah pun dijalankan sedikit demi sedikit. Selain daripada itu, Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau aktiviti-aktiviti penambakan ini untuk memastikan bahawa syarat-syarat EIA yang sudah pun ditetapkan diikuti oleh pemaju KAJ Sdn Bhd.

Walaupun ia demikian, ada beberapa lagi usaha yang perlu dijalankan oleh pemaju KAJ. Pertama, KAJ seharusnya menjalankan audit. Menjalankan audit alam sekitar yang berkaitan dengan sekeliling lautan marin di situ. Kedua, KAJ seharusnya menjalankan *social impact assessment* ataupun kajian impak sosial ke atas projek itu. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kerana bantahan daripada orang-orang tempatan di situ, itu mereka mesti menjalankan *social impact assessment* (SIA) yang seperti mana Yang Berhormat pun sudah tahu keperluan ini. Disebabkan pencemaran air marin seharusnya dijaga.

Oleh itu kajian hidraulik telah pun dibuat dan telah pun diluluskan pada tahun 2013 supaya persekitaran air marin akan dijaga dan kualitinya terus terjamin termasuk kualiti

air, termasuk *aquatic resources* ataupun sumber-sumber pengairan marin, benteng dan sebagainya mestilah dipantau. Jadi setakat ini pada bulan Februari 2015, Jabatan Alam Sekitar telah pun mengarahkan kepada KAJ untuk memberhentikan penambakan terdahulu sehingga arahan dari Jabatan Alam Sekitar dipatuhi. Seperti yang saya telah sebut tadi, audit dalaman kualiti alam sekitar di situ. Kedua, *social impact assessment* (SIA).

■1750

Ketiga juga, untuk mengkaji morfologi dan kualiti alam sekitar di situ dijaga. Oleh itu, KAJ yang bertanggungjawab untuk membangunkan itu sekarang tidak buat kerja penambakan kerana banyak lagi yang perlu dibuat. Apa yang penting, arahan dari Jabatan Alam Sekitar ialah memasangkan, satu, *double layer silt pattern* di sekeliling kawasan penambakan itu. Ini untuk mengelakkan arus air membawa nanti *silt* ataupun kelodak yang kecil-kecilan itu ke kawasan yang lain. Jadi pemasangan *double layer silt pattern* adalah penting. Kedua, pembinaan perimeter *bunding*. Pembinaan perimeter *bunding* ini juga penting bagi mengelakkan keruntuhan tebing nanti. Jadi ini juga penting dan juga ketiga, pembinaan *revetment*.

Jadi ketiga-tiga perkara ini adalah arahan Jabatan Alam Sekitar untuk dibuat dan untuk dibina. Ini arahan kepada KAJ supaya dibuat. Oleh itu, kerja penambakan setakat ini tidak dijalankan. Selama ini dan setakat ini, KAJ memang mematuhi syarat-syarat tetapi yang Jabatan Alam Sekitar tambah tadi seperti pemasangan *silt curtain*, *bunding* and *revetment* itu amat diperlukan.

Jabatan Alam Sekitar sentiasa membuat pemantauan dan penguatkuasaan untuk memastikan bahawa kualiti alam sekitar terjamin dalam projek itu. Jika kualiti alam sekitar sudah pun merosot, maka barulah *stop work order* boleh diberi kepada KAJ. Setakat ini, KAJ mematuhi semua syarat makro EIA dan juga mematuhi arahan dari Jabatan Alam Sekitar. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 21 Mei 2015.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.53 petang]**